



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 2905]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 2906]

Cuti Y.A.B. Dato Musa Hitam;

Y.B. Dato' Abdul Manan bin Othman;

Y.B. Dato Haji Abu Bakar Umar;

Y.B. Tuan Newman Gaban;

Y.B. Dato' Lew Sip Hon—Kebenaran

[Ruangan 2908]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2908]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 2976]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan)
[Ruangan 2977]

KANDUNGANNYA—(samb.)

UCAPAN PENANGGUHAN:

Kematian Puan Tan Siew Kee [Ruangan 3034]

Issu "College General" di Pulau Pinang [Ruangan 3037]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.M. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD
RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN
SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P.,
S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,
D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN
BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SERI
SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-
Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD
BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- .. Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- .. Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSI AH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

- Yang Berhormat DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT³ GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).

- Yang Berhormat TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 16hb Julai, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PEMASYHURAN TUAN
YANG DI-PERTUA

MEMPERKENANKAN
AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan memper-setujukan Akta-akta yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984;
2. Akta Perbekalan Tambahan (1982 dan 1983) 1984;
3. Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984;
4. Akta Kawalan Timah (Pindaan) 1984;
5. Akta Telekomunikasi (Pindaan) 1984;
6. Akta Tabung Pertahanan Negara (Pembubaran dan Pemindahan) 1984;
7. Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984;
8. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1984;
9. Akta Perancang Keluarga (Pindaan) 1984;

10. Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan) 1984;
11. Akta Elektrik (Pindaan) 1984;
12. Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984;
13. Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1984;
14. Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984;
15. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984; dan
16. Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984.

PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam mesyuarat Parlimen yang lalu.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan).

“25hb April, 1984

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,
Dewan Negara telah mempersetujui-kan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2);

2. Rang Undang-undang Perbe-
kalan Tambahan (1982 dan
1983);
3. Rang Undang-undang Mesin
Cetak dan Penerbitan;
4. Rang Undang-undang Kawalan
Timah (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Tele-
komunikasi (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Tabung
Pertahanan Negara (Pembubaran
dan Pemindahan);
7. Rang Undang-undang Keluarga
Islam (Wilayah Persekutuan);
8. Rang Undang-undang Kese-
lamatan Sosial Pekerja
(Pindaan);
9. Rang Undang-undang Perancang
Keluarga (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Perba-
danan Kemajuan Filem
Nasional Malaysia (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Elektrik
(Pindaan);
12. Rang Undang-undang Jalan-jalan
Persekutuan (Pengurusan Per-
sendirian);
13. Rang Undang-undang Ahli
Parlimen (Saraan) (Pindaan);
14. Rang Undang-undang Petroleum
(Langkah-langkah Keselamatan);
15. Rang Undang-undang Kanun
Tanah Negara (Pindaan); dan
16. Rang Undang-undang Perle-
senan Tenaga Atom.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA
DEWAN NEGARA"

CUTI Y.A.B. DATO MUSA HITAM
Y.B. DATO' ABDUL MANAN
BIN OTHMAN
Y.B. DATO HAJI ABU BAKAR
UMAR
Y.B. TUAN NEWMAN GABAN
Y.B. DATO' LEW SIP HON—
KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang
Berhormat, saya suka hendak
memberitahu Dewan iaitu pada
menjalankan kuasa-kuasa yang telah
diberikan kepada saya mengikut
ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini
pada 25hb April, 1961, saya telah
membenarkan cuti di bawah Perkara 52
Perlembagaan Persekutuan kepada:

1. Y.A.B. Dato' Musa Hitam dari
16hb Julai, 1984 hingga 27hb Julai
1984;
2. Y.B. Dato' Abdul Manan bin
Othman dari 16hb Julai, 1984
hingga 27hb Julai, 1984;
3. Y.B. Dato Haji Abu Bakar Umar
dari 8hb Julai, 1984 hingga 8hb
September, 1984;
4. Y.B. Tuan Newman Gaban dari
16hb Julai, 1984 hingga 27hb
Julai, 1984; dan
5. Y.B. Dato' Lew Sip Hon dari 16hb
Julai, 1984 hingga 27hb Julai,
1984.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang
Berhormat Tuan Lee Lam Thye.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker,
soalan No. 1.

Tuan Speaker, di sini saya ingin
membetulkan perkataan yang ter-
kandung di dalam ayat ke 5 soalan

ini, perkataan yang saya maksudkan ialah perkataan "pengangkutan". Yang sebenarnya perkataan ini hendaklah digantikan dengan perkataan "pengangguran tempatan" dan bukannya "pengangkutan tempatan" yang tersebut di dalam soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: "Seperti Pengangguran" ya.

Tuan Lee Lam Thye: Ya betul, "Memandangkan masalah seperti pengangguran" dan bukan "pengangkutan".

Tuan Yang di-Pertua: Minta dipindahkan. Minta tolong tanya soalan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, Soalan No. 1.

PERJANJIAN PEMBEKALAN PEKERJA-PEKERJA ANTARA MALAYSIA/INDONESIA

1. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tujuan sebenar Perjanjian Bekalan Pekerja yang ditandatangani oleh Timbalan Perdana Menteri dengan Indonesia, sama ada beliau sedar bahawa perjanjian tersebut nampaknya menyebabkan pergeseran sosial dan rasa sakit hati di pihak orang-orang tempatan memandangkan masalah seperti pengangguran tempatan dan masalah 300,000 orang pemegang kad pengenalan merah dan sama ada Kerajaan akan menimbang secara serius akibat dari perjanjian ini dan membenarkan Parlimen membahaskannya terlebih dulu sebelum disahkan.

37. Tuan Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dasar Kerajaan atas hal membawa orang-orang Indonesia untuk menambah bilangan kaum buruh dalam negeri.

17-7-74.

5. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan menyelesaikan masalah yang wujud kian lama ini yang dihadapi oleh lebih 300,000 pemegang kad pengenalan merah untuk menjadi warganegara sebelum Perjanjian Malaysia-Indonesia untuk membekalkan pekerja-pekerja Indonesia ke Malaysia dilaksanakan.

9. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada semua pendatang-pendatang haram Indonesia yang berjumlah 120,000 akan didaftar semula untuk mematuhi perjanjian Buruh yang tercapai baru-baru ini;
- (b) sama ada majikan-majikan yang mengupah mereka terdahulu daripada perjanjian ini akan dikenakan tindakan Mahkamah;
- (c) sama ada pekerja-pekerja tersebut dibenarkan berkahwin dengan gadis-gadis tempatan; jika ya, apakah taraf pemastautinan anaknya;
- (d) apakah syarat-syarat untuk meluluskan kewarganegaraan kepada pendatang-pendatang haram Indonesia; dan
- (e) bilangan kewarganegaraan yang telah diluluskan kepada pendatang-pendatang haram Indonesia bagi tempoh 1977 hingga 1983 dengan angka mengikut tahun.

33. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah Kerajaan satu perjanjian di antara Indonesia dan Malaysia telah ditandatangani baru-baru ini untuk membenarkan kemasukan tenaga buruh dari Indonesia ke Malaysia sedangkan kini Malaysia masih memperolehi jumlah bilangan pengangguran yang besar.

52. Dato Michael Chen Wing Sum minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kandungan Perjanjian yang dibuat dengan Kerajaan Indonesia mengenai penghijrahan pekerja-pekerja Indonesia ke Malaysia dan untuk menyatakan sama ada adakah polisi am untuk mengimport pekerja-pekerja ke Malaysia dari beberapa negara di sekeliling apabila terdapat kekurangan pekerja atau adakah persetujuan khas dengan negara Indonesia sahaja.

18-7-84.

15. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah permohonan untuk kewarganegaraan Malaysia yang masih sedang diuruskan;
- (b) perpecahan mengikut kaum semua pemohon-pemohon;
- (c) jumlah pemohon-pemohon yang memegang kad pengenalan merah yang telah memohon untuk mendapatkan kewarganegaraan lebih lima tahun;
- (d) apakah masalah-masalah utama yang dihadapi berhubung dengan pemerosesan dan kelulusan pemohon-pemohon untuk mendapatkan kewarganegaraan; dan
- (e) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menyegerakan pemerosesan permohonan-permohonan untuk kewarganegaraan terutama sekali bagi mereka yang telah bermastautin begitu lama di Malaysia.

20-7-84.

49. Tuan G. Govindaraj minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tujuan utama Kerajaan kita bagi menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Indonesia berkenaan dengan pengambilan buruh dari Indonesia;

(b) adakah pihak Kerajaan mengambil kira serta memper-timbangkan segala aspek terutama aspek Ekonomi, Sosial dan Politik sebelum membuat keputusan untuk menandatangani perjanjian tersebut; dan

(c) sedarkah pihak Kerajaan, bahawa dengan mengadakan perjanjian seperti ini, ia akan menjejaskan tenaga buruh tempatan di sektor Perladangan dan di sektor Swasta dalam jangka masa panjang, jika sedar apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk meng-awasi keadaan ini.

23-7-84.

18. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian Malaysia-Indonesia mengenai bekalan pekerja-pekerja Indonesia ke Malaysia yang dimeteraikan dalam bulan Mei ini, nyatakan kategori dan jumlah pekerja-pekerja yang akan dibekalkan, tempoh kontrak mereka dan sama ada benar pekerja-pekerja ini akan diberi kad pengenalan merah dan kemudian dianugerahkan sijil kewarganegaraan, dan apakah kedudukan seramai 300,000-500,000 pekerja-pekerja Indonesia yang telah memasuki dan sedang bekerja secara haram di Malaysia waktu ini.

24-7-84.

33. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab utama Kerajaan enggan menggunakan satu sistem atau tatacara yang lebih mudah untuk memproses permohonan-permohonan kerak-yatan oleh pemegang-pemegang kad pengenalan merah yang telah tinggal di negeri ini berpuluh-puluh tahun lamanya dan ber-jumlah antara 200 ke 300 ribu

orang memandangkan kumpulan ini boleh menjadi punca tenaga rakyat negeri kita;

(b) sama ada beliau sedar bahawa apabila seseorang buruh asing diambil bekerja di negeri kita, seorang rakyat akan dinafikan satu peluang pekerjaan; dan

(c) sekiranya keadaan memaksa kita mengupah buruh dari Indonesia, sama ada tempoh masa kerja, katalah selama beberapa tahun, akan dikenakan.

37. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan syarat-syarat dan isi kandungan Perjanjian Bekalan Pekerja yang ditandatangani dengan Kerajaan Indonesia dan bagaimanakah ia menjejaskan pasaran buruh tempatan dan mengapakah Kerajaan Indonesia mengumumkan bahawa pekerja-pekerja Indonesia yang bekerja di Malaysia selepas 10 tahun boleh memohon untuk mendapat kewarganegaraan Malaysia.

26-7-84.

4. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah sebab ditandatangani satu perjanjian untuk membenarkan orang Indonesia bekerja di Malaysia padahal dalam negara ini telah ramai pemegang kad pengenalan merah yang kekal di sini tetapi tidak dibenarkan bekerja bebas dengan upahan.

5. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Dalam Negeri menyatakan angka pada awal tahun ini seperti berikut:

(a) jumlah bilangan pemegang kad pengenalan merah;

(b) bilangan pemegang kad pengenalan merah yang lahir di negara ini;

(c) bilangan pemegang kad pengenalan yang tidak mempunyai kerja;

(d) bilangan pekerja Indonesia yang berdaftar dengan rasminya untuk bekerja di negara ini; dan

(e) adakah perjanjian yang serupa akan ditandatangani dengan negara-negara yang mempunyai lebihan buruh seperti India, Pakistan, Bangladesh dan Sri Lanka untuk membenarkan pekerja-pekerja mereka ke Malaysia.

27-7-84.

3. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah suatu jaminan oleh pihak Kerajaan terhadap buruh yang akan dibawa masuk dari Indonesia ke negara ini bahawa mereka tidak berpeluang melakukan kegiatan jenayah sebagaimana pernah dilakukan oleh setengah-setengah mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkara Perjanjian Pembekalan Pekerja-pekerja di antara Malaysia dan Republik Indonesia ini menarik minat dan perhatian ramai Ahli-ahli Yang Berhormat, terutamanya dari pihak Pembangkang, saya mohon izin memberikan penjelasan lanjut mengenai perkara ini dan juga menjawab sekali gus soalan-soalan dari:

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada soalan No. 37 hari ini juga iaitu 16-7-84;

Ahli Yang Berhormat dari Kinta....

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Adakah Yang Berhormat menjawab sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri yang mana baru-baru ini diumumkan tetapi belum mengangkat Sumpah, atau sebagai jawatan lama. Bolehkah ini dijelaskan?

Tuan Yang di-Pertua: Pada fikiran saya mana-mana seorang Menteri boleh menjawab pada mana-mana sahaja soalan (*Tepuk*).

Sila teruskan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:
Terima kasih.

Ahli Yang Berhormat dari Kinta—17-7-84

Ahli Yang Berhormat dari Beruas—17-7-84

Ahli Yang Berhormat dari Lumut—17-7-84

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka—17-7-84

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching—17-7-84

Ahli Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang—20-7-84

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi—23-7-84

Ahli Yang Berhormat dari Sandakan—24-7-84

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam—24-7-84

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh—26-7-84

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera—26-7-84

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa—27-7-84

Tuan Yang di-Pertua, tujuan sebenar Perjanjian Pembekalan Pekerja-pekerja di antara Malaysia dengan Republik Indonesia yang telah ditandatangani di Medan, Indonesia pada 12 Mei, 1984 ialah:

- (1) untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja yang serius di negara ini khususnya di sektor-sektor ladang dan pembinaan yang menyebabkan kerugian kepada ekonomi negara sebanyak \$14 juta dalam tahun 1980 dan \$74 juta dalam tahun 1981;

- (2) untuk mencegah dan membanteras kemasukan secara haram pekerja-pekerja asing ke negara ini akibat daripada permintaan melebihi bekalan pekerja-pekerja dalam sektor-sektor itu;

- (3) untuk membolehkan kemasukan pekerja-pekerja asing ke negara ini secara teratur, terkawal dan sah; dan

- (4) untuk melindungi pekerja-pekerja tersebut dan juga majikan-majikan berkenaan daripada eksploitasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Kerajaan tidak menyedari bahawa perjanjian tersebut telah menimbulkan masalah sosial dan rasa iri hati di kalangan rakyat negara ini. Apa yang disedari oleh Kerajaan ialah adanya kalangan tertentu, khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP yang iri hati dengan perjanjian itu dan keduanya perjanjian itu akan menimbulkan berbagai tanggapan dan sengaja dikhayalkan.

Mengenai pemegang-pemegang kad pengenalan merah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sejak bulan Ogos 1982 lagi pihak Kerajaan telah pun mengecualikan mereka daripada memperolehi permit kerja untuk bekerja di dalam sektor-sektor ladang pembinaan sekiranya mereka berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, perjanjian itu berdasarkan kepada hasil kajian-kajian mengenai kekurangan tenaga kerja di negara ini yang telah dibuat oleh Kementerian Buruh dan juga pertubuhan-pertubuhan seperti Persatuan Penanam Bersatu Malaysia, Institut Penyelidikan Getah Malaysia, Majlis Penanam-penanam Kelapa Sawit Malaysia dan Persatuan Majikan-majikan Malaysia.

Kajian-kajian tersebut menunjukkan wujudnya kekurangan tenaga pekerja sebanyak lebih kurang 35,000 dalam sektor awam dan 25,000 dalam sektor swasta menjelang tahun 1985.

Kerugian-kerugian yang dialami oleh pihak swasta telah mendorong pertumbuhan-pertumbuhan tersebut menggesa Kerajaan supaya membenarkan kemasukan pekerja-pekerja asing untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja di negara ini.

Justeru itu, Kerajaan terpaksa mengambil tindakan yang positif bagi mengelakkan kerugian berlanjutan hasil negara serta kekurangan yang berterusan tenaga pekerja di sektor-sektor ladang dan pembinaan khususnya.

Oleh itu, Kerajaan membuat keputusan bagi membenarkan kemasukan pekerja-pekerja asing dari negara-negara ASEAN dan juga Bangladesh, India dan Sri Lanka.

Walau bagaimanapun, di peringkat permulaannya pekerja-pekerja dari negara-negara ASEAN dahulu akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Perjanjian Pembekalan Pekerja-pekerja di antara Malaysia dengan Republik Indonesia Pihak Indonesia akan membekalkan kepada Malaysia pekerja-pekerja yang diperlukan hanya atas permintaan Malaysia. Pekerja-pekerja Indonesia yang dibawa masuk itu akan bekerja di Malaysia secara kontrak bagi tempoh selama 2 tahun dan setelah tamat tempoh itu mereka akan dihantar balik ke Indonesia. Pekerja-pekerja Indonesia yang akan dibawa masuk itu akan diteliti dan ditapis latar belakang mereka yang termasuk aspek-aspek keselamatan, kesihatan dan pengalaman bekerja. Di samping itu pekerja-pekerja tersebut akan diorientasi supaya mereka memahami keadaan dan cara hidup dan undang-undang di Malaysia.

Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum permintaan tenaga pekerja dalam sektor-sektor ladang dan pembinaan jauh melebihi pembekalan dari sumber dalam negeri, dengan izin, demand exceeds supply. Keadaan yang demikian telah menarik warganegara asing masuk ke negara ini secara haram untuk mencari pekerjaan. Perjanjian ini bukan sahaja dapat mengatasi kekurangan tenaga pekerja seperti yang dijelaskan tetapi ia juga bertujuan untuk membenteras dan mencegah kemasukan secara haram pekerja-pekerja asing di negara kita. Ini adalah kerana perjanjian ini memperuntukkan kemasukan pekerja-pekerja asing secara teratur, terkawal dan sah.

Dalam pada kita mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja Kerajaan juga perlu menjamin kepentingan majikan serta pekerja-pekerja asing daripada eksploitasi oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab.

Suka saya menegaskan di sini bahawa kemasukan dan kehadiran pekerja-pekerja asing di negara kita ini tidak akan menjejaskan peluang pekerjaan pekerja-pekerja tempatan di negara kita. Ini disebabkan kerana pekerja-pekerja asing yang dibawa masuk dan dibenar bekerja di negara kita adalah dengan tujuan untuk mengisi kekosongan yang wujud dan bukannya untuk mengambil tempat atau menggantikan pekerja-pekerja tempatan yang sedia ada dan juga bukannya untuk merampas peluang pekerjaan pekerja-pekerja tempatan di negara kita ini. Sebaliknya, kita sepatutnya berterima kasih kepada Kerajaan Indonesia kerana bersetuju membekalkan pekerja-pekerja yang diperlukan oleh Malaysia demi untuk faedah pembinaan ekonomi negara kita.

Berhubung dengan niasalah pendatang haram, Kerajaan sentiasa melaksanakan dasar dan tindakan yang tegas terhadap mereka tanpa mengira

keturunan dan negara asal mereka. Kerajaan akan terus mengesan, menangkap, mendakwa dan seterusnya mengusir mereka keluar dari negara ini.

Berkenaan dengan pemegang-pemegang kad pengenalan merah, saya ingin menjelaskan di sini bahawa mereka diberi kemudahan untuk tinggal di negara ini mengikut undang-undang imigresen. Sejak Ogos 1982 Kerajaan telah mengecualikan pemegang kad pengenalan merah daripada memperolehi permit kerja bagi membolehkan mereka bekerja sebagai buruh di sektor-sektor ladang dan pembinaan. Ini bermakna perjanjian ini tidak menjejaskan peluang pekerjaan pemegang kad pengenalan merah sekiranya mereka memilih untuk bekerja sebagai buruh di sektor-sektor tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini seterusnya Kerajaan tetap menimbang setiap permohonan taraf kerakyatan dengan penuh teliti demi menjamin bahawa mereka yang benar-benar layak dan memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh Perlembagaan Malaysia sahaja akan mendapat anugerah negara tertinggi ini. Pada masa ini Kerajaan sedang memproses sejumlah 16.000 permohonan taraf kerakyatan yang telah dikemukakan oleh mereka yang memegang kad pengenalan merah. Kerajaan hanya boleh menimbang mana-mana permohonan yang dikemukakan kepadanya sahaja.

Mengenai pekerja-pekerja asing pula sepertimana yang telah dijelaskan mereka dibawa masuk untuk bekerja di sektor-sektor tertentu di negara ini secara kontrak bagi tempoh selama 2 tahun dan setelah tamat tempoh tersebut mereka akan dihantar pulang ke negara asal mereka. Oleh yang demikian, masalah mereka itu menjadi penduduk tetap atau warganegara negara ini tidaklah timbul. Di samping itu semasa mereka berada di negara ini

mereka tidaklah menjadi beban ekonomi, sosial dan pelajaran sebagaimana didakwa oleh setengah-setengah Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebaliknya, mereka merupakan asset dalam pembangunan negara dalam sektor ladang dan pembinaan yang berkembang dengan pesat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, Perjanjian Pembekalan Pekerja-pekerja di antara Malaysia dengan Republik Indonesia itu tidaklah perlu dibimbangkan oleh sesiapa pun. Nampaknya kalangan tertentu sahaja khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP yang menonjol-nonjolkan kebimbangan dan rasa tidak puas hati serta mengelirukan matlamat sebenar perjanjian tersebut.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan salah satu tujuan untuk hendakkan Perjanjian Bekalan Pekerja ialah untuk mencegah dan membenteraskan kemasukan secara haram pekerja-pekerja asing. Soalan tambahan, sama ada satu amnesty atau pengampunan terbuka akan ditawarkan kepada pekerja-pekerja haram yang kini terdapat di Malaysia. Jika ia bila? Jika tidak apakah sebab-sebabnya.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya terangkan dengan panjang lebar iaitu salah satu daripada tujuan sebenarnya Perjanjian Bekalan Pekerja-pekerja di antara Malaysia dan Republik Indonesia ditandatangani ialah untuk membenteras kemasukan secara haram pekerja-pekerja asing tetapi tujuan utamanya untuk mengatasi kekurangan tenaga pekerja. Berkenaan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tentang kemasukan secara haram mereka yang dikesan, pihak Kerajaan telah pun mengambil tindakan dap mengusir mereka balik ke negara asing.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang belum mengangkat sumpah memberi tahu Dewan ini bahawa dengan Perjanjian Bekalan Pekerja yang ditandatangani di Medan, apakah kedudukan lebih kurang 300,000 imigran haram Indonesia yang dianggarkan berada di negara kita. Adakah dengan menandatangani perjanjian tersebut bahawa kedudukan mereka serta-merta disahkan dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kenapa perjanjian ini ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri oleh kerana untuk pihak Indonesia ialah Menteri Biro yang setaraf Menteri Buruh Malaysia untuk menandatangani perjanjian itu. Adakah ini oleh kerana faktor-faktor pilihanraya dalam UMNO yang boleh digunakan atau adakah ini oleh kerana Yang Berhormat Menteri Biro bagi pihak MCA tidak setuju dan membantah perjanjian itu ditandatangani. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu penjelasan sama ada perjanjian ini sudah dilaksanakan dan kalau dilaksanakan memberitahu butir-butirnya.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya selaku Timbalan Menteri tidak payah lagi mengangkat sumpah jikalau saya ditukarkan ke Kementerian yang lain (*Tepuk*). Untuk menjawab soalan seterusnya daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka berkenaan dengan kononnya terdapat 300,000 lebih pendatang haram dari Indonesia, sebagaimana saya terangkan tadi masalah ini Kerajaan sentiasa melaksanakan dasar dan tindakan yang tegas dan telah pun semenjak tahun 1975 mengambil tindakan mengusir mereka balik ke negara asal.

Berkenaan dengan taraf Timbalan Perdana Menteri selaku badan yang

menandatangani perjanjian tersebut, inilah saya menjelaskan di sini selain daripada menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Yang Amat Berhormat Menteri berkenaan memegang beberapa jawatan yang bersangkutan paut dengan perjanjian yang boleh dimeterikan di antara Malaysia dan negara-negara ASEAN. Tentang pertanyaan yang akhir adakah perjanjian itu telah dilaksanakan, jawabnya belum lagi.

BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE—SKANDAL

2. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan memberi satu laporan mengenai hasil berbagai penyiasatan yang dilakukan ke dalam skandal Bumiputra Malaysia Finance, amaun dan sebab-sebab kerugian tersebut berlaku serta nama orang-orang yang terlibat, dan nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mencegah berulangnya peristiwa tersebut.

19-7-84

36. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada jawatankuasa penyiasatan tiga orang yang ditubuhkan untuk menyiasat ke dalam skandal pinjaman Bumiputra Malaysia Finance di Hong Kong telah menyelesaikan penyiasatannya, jika tidak, bilakah ia dijangka dapat menyelesaikan penyiasatannya dan sama ada satu laporan sementara (interim report) akan diberi mengenai kemajuan yang dicapai setakat ini dalam penyiasatan tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, selain daripada soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada satu lagi soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi untuk dijawab pada 19hb Julai mengenai perkara yang sama. Saya memohon menjawab kedua-dua soalan tersebut pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jawatankuasa yang dilantik untuk menyasiat ke atas pinjaman yang dikeluarkan oleh Bumiputra Malaysia Finance (BMF) telah menjalankan kerjanya sejak pertengahan bulan Januari tahun ini. Saya diberi fahaman oleh Pengerusinya bahawa pemeriksaan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan pinjaman yang dikeluarkan oleh BMF sehingga akhir tahun 1983 hampir akan selesai dan dijangka kalau tiada halangan-halangan tertentu akan siap dua tiga bulan lagi. Dalam pada itu Jawatankuasa tersebut juga dijangka akan dapat menyiapkan satu laporan sementara (interim report) tidak berapa lama lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Bahagian kedua belum dijawab. Apakah tindakan dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk mencegah berulang peristiwa tersebut.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kita akan mengambil tindakan-tindakan selaras dengan kajian dan cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa berkenaan. Kita tidak tahu dengan pasti cadangan-cadangan itu sekarang maka segala tindakan-tindakan kita tertakluk dan bergantung kepada penyiasatan yang sedang dibuat terhadap perkara yang masih lagi dalam penyiasatan yang ada sekarang ini.

SALURAN TV3

3. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Penerangan menyatakan memandangkan filem-filem yang ditayangkan oleh Sistem Televisyen Malaysia Berhad melalui saluran 3 adalah keluaran terbaharu, adakah RTM akan juga berbuat demikian supaya rancangan-rancangan yang tidak digemari ramai akan digantikan dengan filem atau rancangan baru supaya bilangan penonton Saluran 1 dan 2 akan

bertambah dan tidak menumpu semata-mata kepada Saluran TV3 dan nyatakan juga kajian yang telah dibuat setakat ini oleh sebuah pasukan Petugas yang ditubuhkan untuk mengkaji perjalanan Saluran TV3 ini.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, matlamat utama TV3 sebagai satu usaha niaga adalah berbeza daripada matlamat utama RTM sebagai media rasmi Kerajaan. Matlamat dan tanggungjawab utama RTM sebagai media rasmi Kerajaan ialah untuk menyiarkan rancangan-rancangan yang dapat memupuk semangat kerjasama dan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum di samping memenuhi kehendak-kehendak kerohanian mereka dari segi keagamaan dan kebudayaan sambil meninggikan lagi pengetahuan dan sikap tanggungjawab mereka. Maka itu peranan RTM dengan ringkasnya untuk memberi penerangan pendidikan dan akhirnya sekali hiburan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengambil kesempatan menyatakan di sini bahawa RTM telah dan sentiasa mencari jalan bagi meningkatkan lagi mutu persembahan rancangannya.

Di samping itu rancangan RTM ialah untuk menambahkan bilangan penerbitan tempatan dan meningkatkan mutunya. Mengenai tayangan filem-filem luar negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat adalah dimaklumkan dengan hormatnya bahawa filem-filem yang ditayangkan oleh RTM adalah filem-filem yang sesuai dan juga yang terbaharu sekali.

Siri "The Blue and the Grey" berusia dua tahun. Siri "The Winds of War" berusia sembilan bulan apabila ditayangkan. Siri "Jessie Owens" baru berusia satu bulan; siap penggambarannya awal bulan Jun dan ditayangkan di Amerika Syarikat pada 20hb Jun baru-baru ini sahaja.

Namun demikian, RTM tidak bercadang menggantikan dengan begitu sahaja rancangan-rancangan yang tidak digemari dengan filem-filem yang disukai ramai. Matlamat RTM seperti diterangkan tadi bukanlah semata-mata untuk memikat penonton yang ramai tetapi memberi sedikit sebanyak manfaat kepada penonton sekalian.

Mengenai Pasukan Petugas yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, satu kajian atas kesan balas TV3 sedang dijalankan. TV3 baru sahaja ke udara pada 1hb Jun, 1984 yang lepas dan adalah terlalu awal bagi Kementerian saya untuk menyatakan kesan balas ini. Kajian atas kesan balas TV3 perlu dilakukan dalam satu jangka masa yang panjang.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar mengenai minat TV3 oleh sebab banyak program RTM adalah program ugama, maka banyak aduan dari orang bukan Islam yang telah membuat komplén. Jika ya, apakah Kementerian buat untuk menyelesaikan aduan ini.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bukan ya tetapi tidak benar oleh kerana apa yang saya telah jawabkan tadi dalam pokok jawapan saya ialah matlamat RTM ialah untuk memberi penerangan, pendidikan dan akhirnya hiburan. TV3 cuma hiburan sahaja. Jadi, jika kita meneliti perkara dua sebaran am ini dari segi tujuan dan matlamatnya adalah berlainannya.

Tuan Kbadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan bahawa rangkaian TV3 ini dilaksanakan oleh swasta. Jadi soalnya apakah atau adakah apa-apa kuasa Kerajaan untuk menghalang, menyekat tayangan-tayangan filem yang bercorak "immoral" atau adegan-adegan yang

boleh menjatuhkan moral rakyat di negara ini sesuai dengan penerapan nilai-nilai Islam.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk penyiaran dalam TV3 ini adalah di bawah tanggungjawab dua Kementerian iaitu Kementerian Tenaga, Pos dan Telekom dan juga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kementerian Tenaga, Pos dan Telekom bertanggungjawab mengeluarkan lesen-lesen kepada TV3 dan untuk menapiskan filem-filem yang ditayangkan jikalau ada adegan-adegan yang tidak sesuai itu adalah tanggungjawab Lembaga Penapis Filem di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

PARLIMEN—GELANGGANG TENIS/SEPAK TAKRAW/ BADMINTON

4. **Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sebab-sebab mengapa gelanggang tenis, sepak takraw dan badminton yang terletak di perkarangan Bangunan Parlimen yang dikatakan telah siap dalam tahun 1983 masih tidak boleh digunakan oleh Ahli-ahli Parlimen kerana berada dalam keadaan yang buruk dan tidak dibaiki sepenuhnya, hingga pembukaan rasminya ditangguhkan. Bilakah tindakan segera akan diambil oleh Jabatan Kerjaraya bagi menentukan upacara perasmian dapat diadakan dengan secepat mungkin.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, sebab utama gelanggang tenis, sepak takraw dan badminton di perkarangan Bangunan Parlimen ini tidak dapat digunakan ialah kerana ia telah dibina pada masa dan cara yang tidak sesuai. Ini menyebabkan kerosakan gelanggang berkenaan. Usaha untuk memperbaiki keadaan tersebut telah pun dibuat beberapa kali. Walau bagaimanapun, oleh kerana hasilnya tidak juga

memuaskan, Kementerian saya telah mengarahkan pihak kontraktor untuk menurapsemula permukaan gelanggang tersebut. Kerja-kerja ini dijangka siap enam minggu dari sekarang.

Suka juga saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja ini dijalankan oleh kontraktor tanpa tambahan kos meskipun tempoh kontrak telah tamat dan wang tahanan telah diberi. Ini telah dilakukan oleh kontraktor semata-mata berdasarkan kepada "goodwill" kerana pada masa ini kontraktor yang sama sedang menjalankan kerja-kerja pembinaan pondok kawalan Bangunan Parlimen.

Tuan Haji Azharul Ahidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, di samping kerja-kerja yang akan dijalankan bagi menyelesaikan perkara-perkara yang tidak dapat dilaksanakan untuk digunakan gelanggang ini, bolehkah pihak Parlimen ini menyediakan satu rangka kerja bagi melindungi gelanggang badminton atau gelanggang bulu tangkis yang tidak sesuai di tengah padang sana dibuat sebuah gelanggang bulu tangkis kerana menjauhkan atau mengelakkan dari tiupan angin. Kalaulah boleh diadakan dinding-dinding supaya Ahli-ahli Parlimen atau pekerja-pekerja Parlimen yang tua-tua ini tidak payah memburu bulu-bulu tangkis lari ke sana lari ke mari ditiup oleh angin.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan dari Ahli Yang Berhormat itu sedikit lain daripada soalan asal. Tetapi Ahli Yang Berhormat suka juga mencadangkan seperti apa beliau kata tadi bolehlah saya memberi pertimbangan.

BALING—PEMBINAAN POLIKLINIK

5. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Poliklinik di Baling akan

didirikan dan sejauh mana usaha tersebut telah dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato K. Pathmanaban): Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, di senarai saya ditulis soalan No. 39.

Tuan Yang di-Pertua, projek blok wad baru sebenarnya melibatkan pembinaan sebuah blok wad empat tingkat di Baling. Kajian-kajian sedang dijalankan untuk menentukan kemudahan-kemudahan fizikal yang sesuai bagi blok seperti itu dan pembinaan wad ini mungkin boleh dimulakan selepas tahun 1985 sekiranya peruntukan diberi.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah Poliklinik bukan wad. Ini soalan No. 5.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya memang faham soalan itu, apa yang saya katakan ialah projek yang ditujukan untuk Baling itu yang mengandungi Poliklinik ialah wad blok empat tingkat. Jadi saya harap itu adalah jelas.

BAHASA ASING— RANCANGAN KERAJAAN

6. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan jangka pendek dan panjang untuk menambahkan bilangan bahasa asing seperti Perancis, Jepun, Jerman dan lain-lain, untuk diajar di sekolah-sekolah di negara ini supaya rakyat Malaysia yang akan datang boleh bertutur dalam berbagai-bagai bahasa.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

Percubaan sedang dijalankan di sekolah-sekolah berasrama penuh untuk diajarkan bahasa-bahasa asing seperti bahasa Arab, Jepun dan Perancis. Hasil daripada percubaan ini akan membolehkan Kementerian Pelajaran mengambil keputusan untuk merangka satu rancangan jangka masa panjang kelak.

PEGAWAI PTD— KURSUS TAHUN 1985

7. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) diarahkan tidak menghantar pegawai-pegawai ke Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) bagi menjalani kursus pra perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) untuk sesi 1984. Jika benar apakah muslihat di sebalik arahan itu. Nyatakan apakah cadangan Kerajaan untuk sesi 1985 dan berapa tempatkah untuk latihan itu akan disediakan.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat itu mengatakan tidak akan diadakan kursus untuk Pegawai-pegawai PTD pra perkhidmatan itu tidak benar dan pada waktu ini bilangan untuk kursus bagi tahun 1985 itu belum lagi ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Mohammad Yussof bin Haji Yakob.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Mohammad Yussof bin Haji Yakob tidak hadir).

ALAT RAWATAN BUAH PINGGANG DI HOSPITAL BESAR KOTA BHARU

9. **Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian

Kesihatan bercadang hendak mengadakan alat rawatan buah pinggang (Kidney Dialysis) di Hospital Besar Kota Bharu Kelantan; jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan bercadang untuk melengkapkan semua Hospital Besar Kerajaan dengan alat-alat rawatan buah pinggang apabila keadaan mengizinkan. Walau bagaimanapun disebabkan kekurangan kewangan buat permulaannya Kementerian Kesihatan sedang membekalkan alat-alat rawatan buah pinggang ke Hospital-hospital Besar di Alor Setar, Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru, Sibul dan di Kota Kinabalu di samping Hospital Besar Kuala Lumpur. Alat-alat ini telah didermakan oleh BAKTI (Badan Amal Kebajikan Isteri-isteri Kepada Menteri-menteri).

Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Hospital Besar Kota Bharu akan juga dibekalkan dengan alat rawatan buah pinggang dengan seberapa segera apabila keadaan mengizinkan kerana adalah juga menjadi tujuan Kementerian Kesihatan untuk memberikan perkhidmatan ini di Kota Bharu dengan secepat mungkin.

Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kandungan air sungai di Kelantan mempunyai logam-logam yang membahayakan buah-buah pinggang yang menyebabkan penduduk-penduduk dalam negeri Kelantan begitu ramai mengidap penyakit buah pinggang.

Tuan Yang di-Pertua: Pada fikiran saya, soalan tambahan itu tidak bersangkutan dengan soalan asal. Penyakit buah pinggang ini fasal lain agaknya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada alat rawatan buah pinggang ini, adakah Kementerian itu bercadang untuk mengadakan pakar buah pinggang?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian mempunyai pakar-pakar dalam bidang rawatan ini dan kita harap dapat meluaskan lagi ahli-ahli pakar dalam bidang ini.

KUMPULAN WANG SIMPANAN GURU (TPF)

10. Wan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Guru (TPF) tidak lagi berjalan adakah Kerajaan bercadang akan memulangkan kembali wang caruman itu kepada pencarumnya atau memindahkan wang TPF ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Dato' Sabbaruddin Cbik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan tidak bercadang untuk memulangkan kembali wang caruman Kumpulan Simpanan Wang Guru-guru kepada pencarum-pencarumnya ataupun memindahkan wang tersebut ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru 1961. Bahagian (3) para 12A dan bahagian (4) para 14 menyatakan bahawa wang caruman tersebut hanya boleh dikeluarkan di atas sebab-sebab berikut:

- (i) bersara kerana kesihatan mengikut akuan Jemaah Doktor;
- (ii) bersara atas pilihan sendiri atau persaraan yang diwajibkan;
- (iii) meninggalkan negeri dengan niat tidak akan kembali lagi ke negeri ini;

(iv) caruman yang tersalah dibayar; dan

(v) apabila pencarum itu meninggal dunia.

Di atas sebab-sebab lain wang ini tidak akan dikembalikan kepada pencarum-pencarum.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk memindahkan wang-wang caruman TPF kecuali dengan syarat-syarat seperti yang dinyatakan. Oleh kerana TPF pada masa ini tidak lagi berfungsi saya kira, pencarum-pencarumnya tidak lagi membuat caruman sebahagian besar daripada guru-guru itu, dan kebanyakan guru-guru yang tidak mencarum lagi di dalam TPF ini hampir kesemuanya merayu kepada Kerajaan untuk mengeluarkan wang carumannya. Jadi adakah Kerajaan akan menimbangkan semula keputusannya supaya pencarum-pencarum TPF ini boleh mengeluarkan wang carumannya untuk disalurkan semula ke dalam Skim Amanah Saham Nasional (ASN) bagi mereka yang terdiri daripada golongan Bumiputera ataupun boleh mereka mengeluarkan sebahagian daripada wang carumannya di dalam TPF itu untuk membayar 10% wang pendahuluan perumahan sepertimana yang dilaksanakan oleh EPF, dengan izin, Employees Provident Fund.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, buat sekarang ini tidak, kerana seperti saya katakan tadi peruntukan yang terdapat di dalam TPF tidak mengizinkan wang-wang tadi dikeluarkan kepada pencarum-pencarum kecuali pencarum-pencarum memenuhi syarat-syarat yang saya nyatakan tadi. Walau bagaimanapun kalau sekiranya perkara ini hendak dilakukan, maka terlebih dahulu perundangan ataupun syarat-syarat

yang ada di dalam TPF ini harus diubah dahulu, kalau tidak diubah tidak boleh, sebab tidak ada peruntukan yang membolehkan wang itu dikeluarkan.

Dalam pada itu untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang bertanya tadi, sebenarnya masih lagi ada pencarum seramai 14 ahli (14 orang) iaini pada 31hb Disember, 1983 walaupun kebanyakan ahli-ahli lain, lebih daripada 44,000, memang telah pun berhenti membuat caruman-caruman.

TULISAN JAWI SEBAGAI MATAPELAJARAN WAJIB

11. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar pengajaran tulisan Jawi di peringkat sekolah akan diwajibkan; jika ya, sama ada keputusan ini akan dikaji semula supaya tidak akan bercanggah dengan Perkara 152 Perlembagaan Malaysia, yang mana menyatakan bentuk tulisan rasmi bagi Bahasa Malaysia ialah huruf Rumi dan bukan Jawi.

17-7-84

3. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada diwajibkan bagi pelajar-pelajar bukan Melayu mempelajari tulisan Jawi di dalam semua sekolah rendah, jika diwajibkan, sama ada ianya berlawanan dengan Fasal 152 Perlembagaan Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye pada 17hb esok.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini pengkajian tulisan Jawi belum lagi dirancang sebagai matapelajaran wajib oleh semua murid di peringkat sekolah dan dengan itu tidaklah perlu saya menjelaskan kaitannya dengan Perkara

152 Perlembagaan Malaysia seperti yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa Kerajaan belum merancang untuk menjadikan tulisan Jawi sebagai wajib.

Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar tentang satu kejadian yang berlaku di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Jalan Peel, Kuala Lumpur di mana seorang murid bukan Islam dipaksa mempelajari tulisan Jawi dan jika Yang Berhormat Menteri sedar tentang hal ini suka saya mendapat tahu apakah tindakan yang akan diambil terhadap perkara ini?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar akan hal ini dan kita telah membetulkan kedudukan ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan jawapan tadi Menteri berkenaan tidak menjawab sama ada matapelajaran ini akan diwajibkan. Adakah Kementerian-nya hendak mewajibkannya pada masa depan?

Tuan Yang di-Pertua: Saya tak benarkan soalan itu ialah kerana soalan itu bukan menjadi satu ketetapan lagi, iaitu sebagai "hypothesis".

KEDAH SEBAGAI NEGERI PERTANIAN

12. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pertanian menyatakan apakah penekanan-penekanan yang akan dibuat oleh Kementerian Pertanian terhadap Negeri Kedah sebagai sebuah negeri pertanian bagi memajukan lagi sektor pertanian sejajar dengan kehendak Dasar Pertanian Negara.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, penekanan-penekanan yang akan dibuat oleh Kerajaan di Negeri Kedah terhadap pembangunan pertanian berdasarkan kepada beberapa kawasan pembangunan luar bandar yang telah dikenalpasti. Khidmat Nasihat dan Latihan dalam perusahaan pertanian akan dipertingkatkan dan pembangunan komoditi seperti padi, sayuran dan buah-buahan akan digalakkan di kawasan tersebut.

HAD UMUR PERSARAAN

13. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Buruh menyatakan memandangkan terdapat kekurangan tenaga kerja seperti didakwa oleh Kerajaan sama ada Kerajaan bercadang meninggikan had umur persaraan kepada 60 dan bukan 55 tahun seperti sekarang supaya kita tidak bergantung kepada buruh asing; jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menetapkan 55 tahun sebagai had umur persaraan wajib bagi anggota-anggota dalam sektor awam. Kerajaan juga tidak menghadapi kesulitan dalam mendapatkan pengganti-pengganti untuk anggota-anggota yang bersara, oleh itu Kerajaan tidak bercadang menaikkan had umur persaraan wajib dalam sektor awam buat masa sekarang.

Bagi sektor swasta pula, umur persaraan ditetapkan oleh pihak majikan masing-masing. Kerajaan tidak menetapkan umur persaraan dalam sektor swasta kerana pihak majikan sendiri yang lebih mengetahui mengenai kesesuaian umur pekerja-pekerja mengikut keperluan mereka.

LEBUHRAYA KUCHING/ SIBU—KESESAKAN

14. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama

ada beliau sedar akan kesesakan lalulintas terutama di musim-musim perayaan dan hujung minggu di kedua-dua belah tebing Sungai Rejang di mana Lebuhraya Kuching/Sibu disambungkan dengan perkhidmatan feri yang sangat lambat dan tidak cekap dan banyak kenderaan terpaksa menunggu selama lima atau enam jam sebelum dapat menyeberangi sungai itu dan jika ya, sama ada Kementerian bercadang menambah bilangan feri yang berkhidmat di situ atau membina sebuah jambatan untuk mengatasi masalah ini.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar masalah kesesakan lalulintas yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Masalah ini timbul kerana muatan feri yang menjalankan perkhidmatan di tempat berkenaan hanya 10 buah sahaja sedangkan jumlah kenderaan yang menggunakannya di musim perayaan adalah terlalu banyak. Walau bagaimanapun, untuk mengurangkan masalah tersebut, pada masa ini Kementerian saya sedang jalan dalam memproses untuk menukarkan feri tersebut dengan feri yang baru yang boleh membawa muatan yang lebih, iaitu sebanyak 12 buah kenderaan pada satu-satu masa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, harga feri yang baru ini ialah \$1.1 juta dan ia akan mula digunakan pada bulan hadapan. Dengan penggunaan feri yang baru ini adalah diharapkan kesesakan tersebut akan dapat dikurangkan.

RUMAH KEDAI HARGA MURAH

15. Tuan Mokbtaram bin Rabldin minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kementeriannya akan mengadakan peraturan mensyaratkan pemaju-pemaju perumahan yang membina rumah-rumah kedai, dimestikan membina rumah-rumah

kedai harga murah, seperti syarat-syarat yang dikenakan kepada rumah-rumah tempat kediaman.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak bercadang untuk mengadakan peraturan mensyaratkan pemaju perumahan yang mendirikan rumah-rumah kedai membina rumah-rumah kedai harga murah seperti yang disyaratkan bagi projek perumahan di mana sekurang-kurangnya 30% daripadanya berupa rumah kos rendah.

Perancangan bagi rumah-rumah kedai di dalam sesuatu projek perumahan dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri mengikut keperluan dan pertimbangan setempat sesuatu skim yang berkenaan. Kementerian tidak terlibat di dalam penentuan bersabit dengan rumah-rumah kedai, walau bagaimanapun tugas ini memang ada dilaksanakan oleh lain-lain agensi dan badan Kerajaan.

MIDA—KAKITANGAN EKSEKUTIF

16. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan kakitangan di peringkat eksekutif di MIDA, dan pecahannya mengikut kaum ketika ini. Dan sehingga masa ini berapa ramai pula kakitangan golongan bumiputera yang telah meninggalkan jawatan di dalam agensi ini, serta menerangkan apakah sebab-sebabnya perkara ini berlaku.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa bilangan kakitangan di peringkat eksekutif di Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia setakat 1hb Julai, 1984 ialah seramai 194 orang.

Pecahan bilangan ini mengikut kaum pula adalah seperti berikut:

	<i>Bumi-putera</i>	<i>Cina</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>
Kumpulan A	62	73	33	1
Kumpulan B	24	—	1	—
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	86	73	34	1

Untuk makluman, pegawai-pegawai dalam Kumpulan A mempunyai kelulusan Universiti peringkat Ijazah Kepujian atau yang setaraf dengannya, sementara pegawai-pegawai dalam Kumpulan B mempunyai kelulusan di peringkat Diploma atau yang setaraf dengannya.

Sejak dari tahun 1968, bilangan eksekutif bumiputera yang telah meletakkan jawatan dari agensi ini ialah seramai 80 orang. Pada amnya, di antara sebab-sebab mereka meletakkan jawatan adalah seperti berikut:

- (i) mendapat pekerjaan ataupun tawaran pekerjaan yang lebih baik di lain-lain organisasi, terutamanya di sektor swasta;
- (ii) melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti di dalam dan di luar negeri terutama bagi eksekutif-eksekutif di dalam Kumpulan B.

Bilangan perletakan jawatan sebanyak 4 atau 5 orang dalam tiap-tiap tahun di LKPM adalah merupakan perkara biasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat juga calon-calon eksekutif bumiputera yang ditawarkan pekerjaan di Lembaga ini kemudiannya menolak tawaran tersebut bagi mendapat tawaran-tawaran pekerjaan yang mungkin lebih baik di tempat-tempat yang lain. Walau bagaimanapun, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia akan berusaha untuk memperbaiki imbalan kemasukan eksekutif bumiputera di dalam setiap usaha pengambilan di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong.

(Soalan No. 17 Y.B. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong tidak hadir).

SEKOLAH LUAR BANDAR DI SARAWAK— PEMBEKALAN MAKANAN

18. **Tuan Justine Jinggut** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar bahawa sekolah-sekolah di luar bandar Sarawak tidak diberi makanan yang cukup oleh pembekal-pembekal food ration. Misalnya, jikalau seorang murid sepatutnya diberi \$9.00 sehari, hanya dapat dimakan \$5.00 sehari begitu juga makanan yang sepatutnya dimakan tidak dibekalkan. Misalnya ikan bilis grade I digantikan dengan ikan bilis grade III. Jikalau benar apakah langkah-langkah yang diambil supaya perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini.

Mengikut maklumat yang ada pada kita setakat ini adalah tidak benar bahawa bekalan makanan yang dihantar ke sekolah-sekolah di luar bandar di Sarawak adalah tidak mencukupi dan rendah mutunya daripada yang sepatutnya diterima.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pesanan bekalan makanan ke sekolah-sekolah berasrama di Sarawak adalah dibuat oleh Guru-guru Besar dan biasanya quality dan quantity makanan yang dibekalkan itu diperiksa dengan telitinya oleh pihak sekolah tersebut. Pihak Kementerian Pelajaran tetap berusaha untuk mengawasi dengan rapi agar bahan-bahan makanan yang dibekalkan mempunyai mutu yang bersesuaian selaras dengan syarat-syarat

pembekalan. Ahli-ahli Yang Berhormat adalah dipinta memberi kerjasama melapor kepada Jabatan Pelajaran Negeri jika sekiranya perkara seperti tersebut di atas berlaku.

GURU-GURU BERTUGAS DI SARAWAK

19. **Tuan Andrew Janggi Muyang** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil terhadap guru-guru yang melarikan diri dari sekolah-sekolah yang mereka ditugaskan baru-baru ini di Sarawak:

- (a) berapa ramaikah guru-guru dari Semenanjung yang telah ditugaskan untuk mengajar di sekolah-sekolah di Sarawak yang melarikan diri;
- (b) tidakkah perangai dan kelakuan mereka ini memburuk dan memalukan nama baik "profession" itu; dan
- (c) adakah Kementerian mempunyai rancangan-rancangan untuk menghantar lebih ramai lagi guru-guru yang berpengalaman dan pernah berkhidmat di luar bandar ke sekolah-sekolah luar bandar di Sarawak dan Sabah.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Saya mohon izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan ini.

Daripada sejumlah 473 orang guru-guru Semenanjung yang ditempatkan di Sarawak dalam tahun 1983 hanya 4 orang sahaja yang telah meninggalkan jawatan tanpa kebenaran daripada Kementerian Pelajaran atau Jabatan Pelajaran Negeri dan tindakan disiplin sedang diambil ke atas mereka yang berkenaan. Tindakan mereka ini bukan sahaja menjejaskan nama baik profession perguruan malah tindak-tanduk mereka boleh disifatkan sebagai tidak

bertanggungjawab dan engkar kepada perintah dan secara langsung menjayakan matlamat Kerajaan.

Memanglah menjadi hasrat Kementerian Pelajaran untuk menghantar guru-guru terlatih dan berpengalaman yang pernah berkhidmat di luar bandar untuk mengajar di luar bandar di Sabah dan Sarawak, bagaimanapun guru-guru seperti ini dari Semenanjung adalah berkurangan juga untuk dihantar ke negeri tersebut. Namun begitu, guru-guru tempatan yang berkelayakan dan berpengalaman memang dihantar untuk berkhidmat di kawasan luar bandar. Kementerian Pelajaran telah, sedang dan akan terus menghantar guru-guru terlatih keluaran maktab-maktab perguruan dan universiti-universiti tempatan ataupun luar negeri untuk berkhidmat di Sabah dan di Sarawak.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, satu sebab yang diberikan oleh guru-guru itu yang lari dari Sarawak dan pulang ke Semenanjung Malaysia adalah bahawa syarat-syarat kehidupan tidak sesuai, tidak ada jamban dan tidak ada bilik air dan lain-lainnya. Soalan saya ialah bolehkah Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberitahu Dewan ini sama ada Kerajaan bercadang untuk merekrut guru-guru daripada Sarawak supaya kekurangan guru-guru tidak berlaku lagi di Sarawak dan Sabah.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, kalau masalahnya syarat kehidupan di sana tidak sesuai tetapi yang lain pun mengalami sedemikian juga tetapi mereka tidak lari, Tuan Yang di-Pertua.

Tentang hendak merekrutkan guru-guru dari Sarawak dan Sabah, ini memang sentiasa dijalankan. Apa yang menjadi masalah ialah kedua-dua negeri ini dan juga beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia mengalami kekurangan guru-guru terlatih.

Tindakan yang diambil oleh Kementerian Pelajaran selama ini ialah untuk mengatasi keadaan kekurangan ini dan rancangan jangka panjang memang telah dilaksanakan dan akan terus dilaksanakan iaitu dengan mengambil lebih banyak lagi guru-guru pelatih daripada negeri Sarawak dan Sabah untuk masuk di maktab-maktab perguruan, bahkan sekarang memang ada satu rancangan istimewa yang dikemukakan oleh pihak Pelajaran Negeri Sarawak untuk mengatasi masalah ini dan perkara ini sedang dalam pertimbangan Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Newman Gaban.

(Soalan No. 20 Y.B. Tuan Newman Gaban tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chan Kok Kit.

INSTITUT SUKAN NEGARA

21. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementerianya bercadang menubuhkan sebuah kolej sukan di negara ini untuk melatih para olahragawan dan pegawai-pegawai sukan: jika ya, beri butir-butir lanjut, jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Tuan Mustaffa bin Mohammad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang dalam proses perancangan untuk menubuhkan sebuah Institut Sukan Negara. Sebidang tapak tanah seluas 82.96 hektar atau 205 ekar di Mukim Petaling, Wilayah Persekutuan telah diambilalih oleh Kementerian bagi tujuan penubuhan institut tersebut. Institut ini nanti akan menjadi pusat bagi melatih pegawai-pegawai, jurulatih-jurulatih dan ahli-ahli sukan kebangsaan serta juga

menyediakan kemudahan-kemudahan gelanggang pertandingan. Institut ini juga akan mempunyai pusat penyelidikan sukan bagi meninggikan mutu sukan.

Untuk makluman Yang Berhormat, antara kemudahan-kemudahan sukan yang dirancang di institusi ini termasuklah sebuah stadium terbuka dengan kemampuan 70,000 penonton, sebuah stadium tertutup untuk 20,000 penonton, sebuah velodrome, kolam renang, gimnasium dewan bagi permainan dalam atau indoor games, bilik-bilik kuliah, padang-padang permainan, gelanggang-gelanggang terbuka, perpustakaan, asrama penginapan dan juga pejabat pentadbiran.

Kementerian ini juga sedang berusaha untuk mendapatkan sumbangan kewangan bagi menjayakan projek ini. Adalah diharapkan dengan tertubuhnya institut ini akan dapat memajukan aktiviti sukan di negara ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan cerita yang begitu baik, bilakah projek ini akan dilaksanakan?

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Secepat mungkin yang boleh apabila keadaan kewangan mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8, 20 dan 22 hingga 51 adalah diberi di bawah ini).

PENCAPAIAN PENDUDUK 70 JUTA

8. Tuan Mohd. Yusof bin Haji Yakob minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah penyelidikan dan perancangan yang telah dibuat untuk

mempastikan supaya hasrat untuk menambahkan bilangan penduduk negara ini kepada 70 juta itu benar-benar akan berhasil dan berfaedah serta dapat meninggikan taraf hidup rakyat di negara ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kerajaan telah pun mengkaji dasar kependudukan dan isu-isu berkaitan dengannya dan menentukan bahawa Malaysia harus mempunyai jumlah penduduk seramai 70 juta.

Pencapaian matlamat penduduk 70 juta ini tidak akan memburukkan masalah sosial dan ekonomi negara memandangkan taraf kehidupan rakyat telah pun meningkat ke tahap yang lebih tinggi sejak kita mencapai Kemerdekaan.

Jika kadar pertumbuhan penduduk tetap pada kadar lebih rendah daripada Keluaran Negara Kasar yang pada masa ini adalah dalam lingkungan 6% setahun, maka negara mampu menampung penduduk yang lebih ramai asalkan matlamat ini dicapai dalam jangka masa yang telah disebutkan tadi.

INDUSTRI KECIL DI SABAH—PENUBUHAN

17. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk menggalakkan Penubuhan Industri Kecil di luar bandar di Sabah.

Dato Seri Sanusi bin Junid: Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bertanggungjawab terhadap memajukan "industri kampung" iaitu perusahaan-perusahaan yang ditempatkan di kampung-kampung; yang menggunakan bahan-bahan semula jadi tempatan seperti buluh, kayu, rotan, tanah liat, mengkuang dan sebagainya; menggunakan kemahiran tradisional dan

teknologi yang mudah; dan diusahakan oleh penduduk kampung itu sendiri. Barang-barang yang dihasilkan ialah barang-barang dekorasi (karyaneka) dan barang-barang utiliti (industri kampung) yang sesuai untuk dipasarkan. Definisi ini harus dibezakan dengan "industri kecil" di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang merangkumi bidang yang lebih luas.

Buat masa sekarang Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar menumpukan kepada bidang-bidang pengeluaran dan pemasaran. Dari segi pemasaran kita telah mengujudkan gerai-gerai jualan untuk setiap negeri termasuklah gerai negeri Sabah di Perkampungan Karyaneka, Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur, supaya tiap-tiap negeri mendapat peluang untuk memasarkan barang-barang yang dikeluarkan oleh penduduk tempatan. Dari segi pengeluaran, Kementerian ini telah mengujudkan beberapa buah bengkel pengeluaran di bawah projek Koperasi Industri Kampung dan Projek Bantuan. Bagaimanapun kesemua projek ini ditumpukan di negeri-negeri Semenanjung sahaja atas tujuan untuk dilihat kesannya dahulu. Apabila segala masalah yang timbul dapat dikesan dan diatasi dan kelemahan-kelemahan yang ada dapat diperbaiki, barulah projek ini akan diperluaskan di Sabah dan Sarawak.

Jawatankuasa Penyelaras Industri Kampung dan Karyaneka Negeri Sabah yang dipengerusikan oleh Y.B. Menteri Pembangunan Perindustrian Negeri dan Agensi-agensi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di Sabah ditugaskan untuk mengkaji dan mengenalpasti mana-mana projek di negeri itu yang boleh dimajukan di bawah Program Industri Kampung, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Dalam pada itu Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, agensi Kementerian Pembangunan Negara dan

Luar Bandar yang bertanggungjawab mengenai latihan dan kemajuan teknikal, ada mempunyai pusat latihannya di samping Projek Kampung Angkat di Sabah yang dapat melatih penduduk-penduduk tempatan untuk menambah kemahiran mereka dalam pembuatan dan pengeluaran barang-barang.

HOSPITAL DI KOTA MARUDU—PEMBINAAN

20. Tuan Newman Gaban minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapakah pembinaan hospital di Kota Marudu yang telah begitu lama diluluskan, telah beberapa kali ditangguhkan padahal hospital tersebut sangat-sangat dikehendaki oleh rakyat di Kota Marudu dan daerah-daerah sekitarnya.

Dato' Chin Hon Ngian: Kementerian Kesihatan memang bersetuju mengenai kepentingan sebuah Hospital di Kota Marudu. Sebuah Hospital dengan 50 buah katil telah dirancangan di situ. Tetapi, pembinaan hospital terpaksa ditangguhkan kerana peruntukan yang diperlukan tidak dapat disediakan oleh sebab kemelesetan ekonomi negara. Setakat ini Kementerian telah memperolehi tanah tapak untuk Hospital itu dan juga menyediakan pelan tapak tatatur. Kita hanya menunggu peruntukan bagi memulakan kerja-kerja tapak dan pembinaan.

PENERAPAN NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN

22. Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud minta Perdana Menteri menyatakan, di dalam usaha Kerajaan menyerapkan nilai Islam ke dalam Pentadbirannya, nyatakan bilakah Kerajaan akan mengamalkan sistem pinjaman kepada kakitangannya betul-betul akan mengikut amalan Islam di mana unsur riba itu tidak ada lagi.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Suka saya menjelaskan dalam sidang Dewan yang mulia ini bahawa usaha penerapan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran Negara adalah satu usaha yang dijalankan berperingkat-peringkat.

Mengenai sistem pinjaman kepada kakitangan Kerajaan mengikut amalan Islam, setakat ini Kerajaan belum lagi membuat keputusan.

SEKOLAH KEBANGSAAN MATANG ROAD, TAIPING

23. Tuan Mohd. Razlan bin Abdul Hamid minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar, bahawa bangunan sekolah kebangsaan Matang Road, Daerah Larut dan Matang, Taiping telah terlalu tua dan tidak sesuai lagi. Jika sedar, adakah beliau bercadang untuk membina bangunan baru Sekolah Kebangsaan Matang Road, Daerah Larut dan Matang, Taiping. Jika ya, bila.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran memang sedar akan masalah yang dihadapi oleh sekolah ini. Oleh itu, dalam Rancangan Malaysia Keempat (RME), satu projek gantian yang mengandungi 8 bilik darjah dan lain-lain kemudahan telah pun diluluskan. Projek ini berada di peringkat penyediaan tender dan akan dibina apabila peruntukan yang mencukupi diperolehi kemudian kelak.

CARCOSA—PEMILIKAN SEMULA

24. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan butir-butir persetujuan yang telah diadakan dengan Kerajaan British mengenai pemilikan semula Bukit Carcosa oleh Malaysia dan menyatakan kebenaran kenyataan bahawa tiada pampasan selain daripada

sekeping tanah di sepanjang Jalan Ampang yang akan diberi kepada Kerajaan British; jika ya, mengapakah demikian dan jika tidak, apakah butir-butir bayaran pampasan yang lengkap.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Keputusan oleh Kerajaan British untuk mengemalikan CARCOSA kepada Malaysia telah dibuat secara sukarela, tanpa apa-apa syarat. Sebagai tanda menyambut baik keputusan pihak British ini, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk memberi sebidang tanah kepada pihak British untuk membolehkan mereka membina kompleks pejabat Canseri mereka yang baru di Kuala Lumpur. Pada masa ini rundingan masih diadakan di antara kedua belah pihak untuk menguruskan butir-butir tertentu dalam perkara ini.

BUMIPUTERA DALAM BIDANG PERKAPALAN

25. Tuan Khadri bin Sabran minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah bilangan Bumiputera yang melibatkan diri di dalam bidang perkapalan di negara ini. Apakah dasar Kementerian untuk memperbanyakkan lagi bilangan Bumiputera di dalam bidang tersebut.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Penyertaan Bumiputera dalam bidang perkapalan lebih jelas jika dilihat dari segi bilangan:

- (i) orang perseorangan Bumiputera yang menjadi pemilik/pengusaha kapal;
- (ii) Syarikat Perkapalan yang mana seratus peratus Ahli Lembaga Pengarah dan pemegang saham dimiliki dan diuruskan oleh Bumiputera;
- (iii) Syarikat Perkapalan yang mempunyai penyertaan Bumiputera sama ada dari Ahli

Lembaga Pengarah atau pemegang saham sekadar memenuhi kehendak Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Buat masa ini terdapat 3 orang perseorangan (termasuk perkongsian) Bumiputera yang memiliki serta mengusahakan kapal mereka sendiri dan 5 buah syarikat perkapalan yang mana seratus peratus pemegang sahamnya dan Ahli Lembaga Pengarahnya terdiri daripada Bumiputera. Di samping itu mengikut rekod Kementerian ini juga terdapat sejumlah 172 syarikat perkapalan di negara ini mempunyai penyertaan Bumiputera dari segi pemegang saham dan Ahli Lembaga Pengarah. Penyertaan Bumiputera dalam syarikat-syarikat perkapalan ini berbeza-beza peratusnya di antara satu syarikat dengan syarikat yang lain.

Adalah menjadi dasar Kementerian Pengangkutan untuk memperbanyakkan lagi bilangan Bumiputera di dalam bidang perkapalan. Satu langkah yang telah diambil ialah dengan mengadakan syarat pentadbiran ke atas syarikat-syarikat perkapalan yang ingin mendaftarkan kapal-kapal mereka di negara ini. Syarat pentadbiran ini mengkehendaki syarikat-syarikat tersebut sebolehnya mempunyai sekurang-kurangnya 30% penyertaan Bumiputera dari segi bilangan Ahli Lembaga Pengarah dan pemegang saham. Syarat ini dikuatkuasakan dengan rapi khususnya bagi syarikat-syarikat perkapalan yang hendak mengendalikan perkhidmatan perkapalan dalam negeri (domestic shipping). Langkah ini merupakan dasar terpenting yang dibuat oleh Kementerian ini untuk memperbanyakkan bilangan Bumiputera dalam bidang perkapalan.

KEMISKINAN KAUM BIDAYUH

26. Tuan Patrick anak Uren minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kadar kemiskinan

yang tinggi di kalangan penduduk di Negeri Sarawak lebih-lebih lagi di kalangan penduduk suku Kaum Bidayuh, dan jika ya, adakah Kerajaan akan menumpukan perhatian kepada merancang dan melaksanakan projek sosioekonomi cara besar-besaran di Bahagian Pertama Sarawak untuk suku Kaum Bidayuh itu.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Sebagaimana yang dinyatakan dalam dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, kadar kemiskinan di Negeri Sarawak telah berkurangan dengan banyaknya iaitu dari 56.5 peratus dalam tahun 1982. Dalam perbandingan dengan negeri-negeri lain di Malaysia, pada keseluruhannya kadar kemiskinan di Sarawak tidaklah begitu tinggi.

Kerajaan sedar bahawa kadar kemiskinan di kalangan suku Kaum Bidayuh masih tinggi. Ini telah juga ditunjukkan dalam dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Justeru itu, Kerajaan telah pun menjalan dan menyiapkan satu kajian kemungkinan di Bahagian Pertama Sarawak bagi tujuan mengadakan satu projek pembangunan pertanian yang bersepadu di Samarahan. Projek ini apabila dilaksanakan akan meliputi kawasan seluas 86,170 hektar dan memberi faedah kepada 47,120 orang penduduk. Projek ini dijangka akan meningkatkan pendapatan peserta-peserta projek.

Di samping itu, Kerajaan sentiasa menggalakkan pertumbuhan ekonomi negeri Sarawak memandangkan bahawa dengan adanya pertumbuhan maka kemiskinan dapat dikurangkan melalui penyerapan golongan miskin dari sektor tradisi yang mempunyai daya pengeluaran yang rendah kepada sektor moden yang mempunyai daya pengeluaran yang lebih tinggi.

KAD PENGENALAN PALSU—HUKUMAN

27. Tuan Paul Kan Yau Fab minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di Sabah baru-baru ini ada beberapa orang yang didapati dan dihukum kerana memiliki akan menggunakan kad-kad pengenalan palsu; jika sedar adakah beliau akan mengambil langkah untuk memastikan bahawa aktiviti-aktiviti haram ini akan dihentikan dan tidak seorang asing pun atau orang-orang yang tidak mempunyai kelayakan akan diberikan dengan kad-kad pengenalan biru.

Dato' Musa Hitam: Untuk makluman Dewan yang mulia setakat ini terdapat hanya dua kes memiliki resit sementara palsu bagi permohonan kad pengenalan, dan bukannya kad pengenalan, sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat.

Kerajaan sentiasa mengawasi dan mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan perkara seperti ini tidak berulang.

PERBINCANGAN PERDANA MENTERI— PUAN JEANE J. KIRKPATRICK

28. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa dalam lawatan singkat wakil tetap Amerika Syarikat di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Puan Jeane J. Kirkpatrick ke Kuala Lumpur baharu-baharu ini beliau telah mengadakan perbincangan dengan Y.A.B. Perdana Menteri; jika benar, nyatakan:

(a) apakah perkara yang dibincangkan dan hasil perbincangan itu; dan

(b) sama ada Y.A.B. Perdana Menteri mengambil kesempatan dari lawatan Puan Jeane itu untuk

menyampaikan apa-apa isu penting yang dihadapi oleh Malaysia yang memerlukan simpati atau sokongan daripada Amerika Syarikat kepada Wakil Tetap Amerika Syarikat di PBB itu; jika ada apakah isu-isu yang dikemukakan dan jika tidak mengapa.

Perdana Menteri: Memang benar Puan Jeane Kirkpatrick, semasa melawat Kuala Lumpur di antara 21hb-23hb Mei, 1984 telah mengadakan perbincangan dengan Y.A.B. Perdana Menteri. Lawatan beliau itu, di samping untuk meninjau keadaan sosio-politik di Timur Jauh, ialah juga untuk bertukar-tukar pendapat dengan pemimpin-pemimpin kita mengenai isu-isu serantau, selaras dengan hasrat Kerajaan Amerika untuk meneruskan dialog dua hala yang telah dimulakan semasa Y.A.B. Perdana Menteri melawat Washington pada bulan Januari yang lalu.

Semasa lawatan Puan Jeane Kirkpatrick, kita telah berbincang dan bertukar-tukar pendapat mengenai isu-isu Timur Tengah, penyelesaian masalah Kampuchea, soal Palestine dan juga soal kerjasama Amerika Syarikat dengan Republik Rakyat China di dalam bidang pertahanan.

Perbincangan yang diadakan itu telah dapat menjelaskan lagi persepsi Amerika Syarikat terhadap Malaysia. Puan Jeane Kirkpatrick seterusnya berjanji akan bekerjasama dengan kita di forum antarabangsa dalam isu-isu penting yang akan kita ketengahkan. Perbincangan akan diadakan mengenai isu-isu tersebut bila-bila masa isu-isu itu ditimbulkan.

TULISAN JAWI BAGI GURU PELATIH MAKTAB PERGURUAN

29. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pelatih-pelatih dalam skim-skim latihan

guru sekolah rendah Cina dan Tamil, PPAK (C)/(T) adalah dikehendaki mempelajari dan diwajib lulus tulisan Jawi dalam kursus Bahasa Malaysia. Jika ya, apakah asas bagi keperluan ini, memandangkan pelatih-pelatih itu akan mengajar dalam bahasa Cina; adakah Kerajaan akan menimbangkan menge-nepikan keperluan ini memandangkan beban pelajaran bahasa yang berat bagi pelatih-pelatih itu dan sekiranya tidak, mengapa.

Datuk Dr Sulalman bin Haji Daud: Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa semua guru pelatih di maktab perguruan, tidak kira jenis kursus atau peringkat (menengah dan rendah), adalah dikehendaki mengambil mata pelajaran Bahasa Malaysia Teras di mana Tulisan Jawi adalah sebagai salah satu komponennya. Namun begitu, kemasukannya bukanlah dengan tujuan untuk mewajibkan.

Rasionalnya ialah supaya semua guru pelatih mendapat pendedahan yang luas serta memperolehi pengetahuan dan kemahiran asas mengenai pengajian Bahasa Malaysia dengan selengkapnya meliputi bidang lisan dan juga tulisan. Kemasukan Tulisan Jawi sebagai satu komponen dalam kursus Bahasa Malaysia Teras tidak membebankan guru-guru pelatih berkenaan. Oleh itu, Kementerian Pelajaran tidak bercadang menggugurkan komponen ini daripada sukatan pelajaran Bahasa Malaysia Teras. Lebih-lebih lagi kegagalan pelatih-pelatih menguasai kemahiran Tulisan Jawi tidaklah menghalang mereka untuk mencapai kelulusan.

PERJANJIAN UDARA MALAYSIA—UNITED KINGDOM

30. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah butir-butir perjanjian dengan Britain mengenai penyusunan penerbangan antara kedua negara kita; dan

- (a) sama ada Menteri gembira dengan penyusunan penerbangan yang ada sekarang; dan
- (b) mengapa pihak-pihak berkuasa British enggan membenarkan satu lagi penerbangan MAS ke Britain dan apa Kerajaan akan lakukan jika pihak British berganjak.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Perjanjian Udara di antara Malaysia dan United Kingdom mempunyai perbekalan-perbekalan yang membolehkan syarikat-syarikat penerbangan Malaysia dan United Kingdom mengadakan perkhidmatan udara berjadual di antara Malaysia dan United Kingdom dan juga di antara Malaysia dan Hong Kong. Bagi jalan di antara Kuala Lumpur ke London dan sebaliknya, MAS dan British Airways masing-masing dibenar mengadakan sebanyak empat penerbangan seminggu, dan bagi jalan di antara Malaysia ke Hong Kong, MAS dan Cathay Pacific Airways masing-masing dibenar mengadakan sebanyak 7 kali penerbangan seminggu di antara Semenanjung Malaysia dan Hong Kong dan sebanyak 2 penerbangan seminggu di antara Kota Kinabalu ke Hong Kong. Penerbangan-penerbangan tambahan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada kedudukan trafik dan pencapaian muatan yang tertentu oleh kedua-dua syarikat penerbangan berkenaan yang mengadakan perkhidmatan pada jalan tersebut.

- (a) Aturan penerbangan dalam perjanjian udara di antara Malaysia dan United Kingdom yang ada sekarang adalah berasaskan kepada formula yang membolehkan MAS atau syarikat penerbangan British yang berkenaan mengadakan pertambahan penerbangan dengan teratur dan berperingkat dengan mengambil kira kedudukan trafik, permintaan pasaran dan juga kedudukan kapasiti syarikat-syarikat penerbangan yang

berkenaan. Sungguhpun aturan ini adalah memuaskan dan dapat memenuhi keperluan kedua belah pihak pada masa ianya dibuat, ianya juga perlu dikaji semula dari masa ke masa memandangkan perkembangan dalam pengangkutan udara adalah pesat.

- (b) Pada masa ini, MAS mengadakan 4 penerbangan B747 seminggu ke London. Selaras dengan aturan perjanjian yang membolehkan MAS mengadakan penerbangan yang kelima ke London tertaluk kepada pencapaian "seat factor" tertentu. Malaysia telah memohon kelulusan Kerajaan British untuk MAS melaksanakan penerbangan yang kelima itu. Permohonan ini dibuat kerana mengikut perangkaan trafik, MAS telah pun dapat memenuhi syarat yang berasaskan kepada pencapaian peratus "seat factor" yang ditetapkan. Bagaimanapun pihak British belum bersetuju dengan pendapat Malaysia itu. Perkara ini masih dan akan terus dirundingkan di antara kedua belah pihak dan Kerajaan akan berusaha mendapat penyelesaian cepat mungkin.

Saya sendiri telah pun menarik perhatian Menteri Pengangkutan Britain (British Secretary of State for Transport) dan Setiausaha Parlimennya (Parliamentary Under-Secretary of State for Transport) mengenai perkara ini apabila saya bertemu dengan mereka pada bulan Jun tahun ini. Mereka berdua telah berjanji akan meneliti perkara ini dan adalah diharapkan bahawa masalah ini akan dapat diselesaikan.

SISA RADIOAKTIF DI PAPAN

31. Tuan Yew Foo Weng minta Perdana Menteri menyatakan berkenaan dengan menempatkan

pembinaan pembuangan sisa-sisa radioaktif berhampiran pekan Papan 12.8 km dari Ipoh, bolehkah Menteri menyatakan apa sebab-sebabnya ditempatkan suatu pembinaan pembuangan sisa radioaktif berdekatan dengan kediaman penduduk-penduduk terutama sekali berhampiran dengan Papan; dan

Bolehkah beliau memberitahu tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan semua keperluan atau garis panduan dari International Atomic Energy Agency berkenaan dengan keselamatan akan dipatuhi. Adakah kemungkinan untuk memberitahu kepada orang ramai butir-butir berkenaan dengan keselamatan dan sama ada spesifikasi pembinaan pembuangan tersebut boleh diumumkan.

Datuk Dr James P. Ongkili:

- (a) Kawasan yang dipilih sebagai tempat menyimpan sisa radioaktif ini memenuhi kesemua syarat teknikal yang ditentukan bagi sisa radioaktif jenis ini dan ini termasuklah dari segi taburan penduduk di sekitar tapak yang dipilih itu. Di antara beberapa kawasan yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Perak, didapati bahawa kawasan di Papan adalah paling sesuai dan memenuhi semua syarat yang ditentukan.

- (b) Perjanjian di antara Syarikat dan Kerajaan Negeri Perak adalah langkah utama bagi memastikan syarikat mematuhi segala peraturan keselamatan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Berhubung dengan pembinaan yang sedang dilakukan itu, pihak Kerajaan belum lagi menerimanya kerana ianya belum siap. Kerajaan akan memeriksa peparit dan penyediaan kawasan ini dengan teliti dan hanya apabila Kerajaan berpuashati dengan

kerja-kerja yang telah dilakukan itu, barulah Kerajaan akan membenarkan syarikat berkenaan menggunakannya.

Di samping itu, sebagai satu lagi langkah untuk menjamin keselamatan awam, program pengawasan alam sekitar di tapak penyimpanan dan di kawasan sekitarnya akan dilaksanakan bagi memastikan sisa yang disimpan tidak akan mencemar alam sekeliling. Kerja-kerja pengawasan akan dipertanggungjawabkan kepada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom apabila ia ditubuhkan hujung tahun ini. Adalah dijangka bahawa Unit Tenaga Nuklear di bawah Jabatan Perdana Menteri akan melaksanakan program pengawasan ini bagi pihak Lembaga.

Garis panduan yang diberi oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) mengenai ciri-ciri keselamatan berhubung dengan perkara ini telah pun diumumkan seperti yang tersiar di dalam akhbar-akhbar tempatan pada awal bulan lalu.

MAJUIKAN—BANTUAN KEPADA NELAYAN

32. Tuan Ling Sie Meng minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah bantuan kewangan yang diberi oleh MAJUIKAN kepada nelayan-nelayan sehingga hari ini. Adakah Kerajaan menyambut pertubuhan persendirian juga menyertai dalam rancangan-rancangan MAJUIKAN.

Dr Gob Cheng Teik: Setakat ini, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah memperuntukkan \$29.9 juta kepada Pesatuan-pesatuan Nelayan sebagai "Launching Grant" untuk menjalankan berbagai-bagai kegiatan ekonomi.

Pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia memang menggalakkan pertubuhan swasta untuk menyertai dalam rancangan-rancangannya. Sebagai contoh, baru-baru ini satu usahasama di antara LKIM dengan pihak kumpulan Guthrie telah pun ditubuhkan untuk menjalankan satu projek ternakair di Sungai Dangga, Johor Bahru.

JAWATANKUASA KESELAMATAN UBAT-UBAT

33. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengawasi keselamatan ubat-ubat memandangkan terdapat berbagai-bagai jenis ubat yang jumlahnya kian meningkat dan juga kerana meningkatnya insiden-insiden yang mempunyai kesan-kesan toxic di kalangan orang awam menerusi "self-medication" atau penyalahgunaan ubat, dan sama ada Pendaftaran Pusat Ubat-ubat Farmasitikal yang dicadangkan telah ditubuhkan.

Dato Chin Hon Ngiam: Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 yang baru diisytiharkan di bawah Ordinan Jualan Makanan dan Dadah, 1952 telah diwartakan pada bulan Jun, 1984. Peraturan-peraturan itu akan mengawal dengan lebih berkesan lagi pengimportan, pengilangan dan penjualan semua ubat-ubatan.

Skop Peraturan-peraturan baru itu ialah selain daripada penubuhan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah bagi maksud pelaksanaan Peraturan-peraturan ini, juga termasuk pendaftaran semua ubat-ubatan dengan Pihak Berkuasa ini sebelum pemasaran, pelesenan pekilangan, pengimportan serta pemborongan dan pengimport bagi tujuan kajian klinikal ubat-ubatan. Tindakbalas-tindakbalas "adverse" yang timbul dari penggunaan ubat-ubatan akan juga dikesan.

Pelaksanaan langkah-langkah ini akan dilakukan dalam beberapa fasa untuk mengurangkan beban pelaksanaan ke atas Kerajaan dan juga sektor swasta, serta untuk mengelakkan sebarang kerumitan terhadap orang awam.

PERANG IRAN-IRAQ

34. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) pendirian Kerajaan Malaysia berhubung dengan konflik Iran-Iraq serta meningkatnya ketegangan di Teluk Parsi akibat serangan-serangan yang dibuat ke atas laluan-laluan perkapalan antarabangsa oleh kedua-dua negara tersebut;

(b) peranan yang dimainkan oleh Malaysia sebagai ahli Majlis Pertubuhan Islam dan juga sebagai ahli komuniti antarabangsa dalam merundingkan ke arah penyelesaian secara aman konflik tersebut yang telah berlanjutan begitu lama.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam Dewan yang mulia ini pada masa-masa yang lalu, Malaysia sebagai anggota OIC memandang berat mengenai pertikaian yang berlaku di antara anggota-anggota OIC seperti mana peperangan di antara Iran dan Iraq yang telah berlangsung semenjak 45 bulan yang lalu. Dalam pertikaian ini, Malaysia sebagai salah satu daripada lapan negara yang menganggotai Jawatankuasa Damai Islam OIC telah mengambil tindakan selaras dengan mandat yang diberikan oleh Sidang Kemuncak Ketiga Ketua-ketua Negara/Kerajaan Islam pada tahun 1981 kepada Jawatankuasa ini. Dengan hal yang demikian tindakan Malaysia adalah selaras dengan tindakan yang diambil oleh Jawatankuasa ini dalam usaha untuk mencari perdamaian ke

atas peperangan ini yang telah menjejaskan perpaduan Ummah dan negara-negara Islam seluruhnya serta juga melibatkan kerugian harta benda dan nyawa yang banyak. Dalam rangka ini, kita bersama-sama dengan anggota Jawatankuasa Damai Islam seluruhnya telah mengadakan Mesyuarat sebanyak 8 kali dan telah pun merangkakan satu rancangan perdamaian dan usaha-usaha lanjut sedang dirangka oleh Jawatankuasa ini bagi penyelesaian damai. Di samping itu, kita juga telah merayu kepada kedua-dua negara melalui kenyataan oleh Menteri Luar Negeri pada 22 Mei, 1984 supaya memberhentikan tindakan ketenteraannya dengan segera oleh kerana ianya boleh meruncingkan lagi keadaan yang boleh memberi peluang kepada campurtangan kuasa-kuasa besar.

Memandangkan kepada keadaan pertikaian ini yang masih belum menampakkan apa-apa tanda penyelesaian, kita juga menggalakkan kerjasama atau tindakan serta usaha-usaha badan-badan antarabangsa yang lain seperti Bangsa-bangsa Bersatu, Pergerakan Negara-negara Berkecuali untuk memberi sumbangan ke arah penyelesaian damai.

Sebagai anggota Jawatankuasa Damai Islam, kita senantiasa mengikuti perkembangan ini dengan rapi dan juga bersedia memainkan peranan yang sewajarnya dalam mencari apa-apa penyelesaian. Dalam rangka ini juga, kita sentiasa mendekati dan berbincang dengan pemimpin-pemimpin negara lain ke arah pencapaian penyelesaian damai.

PERMIT IMPORT ANAK AYAM DAGING

35. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada benar bahawa Kementeriannya telah pada suatu ketika dalam bulan Januari, 1984 meluluskan atau memberikan permit-permit AP

kepada seorang penduduk di Kedah bagi mengimport anak ayam daging ("chick broiler") dari Negeri Thai dan adakah Kementeriannya sedar yang ini telah melesetkan harga ayam daging di seluruh negara sejak 6 bulan yang lalu.

Dato Oo Gin Sun: Memang benar Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ada mengeluarkan AP untuk mengimport anak ayam daging kepada seorang penduduk di Kedah. AP itu dikeluarkan pada awal tahun 1984 berasaskan permit yang diberikan oleh Kementerian Pertanian yang lebih mengetahui mengenai kedudukan bekalan dan keperluan negara.

Harga daging ayam turun naik dari masa ke semasa mengikut kedudukan bekalan dan keperluan semasa. Kemelesetan harga daging ayam pada masa ini bukanlah disebabkan oleh pengimportan anak ayam yang sebilangan kecil itu sahaja tetapi disebabkan oleh pengeluaran dalam negeri yang banyak. Kuantiti yang dibenarkan import itu hanyalah lebih kurang 0.1% daripada jumlah pengeluaran dalam negeri.

GETAH ASLI TEMPATAN— PENGGUNAAN

36. Tuan Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mencapai matlamat penggunaan getah asli tempatan sebanyak 300,000 tan setahun menjelang tahun 2000.

Datuk Paul Leong Kbee Seong: Antara langkah-langkah yang telah dan akan dijalankan bagi mencapai matlamat penggunaan getah asli tempatan sebanyak 300,000 tan setahun menjelang tahun 2000 adalah seperti berikut:

(a) Selaras dengan pengumuman Y.A.B. Perdana Menteri untuk

menjadikan tahun sembilan belas lapan puluhan sebagai tahun perusahaan pembuatan barang-barang tempatan, langkah-langkah sedang diambil untuk menambah penggunaan getah asli tempatan di mana perusahaan ini diberi keutamaan galakan-galakan. Perusahaan-perusahaan pembuatan barang-barang daripada getah adalah layak dipertimbangkan untuk mendapat pengecualian-pengecualian cukai dan sebagainya yang diberikan oleh Kerajaan sebagai galakan-galakan pelaburan.

(b) Agensi-agensi Kerajaan di bawah Kementerian saya dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian seperti Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan MRRDB adalah bekerja rapat serta saling bertukar pendapat dengan pihak-pihak pengeluar-pengeluar barang-barang dari getah tempatan untuk mencari jalan bagaimana menambahkan lagi penggunaan getah asli tempatan.

(c) Pusat Teknologi Getah Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) di Sungai Buluh ditubuhkan pada tahun 1976 untuk membantu industri-industri berasaskan getah yang sedia ada dan yang akan ditubuhkan melalui khidmat-khidmat sokongan teknikal dan khidmat perundingan.

(d) Kerajaan sedang meneliti beberapa skim-skim galakan termasuk satu "package" galakan yang disyorkan oleh Pasukan Petugas mengenai Getah Asli dan lain-lain langkah yang didapati berkesan untuk mempertingkatkan tahap perindustrian berasaskan getah. Bagi menentukan supaya proses perindustrian dapat berjalan dengan licin dan

menjamin pencapaian matlamat penggunaan getah asli tempatan, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedang merangka Pelan Induk Perindustrian bagi industri-industri tertentu di mana industri pembuatan barang-barang getah diberi keutamaan.

BURUH INDONESIA DIBAWA KE MALAYSIA

37. Tuan Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dasar Kerajaan atas hal membawa orang-orang Indonesia untuk menambah bilangan kaum buruh dalam negeri.

Dato Musa Hitam: Jawapan kepada soalan yang hampir sama maksudnya telah pun diberi pada hari ini semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CINA/TAMIL— BILANGAN

38. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) bilangan Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina), dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang telah memohon untuk peruntukan bagi

mengganti atau menambah bangunan sekolah untuk tahun 1981, 1982 dan 1983;

(b) jumlah peruntukan yang dipohon oleh:

(1) Sekolah-sekolah SRJK (C) dan SRJK (T) yang harta dan tanahnya dimiliki oleh Kerajaan; dan

(2) Sekolah-sekolah SRJK (C) dan SRJK (T) bantuan modal; bagi tahun 1981, 1982 dan 1983;

(c) jumlah peruntukan yang diluluskan bagi (b); dan

(d) apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan peruntukan bagi sekolah-sekolah tersebut.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:

(a) Bagi keseluruhan tahun 1981-1983 bilangan Sekolah Rendah Kebangsaan, SRJK (C) dan SRJK (T) yang telah memohon untuk peruntukan mengganti atau menambah bangunan, adalah seperti berikut:

SRK — 1,935

SRJK (C) — 881

SRJK (T) — 424

(b + c) Jumlah peruntukan yang dipohon dan yang diluluskan bagi tahun 1981-83 adalah seperti berikut:

<i>SRJK (C)</i>	<i>Dipohon</i>	<i>Dilulus</i>
SRJK (C) Milik Kerajaan ..	\$93 juta	\$55 juta
SRJK (C) Bantuan Modal ..	\$46 juta	\$12 juta

<i>SRJK (T)</i>	<i>Dipohon</i>	<i>Dilulus</i>
SRJK (T) Milik Kerajaan ..	\$29 juta	\$13 juta
SRJK (T) Bantuan Modal ..	\$ 9 juta	\$ 2 juta

(d) Tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi kekurangan peruntukan bagi sekolah-sekolah milik Kerajaan ialah dengan membina bilik-bilik darjah yang menggunakan sistem binaan yang lebih cekap dan bahan yang kos rendah yang tidak menjejaskan kualiti.

WAD 3 TINGKAT DI BALING

39. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Wad 3 Tingkat yang telah dicadang beberapa tahun dan yang telah menjadi buah mulut penduduk Baling akan didirikan.

Datuk Chin Hon Ngian: Projek Blok Wad baru sebenarnya melibatkan pembinaan sebuah Blok Wad 4 Tingkat. Kajian-kajian sedang dijalankan untuk menentukan kemudahan-kemudahan fizikal yang sesuai. Pembinaan wad ini mungkin boleh dimulakan selepas tahun 1985 sekiranya peruntukan mencukupi.

PETANI DI KAWALAN MADA— KERUGIAN

40. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah jumlah kasar kerugian yang dialami oleh petani-petani di kawasan

MADA Kedah setelah Kerajaan menghentikan penanaman padi satu musim yang lalu. Apakah kesan-kesan ekonomi dan sosial yang dihadapi oleh petani-petani berkenaan.

Dr Goh Cheng Teik: Di dalam penjadualan penanaman padi kawasan Muda bagi musim pertama, 1984, kawasan seluas kira-kira 41,000 hektar telah dijadualkan untuk ditanam dan bakinya kira-kira 65,000 hektar telah tidak dijadualkan ditanam pada musim tersebut. Walau bagaimanapun, untuk makluman Y.B., oleh kerana hujan telah turun dengan memuaskannya pada bulan yang lazimnya kering pada awal tahun ini banyak petani-petani di kawasan yang tidak dijadualkan menanam telah mengusahakan sawah-sawah mereka atas risiko sendiri. Hasil yang bakal diperolehi oleh petani-petani yang terlibat ini hanya dapat dikesan selepas Banci Pengeluaran Padi dijalankan pada musim penuaian. Sebagai usaha untuk mendatangkan pendapatan kepada mereka pula, pihak MADA telah pun menawarkan pekerjaan untuk mencuci parit dan taliair dan juga menolong mendapatkan pekerjaan menebang tebu di Syarikat Tebu di Padang Terap kepada petani-petani yang dijadualkan tidak menanam padi, tetapi kurang sambutan daripada petani-petani berkenaan. Oleh yang demikian, bolehlah dirumuskan bahawa penjadualan penanaman padi di kawasan Muda pada tahun 1984 ini tidaklah mendatangkan kesan yang menjejaskan dengan teruk keadaan ekonomi dan sosial petani-petani di kawasan ini.

PEMBOCORAN KERTAS PEPERIKSAAN STPM

41. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil penyiasatan polis ke dalam pembocoran kertas-kertas peperiksaan STPM yang berlaku pada hujung tahun 1983 dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang terlibat itu.

Dato' Musa Hitam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis masih lagi menjalankan siasatan ke atas kes pembocoran kertas-kertas peperiksaan STPM 1983. Setakat ini belum ada sebarang tangkapan yang dibuat oleh pihak Polis.

KAD PENGENALAN BIRU

42. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar Jabatan Pendaftaran Negara kini sedang mengesahkan semua kad pengenalan biru yang mempunyai nombor siri yang bermula dengan angka 7 dan 8 yang membayangkan bahawa mereka adalah pemegang kad pengenalan merah pada suatu ketika dahulu; jika ya, nyatakan mengapa.

Dato Musa Hitam: Jabatan Pendaftaran Negara tidak menjalankan apa-apa pengesahan sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat.

RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT—PROJEK SIAP

43. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan bilangan projek yang dirancangkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat yang telah siap, masih berjalan dan terpaksa dibubarkan. Daripada jumlah peruntukan asal Rancangan Malaysia Keempat ini, berapakah jumlah wang yang telah dihabiskan oleh projek-projek ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Di bawah Rancangan Malaysia Keempat yang asal, kira-kira 18,000 projek telah dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh 1981-85.

Oleh kerana bilangan projek yang besar, adalah sukar untuk menentukan bilangan projek mengikut status perlaksanaannya sebagaimana diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong kerana perlaksanaannya akan mengambil masa yang panjang.

Sebanyak \$42,829.5 juta telah diperuntukkan pada asalnya bagi pelaksanaan berbagai projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Daripada jumlah ini, sebanyak \$40,446.8 juta atau 94.4 peratus telah dibelanjakan dalam tempoh 1981-83, iaitu sebanyak \$33,428 juta oleh Kerajaan Persekutuan, \$3,395 juta Kerajaan-kerajaan Negeri dan \$3,624 juta Badan-badan Berkanun. Jawatankuasa Pembangunan dan Perancangan Negara adalah bertanggungjawab untuk mengkaji pelaksanaan dan implikasi di segi ekonomi, perancangan sosial, pentadbiran dan perancangan tenaga manusia.

KAD PENGENALAN PALSU OLEH PENDATANG HARAM

44. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada satu penyiasatan (probe) telah dijalankan atas percubaan kerap oleh pendatang-pendatang haram daripada negara jiran untuk memalsukan kad-kad pengenalan untuk memperolehi pekerjaan dan taraf kewarganegaraan; jika tidak, mengapa oleh kerana kedudukan atau situasi ini telah cukup serius dan boleh mengancam keselamatan negara serta harmoni di kalangan kaum-kaum.

Dato' Musa Hitam: Kerajaan tidak menyedari adanya percubaan-percubaan oleh pendatang-pendatang

haram atau pelawat asing dari negara-negara jiran untuk memalsukan kad-kad pengenalan bagi tujuan mendapat pekerjaan dan Kerakyatan. Walau bagaimanapun Kerajaan sentiasa mengawasi dan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang berkenaan, jika dikesan.

SISA RADIOAKTIF DI PAPAN— PEMBUANGAN

45. Tuan Yew Foo Weng minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) adakah beliau sedar bahawa pembinaan tapak pembuangan sisa-sisa radioaktif di Papan dijalankan oleh seorang kontraktor yang dilantik oleh syarikat terlibat (Syarikat Asean Rare Earth Sdn Bhd) yang tidak mempunyai pengalaman yang wajar untuk menjalankan segala pembinaan. Bagaimanapun, butir-butir rasmi untuk pembinaan pembuangan adalah berperingkat tetapi pada masa pembinaan ini dijalankan tidak ada pegawai-pegawai dari PUSPATI membuat penyeliaan. Dalam masa pembinaan yang tertentu diumumkan. Dan lagi adakah Menteri sedar bahawa segala penyeliaan untuk pembinaan tersebut tidak dijalankan oleh mana-mana pihak dan tidak ada seorang pegawai dari PUSPATI yang bertanggungjawab dalam penyediaan pembinaan tersebut; dan

(b) adakah beliau sedar iaitu mutu pembinaan adalah tidak memuaskan dan adakah Y.A.B. Perdana Menteri ingin melawat tapak untuk menentukan hal ini?

Dato' Dr James P. Ongkili:

(a) Di bawah perjanjian yang ditandatangani di antara Syarikat berkenaan dengan Kerajaan

Negeri Perak, syarikat berkenaan dikehendaki melantik kontraktor yang sesuai untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan itu mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Sekiranya kerja-kerja pembinaan ini didapati tidak memuaskan, Kerajaan tidak akan membenarkan syarikat berkenaan menggunakan peparit tersebut untuk tujuan penyimpanan sisa ini.

(b) Jabatan Kerja Raya Negeri Perak akan mengkaji mutu pembinaan ini dan sekiranya didapati tidak memuaskan, syarikat berkenaan akan diarah untuk membuat kerja-kerja pembedahan. Pada masa ini, keadaan tidak memerlukan bagi Y.A.B. Perdana Menteri membuat lawatan ke tapak berkenaan.

MESIN MENANAM/ MEMBANTING PADI

46. Tuan Ling Sie Meng minta Menteri Pertanian menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai dalam menggunakan mesin untuk menanam dan membanting padi serta menggunakan peralatan moden di bidang padi supaya dapat meninggikan taraf hidup dan pendapatan petani-petani.

Dr Goh Cheng Teik: Kebanyakan jentera yang digunakan sekarang dalam tanaman padi ialah untuk pembajakan dan pengemburan, manakala jentera-jentera untuk penanaman dan membanting masih dalam peringkat kajian dan pengubahsuaian penggunaannya. Penggunaan mesin menuai (combine harvester) telah mulai diminati oleh para petani di dalam mengendalikan kerja-kerja memotong/menuai dan membanting secara serentak. Hampir keseluruhan kawasan tanaman padi adalah sesuai dan telah menggunakan mesin ini.

Kemajuan yang telah dicapai bolehlah dibahagikan kepada tiga aspek iaitu latihan dalam penggunaan dan penjagaan jentera kepada petani-petani telah dapat dipertingkatkan di pusat-pusat kejenteraan pertanian, penggunaan jentera pembajakan dan pengemburan telah digunakan secara berleluasa dan khidmat mekanisasi sedang diperluaskan di dalam rangka program Lembaga Pertubuhan Peladang.

GRADUAN FARMASI— MENAMBAHKAN

47. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau akan menambahkan jumlah "pupilage" meningkatnya jumlah graduan farmasi dari Universiti-universiti di farmasi-farmasi hospital memandangkan/tempatan dan luar negeri serta juga menambahkan jawatan di hospital-hospital untuk ahli-ahli farmasi yang disahkan dalam jawatan mereka.

Datuk Chin Hon Ngian: Penambahan sebanyak 10 jawatan Ahli Kimia Ubat Pelatih telah diluluskan sejak 1hb Januari, 1984 dan pada masa ini institusi-institusi dalam sektor awam boleh memberi latihan kepada 80 orang graduan-graduan farmasi.

Tambahan kepada itu, pada tahun ini pula terdapat 30 buah institusi di sektor swasta yang telah diluluskan untuk tujuan melatih graduan farmasi, berbanding dengan 23 buah pada tahun 1983.

Berkenaan dengan jawatan Ahli-ahli Farmasi yang terlatih, walaupun terdapat kesesakan dalam peruntukan kewangan tahunan, Kementerian Kesihatan telah pun memperolehi 11 jawatan baru bagi tahun 1984 dan bagi tahun 1985 pula, sebanyak 14 jawatan

baru telah pun dicadangkan. Dengan jumlah tempat latihan dalam kedua-dua sektor awam dan swasta itu, maka kesulitan tempat latihan tidak dijangka timbul.

RAKYAT MALAYSIA KE CHINA— PENGHARAMAN

48. **Tuan Gooi Hock Seng** meminta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk membatalkan pengharaman ke atas rakyat Malaysia yang membuat lawatan ke Republik Rakyat China (RRC) dengan bebas.

Dato' Musa Hitam: Sukalah saya mengambil kesempatan untuk menjawab soalan ini merangkumi soalan yang hampir sama dari Yang Berhormat dari Bandar Sibu yang akan dijawab pada 26hb Julai, 1984.

Hubungan antara Malaysia dengan Republik Rakyat China (RRC) pada masa ini adalah masih lagi atas dasar hubungan antara Kerajaan dengan Kerajaan dan tidak atas dasar hubungan antara rakyat dengan rakyat.

Kerajaan tidak bercadang untuk melonggarkan syarat-syarat lawatan rakyat Malaysia ke Republik Rakyat China yang ada sekarang memandangkan bahawa Republik Rakyat China masih lagi belum memutuskan hubungannya dengan Parti Komunis Malaya (PKM). Selagi Republik Rakyat China mengiktiraf dan menyokong PKM maka hubungan negara ini dengan Republik Rakyat China adalah terhad kepada hubungan rasmi sahaja.

PENDATANG HARAM INDONESIA

49. **Tuan Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan pendatang haram yang telah dapat dibawa ke perhatian Kerajaan hingga

hari ini dan juga langkah-langkah yang diambil untuk mengembalikan mereka ke Indonesia.

Dato' Musa Hitam: Tidak ada pendatang haram yang telah dibawa ke perhatian Kerajaan sehingga hari ini. Namun demikian Kerajaan telah dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana jua pendatang haram, tanpa mengira negara asal mereka. Untuk makluman Dewan yang mulia, jumlah pendatang-pendatang haram yang telah ditangkap dan diusir sehingga kini ialah 26,952.

KAMPUNG BARU—BILANGAN

50. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bilangan kampung-kampung baru yang dikunjunginya bagi tempoh 1½ tahun iaitu 1-1-83 - 30-6-84 dengan memberi butir-butir mengenai nama kampung baru dan negerinya; dan
- (b) sama ada beliau sedar tentang kesesakan penduduk di kampung-kampung baru yang mana di sana sini terdapat seramai 20 penghuni menduduki sebuah rumah, jika ya, sila nyatakan bilangan projek-projek rumah kos rendah yang dirancang untuk penghuni-penghuni kampung baru, atau rancangan-rancangan lain untuk mengatasi masalahnya.

Dato' Dr Neo Yee Pan:

- (a) Dalam tempoh 18 bulan yang lalu daripada 1hb Jun, 1983 hingga 30hb Jun, 1984, saya telah membuat 48 lawatan rasmi sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Daripada jumlah ini saya telah membuat 13 lawatan khusus ke Kampung-kampung Baru.

Akan tetapi dalam semua lawatan itu, saya bukan meliputi sebuah Kampung Baru sahaja tetapi juga Kampung-kampung Baru yang berhampiran untuk berjumpa dan berdialog dengan penduduk-penduduknya. Selain daripada lawatan-lawatan rasmi saya, pegawai-pegawai Kementerian saya juga mengadakan lawatan ke Kampung-kampung baru dari masa ke semasa untuk meninjau masalah-masalah di Kampung-kampung Baru dan membantu dalam penyelesaian masalah-masalah tersebut.

Saya juga telah mengarahkan pegawai-pegawai saya, termasuk Setiausaha Politik saya untuk melawat kampung-kampung baru yang ada, walaupun perletakannya kampung baru tersebut terpencil.

- (b) Saya memang sedar tentang kesesakan penduduk di kampung-kampung baru. Malahan usaha telah dan sedang diambil untuk membuat perancangan bagi pembangunan kampung-kampung baru di Semenanjung Malaysia. Mengenai projek perumahan rumah kos rendah dalam Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985), sebanyak 50 buah projek berjumlah 9002 unit telah dirancang untuk dibina di dalam atau di sekeliling kampung-kampung baru. 9 daripada projek ini di Johor dan Perak telah siap dilaksanakan manakala 7 lagi projek masih dalam pelaksanaan. Baki 34 projek di Johor, Perak, Pahang, Kedah dan Pulau Pinang telah dirancang untuk pelaksanaan. Bagi projek-projek di dalam atau di sekeliling kampung baru penduduk-penduduk kampung baru akan diberi keutamaan.

SISA RADIOAKTIF DI PAPAN—BANTAHAN PENDUDUK

51. Tuan Yew Foo Weng minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bantahan dari penduduk-penduduk Papan atas penempatan pembuangan sisa-sisa oleh sebab tapak tersebut adalah terlalu berdekatan dengan kediaman mereka, dan juga sumber air minuman adakah Kerajaan ingin memindahkan tapak ini ke tempat yang jauh dari kediaman manusia; adakah Kerajaan ingin meluluskan pembinaan pembuangan radioaktif yang lain di seluruh Malaysia.

Dato Dr James P. Ongkili: Mengikut klasifikasi antarabangsa, sisa radioaktif yang akan disimpan di Papan adalah sisa Kategori 1, iaitu sisa radioaktif paras rendah. Sisa ini jauh berbeza dari sisa-sisa radioaktif atau sisa nuklear yang dihasilkan dari loji janakuasa nuklear dari loji pemerosesan bahanapi yang terpakai atau sisa dari kerja-kerja membuat senjata api nuklear dan sebagainya. Sisa-sisa yang dihasilkan di tempat-tempat yang tersebut di atas mengandungi berbagai jenis bahan radioaktif yang mempunyai keradioaktifan yang tinggi manakala sisa dari Syarikat Asean Rare Earth mengandungi hanya sejenis bahan radioaktif, iaitu thorium yang merupakan satu unsur semulajadi. Mengikut takrif sebenar, sisa ini tidak boleh dipanggil sisa nuklear. Keradioaktifan sisa ini adalah jauh lebih rendah iaitu lebih kurang 0.012 microcurie per gram. Dengan hal yang demikian, Kerajaan tidak bercadang memindahkan tapak penyimpanan ke kawasan lain.

Berhubung dengan kelulusan untuk pembinaan tempat pembuangan sisa radioaktif yang lain yang mungkin diperlukan pada masa yang akan datang, perkara ini seperti biasa akan dikaji secara teliti apabila diperlukan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (HAKMILIK PULAU PINANG DAN MELAKA) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri Penerangan; dibaca kali pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan taman-taman asuhan kanak-kanak dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kebajikan Masyarakat; dibaca kali pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENILAI DAN PENTAKSIR (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Penilai dan Pentaksir 1981 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
KESALAHAN-KESALAHAN
LALULINTAS PENERBANGAN**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menguatkuasakan Konvensyen mengenai Kesalahan-kesalahan dan Tindakan-tindakan lain Tertentu Dalam Pesawat Udara yang ditandatangani di Tokyo pada 14hb September, 1983, Konvensyen mengenai Penindasan Penyitaan Pesawat Udara Menyalahi Undang-undang, ditandatangani di Hague pada 16hb Disember, 1970 dan Konvensyen Mengenai Penindasan Tindakan-tindakan Menyalahi Undang-undang Terhadap Keselamatan Penerbangan Awam ditandatangani di Montreal pada 23hb September 1971, dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri Pengangkutan; dibaca kali pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PENJENAYAH FUGITIF
KOMANWEL (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Penjenayah Fugitif Komanwel 1967; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibaca kali pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERKAPALAN SAUDAGAR
(PINDAAN DAN PERLUASAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.38 ptg.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang

bernama Ordinan Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 1984 dibaca kali kedua sekarang.

- (i) memperkemas peruntukan-peruntukan berkaitan dengan pendaftaran kapal-kapal Malaysia;
- (ii) memperkemas peruntukan-peruntukan berkaitan dengan perkapalan persisiran pantai (domestic shipping) serta memasukkan peruntukan-peruntukan baru, iaitu 65R hingga 65T;
- (iii) memperkemas peruntukan-peruntukan mengenai pelesenan bot;
- (iv) memperluas bahagian-bahagian berkenaan dengan pendaftaran kapal-kapal, pelesenan bot-bot dan perkapalan persisiran laut ke Sabah dan Sarawak;
- (v) memasukkan peruntukan baru 485A mengenai pendaftaran dan peraturan-peraturan keselamatan dan kawalan bagi pelantar-pelantar minyak dan lain-lain struktur laut di luar pantai; dan
- (vi) memasukkan beberapa takrif yang tiada diperuntukkan dalam Ordinan Perkapalan Saudagar yang sedia ada.

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa industri perkapalan di negara kita sedang berada di peringkat peralihan. Industri perkapalan pada amnya mempengaruhi dan dipengaruhi oleh beberapa faktor, termasuk ekonomi, politik dan keselamatan di dalam dan di luar negeri. Pindaan kepada Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 adalah perlu untuk membantu usaha Kerajaan mempesatkan pembangunan perkapalan saudagar dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya.

Di samping itu, pindaan tersebut juga telah didorongkan oleh keperluan dan perkembangan semasa dalam suasana dan industri perkapalan dan demi untuk membolehkan Kementerian Pengangkutan menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih sempurna. Beberapa pindaan-pindaan berhubung dengan pendaftaran kapal-kapal, perkapalan persisiran pantai, pendaftaran dan keselamatan struktur di luar pantai adalah pindaan-pindaan mengenai perkara-perkara dasar. Dalam pada itu, beberapa pindaan yang lain, bertujuan untuk memperkemaskan peruntukan yang sedia ada serta melicinkan pentadbirannya. Selain daripada itu, ada beberapa fasal yang menyentuh pindaan-pindaan kecil atau pindaan-pindaan berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan matlamat Kerajaan mengurangkan defisit yang berlanjutan dalam dagangan tak ketara, langkah-langkah harus diambil bagi meningkatkan lagi penyertaan warganegara dalam bidang perkapalan serta memperluaskan tannaj perkapalan yang dimiliki oleh orang perseorangan warganegara, perkongsian ataupun syarikat-syarikat perkapalan.

Walau bagaimanapun, usaha menggalakkan industri perkapalan memerlukan syarat-syarat pendaftaran kapal yang lebih, dengan izin, "flexible". Syarat-syarat pendaftaran yang sedia wujud adalah terlalu ketat dan perlu dikaji semula. Syarat-syarat pendaftaran kapal adalah penting bagi menarik pelaburan asing demi bagi mencapai dasar Kerajaan untuk menjadikan negara kita bertaraf negara maritim. Usaha-usaha menggalakkan lagi pendaftaran kapal-kapal di Malaysia harus dipertingkatkan lagi. Rang Undang-undang ini adalah bertujuan memperbaiki lagi undang-undang berkaitan, demi memberi galakan kepada pendaftaran kapal-kapal di negara kita.

Selain daripada pendaftaran, Rang Undang-undang ini juga bertujuan memperkemaskan lagi undang-undang berkaitan dengan perkapalan persisiran laut. Semenjak tahun 1980, perkapalan di persisiran laut telah pun dihadkan hanya kepada kapal-kapal yang mempunyai lesen. Syarikat-syarikat tempatan diberi keutamaan di dalam pemberian lesen-lesen itu. Rang Undang-undang ini akan meminda beberapa seksyen undang-undang persisiran laut, dengan tujuan membolehkan pengawalan industri pelayaran domestic dengan lebih sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menggalakkan penyertaan warganegara dalam bidang perkapalan, adalah dikenalpasti bahawa syarikat-syarikat perkapalan terutamanya syarikat-syarikat perkapalan usahasama dengan pihak asing, haruslah dipertingkatkan. Ini merupakan satu cara untuk menarik pelaburan dan kepakaran asing serta mempercepatkan pemindahan teknologi di bidang perkapalan. Oleh itu, peruntukan yang sedia ada di Seksyen 11, iaitu majoriti pemegang saham mesti dimiliki oleh warganegara, perlu dilonggarkan.

Dengan izin, "flexibility" ini adalah penting bagi Malaysia mencapai taraf negara maritim dengan memperbanyakkan lagi kapal-kapal didaftarkan di negara kita. Adalah dianggarkan bahawa pelabur-pelabur di bidang industri perkapalan di negara kita sekiranya syarat-syarat pendaftaran kapal dapat dilonggarkan sedikit. Fakta-fakta lain seperti kos operasi di Malaysia adalah masih kurang jika dibandingkan dengan negara-negara maju. Malaysia jua mempunyai jumlah kargo yang lumayan untuk diangkut oleh kapal-kapalnya. Dasar Kerajaan Malaysia memajukan industri perkapalan adalah jua satu fakta menarik pelaburan asing. Pindaan yang dicadangkan itu bertujuan untuk membolehkan Menteri yang berkenaan

menentukan peratus pemegang saham dan pengarah warganegara Malaysia dan yang bukan warganegara dalam sesebuah syarikat perkapalan usahasama. Dalam pada itu, pindaan Fasal 4 juga bertujuan membolehkan Menteri untuk sedikit demi sedikit memperketatkan syarat-syarat mengenai pemegang saham dan pengarah syarikat-syarikat tersebut, selaras dengan peringkat kemajuan yang dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4, di samping mempunyai, dengan izin, "element of flexibility" adalah juga bertujuan untuk mengawasi pengurusan syarikat perkapalan yang ditubuhkan di Malaysia. Fasal 4 mewajibkan supaya ibu pejabat sesebuah syarikat perkapalan itu ditempatkan di Malaysia dan sebahagian besar daripada pengurusannya dijalankan dari Malaysia. Langkah-langkah ini dijangka mengurangkan dan seterusnya akan menghapuskan syarikat-syarikat perkapalan yang diperbadankan di Malaysia semata-mata untuk menikmati faedah yang diberikan kepada kapal-kapal yang didaftarkan di Malaysia tetapi perniagaannya diuruskan dari luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk meminda Seksyen 65A bertujuan untuk memperluaskan, dengan izin "territorial scope" bagi perkapalan persisiran pantai. Taktik baru "domestic shipping" akan meliputi pengangkutan kargo atau penumpang dari mana-mana tempat dan pelabuhan di Malaysia ke mana-mana tempat dan pelabuhan lain atau dari mana-mana tempat dan pelabuhan di Malaysia ke mana-mana tempat dalam zon ekonomi eksklusif ataupun sebaliknya.

Pindaan ini membolehkan kita mengawasi kapal-kapal yang berulang-alik dari pantai ke pelantar-pelantar minyak. Khususnya, ini membolehkan kita menghadkan penyertaan kapal-kapal asing dalam bidang ini dan memberi peluang serta meningkatkan

penyertaan warganegara Malaysia dalam aktiviti perkapalan luar pantai ataupun, dengan izin, "offshore activities". Buat masa ini, perkapalan persisiran pantai masih tertumpu kepada aktiviti-aktiviti tradisional, iaitu pengangkutan kargo kering atau minyak. Adalah dijangkakan, pengusaha-pengusaha kapal persisiran akan menceburkan diri dalam aktiviti-aktiviti perkapalan yang lebih khusus seperti mengendalikan "supply vessels", carigali minyak, dan lain-lain aktiviti yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu, cadangan meminda Seksyen 65K juga adalah penting dan merupakan satu seksyen baru. Pindaan ini menentukan bahawa hanya kapal-kapal Malaysia sahaja yang berhak mengambil bahagian di dalam perkapalan persisiran. Peruntukan ini cuma menurunkan dasar yang sedia ada sebagai undang-undang. Menteri yang berkenaan mempunyai kuasa bagi memberi pengecualian mengikut keperluan di atas syarat-syarat tertentu. Umpamanya, sekiranya tidak ada kapal-kapal Malaysia yang sesuai bagi sesuatu jenis kargo, pengecualian bolehlah diberi dengan syarat-syarat tertentu. Peruntukan bahawa hanya kapal-kapal Malaysia sahaja yang berhak mengambil bahagian akan juga menetapkan secara jelas bahawa kapal-kapal asing tidak boleh mengambil bahagian melainkan dengan peraturan pengecualian sementara.

Berhubung dengan pentadbiran perkapalan persisiran pantai pindaan juga dibuat bagi membolehkan Menteri melantik sesiapa juga untuk menjadi Pengerusi Lembaga Perlesenan Perkapalan Dalam Negeri. Di bawah peruntukan yang sedia ada, Menteri hanya boleh melantik Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan sebagai Pengerusi. Pindaan ini mencerminkan kesediaan Kerajaan memperkenalkan apa juga perubahan dalam jentera Kerajaan yang sedia ada jika keadaan

memerlukannya, di samping memberikan fleksibiliti kepada pentadbiran Lembaga Perlesenan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan terpenting seterusnya adalah pindaan-pindaan ke atas Seksyen-seksyen 473-475 dan 483-484 iaitu peruntukan-peruntuk mengenai pelesenan bot.

Peruntukan dibuat bagi memasukkan takrif bot yang baru iaitu vesel yang tidak melebihi 500 tan kasar yang berlayar hanya di sungai dan di perairan negeri masing-masing hingga ke batasan luar laut Wilayah. Peruntukan-peruntukan ini adalah bertujuan memperkemas lagi Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan memperluaskan undang-undang ini ke Sabah dan Sarawak.

Adalah juga didapati bahawa di Sabah dan Sarawak, kapal-kapal boleh dilesenkan bagi pelayaran dalam perairan negeri tanpa mengira berat. Ini akan menimbulkan masalah apabila undang-undang perkapalan persisiran ini diperluaskan ke negeri-negeri tersebut oleh kerana bidang pengawasan kedua-dua undang-undang tersebut adalah sama. Perkara ini telah pun dibincangkan bersama-sama dengan wakil-wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dan mereka telah bersetuju bahawa kapal-kapal yang beratnya tidak melebihi 500 gross tons boleh dilesenkan di bawah kategori lesen bot. Bot-bot yang dilesenkan itu tidak akan memerlukan lesen perkapalan persisiran laut selagi bot-bot itu berlayar hanya di dalam negeri masing-masing.

Walau bagaimanapun, kapal-kapal yang melebihi 500 tan kasar masih dikehendaki mendapatkan lesen perkapalan dalam negeri. Dengan memperluaskan peruntukan-peruntukan mengenai pelesenan bot ke negeri Sabah dan Sarawak akan membolehkan takrif bot yang seragam digunakan bagi Semenanjung Malaysia, negeri Sabah dan Sarawak. Selaras

dengan perluasan undang-undang ini, seksyen-seksyen yang berkaitan dengan pelesenan bot-bot di bawah Ordinan-ordinan Perkapalan Saudagar, 1960 di Sabah dan Sarawak akan dimansuhkan.

Suka saya menyatakan bahawa kapal-kapal kecil yang beratnya kurang daripada 15 tan net akan terus dilesenkan oleh Sabah dan Sarawak seperti amalan yang sedia ada. Kapal-kapal ini juga tidak perlu mendapatkan lesen perkapalan persisiran.

Pindaan juga telah dibuat ke atas Seksyen 483 di mana peruntukan diadakan bagi membolehkan Menteri membuat kaedah-kaedah mengenai perkara-perkara seperti kelayakan belayar, pemeriksaan, penelitian, pembinaan, peralatan dan sebagainya bagi vesel perikanan. Tujuan memasukkan perkara-perkara ini adalah untuk mengawasi kapal perikanan kerana seperti kapal-kapal yang lain, kapal-kapal perikanan juga perlu mematuhi satu tahap keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, aktiviti carigali minyak di luar kawasan perairan Malaysia (territorial waters) adalah merupakan aktiviti yang giat berkembang.

Buat masa ini, terdapat beberapa struktur luar pantai didirikan di kawasan luar perairan Malaysia bagi maksud ini. Tidak boleh dinafikan bahawa terdapat berbilang dan berbagai rupa bentuk luar pantai berkaitan dengan kerja-kerja carigali minyak akan terus didirikan di masa hadapan. Oleh itu dari segi pentadbiran keselamatan di laut (maritime safety) peruntukan baru dibuat bagi memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan mengenai pendaftaran struktur luar pantai serta peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya seperti pembinaannya, pencegahan pencemaran, keperluan "manning" dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, adalah ketara bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk menggalakkan perkembangan perkapalan dalam negeri, selaras dengan dasar kabotaj kebangsaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini mungkin berminat untuk mengetahui bahawa sehingga akhir tahun 1983, sebanyak 451 buah kapal telah pun dilesenkan oleh Lembaga Pelesenan Perkapalan Dalam Negeri. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak lagi kapal-kapal didaftarkan dalam negara ini, untuk mengendalikan perdagangan kita dan demi untuk kemajuan perusahaan maritime yang sebenar. Oleh itu, adalah diharapkan bahawa Rang Undang-undang ini akan dapat memberi kuasa undang-undang untuk menjamin kemajuan dalam industri perkapalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952 bagi memperluaskan peruntukan-peruntukan yang tertentu ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya adalah dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.58 ptg.

Tuan Ling Sie Ming (Sibu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan iaitu satu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952.

Rang Undang-undang ini mengandungi perkara-perkara untuk memperluaskan peruntukan-peruntukan tertentu ke negeri Sabah dan Sarawak.

Suka saya mengatakan bahawa saya juga bersetuju dengan falsafah akta ini kerana sepatutnya semua kapal saudagar yang menjalankan operasinya mestilah dimiliki oleh warganegara Malaysia oleh kerana perniagaannya adalah dibuat di Malaysia. Sepatutnya ditubuhkan dan didaftarkan di Malaysia. Oleh yang demikian, Fasal ke 4 yang memperuntukkan seperti disebutkan tadi adalah adil dan munasabah. Langkah itu akan menggalakkan peniaga-peniaga tempatan dan perbadanan perkapalan warganegara Malaysia untuk meningkatkan urusan mereka, jimatkan bayaran perkapalan kepada negara asing dan mengurangkan deficit dalam bayaran imbalan "balance of payment", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bagi negara kita.

Ingin saya bangkitkan perkara-perkara berkaitan dengan perkapalan saudagar di rantau Malaysia Timur iaitu Negeri Sabah dan Negeri Sarawak. Urusan syarikat perkapalan saudagar telah menderita akibat kemelesetan ekonomi. Akan tetapi keadaan yang buruk timbul oleh sebab kurang perhatian yang diberi kepada sektor perkapalan saudagar di Sarawak dan Sabah. Saya menyeru kepada Kementerian berkenaan memberi perhatian yang serius terhadap masalah ini supaya mempereratkan perhubungan di antara Sarawak/Sabah dan Semenanjung Malaysia sebagai suatu langkah yang bererti dalam usaha integrasi serantau.

Mengenai soalan lesen tempatan atau domestic licence, dengan izin, Rang Undang-undang itu memerlukan bahawa setiap kapal mestilah memohon lesen itu. Proses permohonan dari segi Negeri Sarawak untuk menjalankan perdagangan perkapalan antara

Sarawak dengan Semenanjung Malaysia biasanya, memakan masa selama dua atau tiga bulan. Kelewatan ini menjadi satu masalah kepada peniaga-peniaga Sarawak. Saya mencadangkan supaya Perkapalan Saudagar-saudagar Perkapalan Sarawak dikecualikan daripada peruntukan ini.

Di samping ini walaupun pihak Kerajaan telah mengisytiharkan bahawa langkah-langkah akan diambil untuk membantu industri perkapalan-perkapalan tempatan, tetapi MISC yang disertai oleh Kerajaan memberi persaingan kepada syarikat swasta.

Pendek kata, MISC telah memonopoli perkapalan bagi kargo dan syarikat perkapalan swasta tidak berjaya untuk mengembangkan urusan mereka. Saya mencadangkan bahawa MISC patutlah digalakkan untuk memperluaskan urusannya di bidang perkapalan antarabangsa. Langkah itu akan memberi peluang yang lebih luas kepada syarikat perkapalan saudagar tempatan untuk memastikan keuntungan.

Akhirnya, ingin saya mengingatkan pihak Kerajaan bahawa Kerajaan Singapura dan Indonesia telah mengharamkan kapal-kapal yang telah berusia lebih daripada 25 tahun. Saya harap pihak Kerajaan akan mengambil tindakan agar memastikan kapal-kapal lama tersebut tidak akan dijual kepada Malaysia, supaya menyelamatkan industri perkapalan tempatan. Sekian, terima kasih.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Mesyuarat)

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Tanjong.

4.06 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk

turut membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar Tahun 1952. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bertujuan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri untuk menggalakkan pendaftaran kapal-kapal Malaysia untuk mengendalikan perdagangan perkapalan di negara kita ini supaya negara kita ini boleh menjadi sebuah negara maritime.

Tuan Yang di-Pertua, adalah penting bagi kita menggalakkan industri perkapalan Malaysia bukan sahaja kerana industri ini akan mendatangkan faedahnya dengan sendirinya sebagai satu industri yang menguntungkan tetapi juga dari segi imbalan pembayaran luar negara kita ataupun, dengan izin, "balance of payment".

Seperti yang kita sedia maklum, salah satu daripada punca kerugian imbalan pembayaran luar bagi negara kita ataupun "balance of payment".

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Point of order. Setiausaha, sila bilang.

Dua puluh dua orang ahli yang hadir, tidak cukup bilang, sila bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir*).

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Sudah lebih daripada 26 orang Ahli Yang Berhormat yang hadir. Yang Berhormat dari Tanjong sila teruskan ucapan.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya katakan tadi isu ini adalah berkaitan dengan balance of payment kerana satu punca kerugian balance of payment timbul

daripada apa yang dikenali sebagai "invisible" iaitu termasuk freight charges ataupun tambang-tambang kapal yang dikenakan apabila menjalani perdagangan. Maka ini menunjukkan bahawa kita memerlukan usaha yang lebih untuk menggalakkan perkapalan ataupun pendaftaran kapal-kapal Malaysia.

Mengikut angka-angka yang telah saya dapati sungguhpun bilangan kapal-kapal Malaysia telah meningkat dari 71 buah yang telah didaftarkan pada tahun 73 ke 251 buah pada tahun 81 akan tetapi dari segi nisbah semua kapal yang didaftarkan di Malaysia, ini masih kurang memuaskan kerana nisbah kapal Malaysia yang telah didaftarkan itu ialah 3.8% pada tahun 73 tetapi hanya 3.1% pada tahun 1981. Ini menunjukkan bahawa kapal-kapal asing yang telah didaftarkan di Malaysia itu telah meningkat dengan lebih pesat lagi daripada bilangan kapal-kapal negara kita sendiri. Maka ini adalah satu perkara yang harus kita mengambil perhatian.

Selain daripada itu untuk menghadkan perkapalan domestic ataupun perkapalan dalam negeri kepada kapal-kapal Malaysia sahaja adalah kurang jelas apakah faedah yang boleh didapati daripadanya dari segi balance of payment, kerana setahu saya kebanyakan daripada perkapalan domestic ini sekarang telah dijalankan oleh kapal-kapal yang boleh dikenali sebagai kapal-kapal Malaysia. Sungguhpun perkapalan coastal ataupun daripada pantai ke pantai telah meningkat dengan pesat tetapi masih kurang pesat dari segi jumlah kalau dibandingkan dengan perkapalan pada keseluruhannya, maka itulah satu isu yang ingin saya kemukakan.

Isu yang kedua yang saya ingin kemukakan berkaitan dengan Rang Undang-undang ini ialah mengenai zon ekonomi eksklusif. Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya inilah kali

pertamanya definisi zon ekonomi eksklusif secara rasmi dimasukkan ke dalam satu akta ataupun undang-undang Malaysia. Maka di dalam ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia atas usahanya untuk menonjolkan kedaulatan negara dan juga mempertahankan hak negara kita terhadap eksploitasi sumber-sumber laut di sekeliling negara.

Seperti yang kita sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, zon ekonomi eksklusif seluas 200 batu nautikal ini adalah tuntutan yang dibuat oleh negara-negara yang sedang membangun di beberapa persidangan antarabangsa mengenai "Law of the Sea". Isu ini telah diperdebatkan dengan begitu hebatnya kerana beberapa buah negara yang maju masih tidak bersetuju dengan cadangan ini dan tidak menerima konsep Zone Economic Exclusive ataupun pelaksanaannya.

Maka di sini saya ingin merujuk kepada Fasal 31 iaitu yang memasukkan tiga seksyen yang baharu yang memberi kuasa kepada Pegawai Pelabuhan dan Pegawai Kastam untuk menaiki kapal dalam perairan wilayah itu di dalam zon ekonomi eksklusif bagi maksud yang tertentu dan sekiranya didapati ~~sebuah~~ kapal itu tidak memenuhi keperluan yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini maka kapal ataupun tuan punya kapal itu akan didakwa di dalam mahkamah. Maka di sini, Tuan Yang di-Pertua, timbullah dua soalan iaitu yang pertamanya, apakah yang akan terjadi jika sekiranya kapal-kapal saudagar yang terlibat itu adalah dari sebuah negara yang tidak menerima konsep zon ekonomi eksklusif. Adakah ini akan menimbulkan satu masalah undang-undang antarabangsa (international legal dispute) dan sekiranya dispute ini timbul, apakah reference ataupun dari segi kuasa undang-undang yang kita dapat merujuk untuk mempertahankan hak kita. Itu soalan yang pertama.

Yang kedua ialah sekiranya peristiwa menolak hak pegawai kita untuk menaiki kapal-kapal yang tertentu dalam zon ekonomi eksklusif ini, berlaku demi untuk mempertahankan kedaulatan negara, adakah Kerajaan akan memberi sokongan tentera yang mencukupi kepada pegawai-pegawai yang terlibat supaya mereka ini dapat menjalankan tugas mereka seperti yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini.

Itulah dua soalan yang dapat saya timbulkan untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri dan juga pihak Kerajaan supaya apabila kita menetapkan satu definasi yang ada berkaitan dengan kedaulatan negara maka kita mestilah bersiap sedia untuk menghadapi segala masalah yang mungkin akan timbul daripadanya. Itulah sahaja ucapan saya, terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Tenggaroh.

4.08 ptg.

Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh):
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain bagi memberi pendapat, pandangan serta cadangan-cadangan mengenai pindaan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menyingkap sejarah tanah air kita tatkala keagongan kesultanan Melayu Melaka dahulu, kita dapati bahawa Melaka pada ketika itu masyhur dan amat terkenal dengan ahli-ahli pelayaran, ahli-ahli perdagangan dan pelaut-pelaut malah Kerajaan Melayu Melaka pada ketika itu dikenali sebagai satu pusat perdagangan yang unggul di gugusan kepulauan Melayu ataupun nusantara ini. Pelaut-pelaut di Melaka pada ketika itu amat rajin belayar dari sebuah negeri ke sebuah negeri. Mereka berdagang di antara pulau-pulau, mereka menjadi utusan-utusan istana ataupun utusan-utusan Raja.

Pernah kita dengar cerita Hang Tuah belayar ke negeri China membawa balik Puteri Hang Lipo, kita juga pernah mendengar cerita Hang Tuah belayar ke negeri Indera Pura untuk membawa pulang Puteri Tun Teja bagi dijadikan Permaisuri Melaka.

Jadi dengan itu pada kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa pengetahuan masyarakat Melayu, masyarakat di tanahair kita ini pada ketika itu tentang perkapalan, ilmu pelayaran sudah ada, sudah luas tetapi disebabkan oleh beberapa faktor yang tertentu kita dijajah oleh penjajah Barat sekian lamanya, beratus-ratus tahun; maka ilmu yang luas di dalam bidang pelayaran dan perkapalan ini lenyap begitu sahaja sehinggakan ke saat ini kita tidak tahu, tidak ada rekod berapa buah kapal sebenarnya yang telah dibina semasa keagungan kesultanan Melayu Melaka, di mana bangkai-bangkai kapal tersebut, kalau dia tenggelam di selat mana, di perairan mana.

Baru-baru ini Kerajaan Belanda mendakwa bahawa kapalnya yang bernama RISDAM telah karam di perairan Laut China Selatan berhampiran dengan Pulau Gajah, dekat ataupun dalam kawasan pilihanraya saya sendiri, Mersing, dianggarkan ianya karam di dalam tahun 1720an (1726 ataupun 1727) mengikut sejarah ataupun rekod daripada Kerajaan Belanda. Amat malang bagi kita orang-orang Melayu yang pada satu ketika dahulu terkenal dalam pembinaan kapal-kapal, mempunyai pengetahuan yang tinggi di dalam bidang pelayaran ini, rekod-rekod mereka tidak dapat kita perolehi sehingga ke hari ini.

Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kira bahawa tujuan kita meminda ataupun tujuan Kerajaan ataupun khususnya Kementerian Pengangkutan meminda

Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952 seperti yang sedang kita bahaskan pada hari ini ialah di samping untuk membanyakkan lagi bilangan pemilik-pemilik kapal saudagar yang didaftarkan di dalam negara kita ini, ianya juga mempunyai tujuan yang tersirat iaitu untuk merekodkan kapal-kapal yang didaftarkan di dalam negara kita agar rekod ini boleh disimpan dan agar generasi-generasi yang akan datang dapat mengetahui tentang kapal-kapal yang didaftarkan di dalam negara kita ini.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan khususnya Kementerian Pengangkutan di atas daya usahanya meminda Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952 ini dari sudut ekonominya seperti apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri dari segi tujuan, kemudian dari sudut sejarahnya juga, saya mengambil kira ianya adalah penting bagi kita.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita adalah negara pertanian dan sedang di dalam proses untuk menuju ke arah negara perindustrian. Kita masih banyak mengeksport bahan-bahan mentah ke luar negeri dan kebanyakan urusan-urusan eksport bahan-bahan mentah tersebut dilaksanakan dengan kapal-kapal yang besar. Kita tidak mempunyai banyak kapal. Saya sendiri amat cetek pengetahuan saya di dalam bidang perkapalan, apa yang saya tahu hanya ada MISC sahaja tetapi walau bagaimanapun saya memikirkan bahawa dari sudut tukaran wang asing kita telah kerugian begitu banyak akibat daripada peninggalan ataupun kecuaiannya kita untuk menitikberatkan bahawa ilmu perkapalan ini adalah penting bagi negara-negara pertanian seperti negara kita. Dan alhamdulillah, kesedaran telah pun wujud di kalangan kita dan dengan adanya pindaan ini kita berharap agar lebih banyak lagi didaftarkan kapal-kapal saudagar, lebih ramai lagi bilangan pemilik-pemilik kapal saudagar di kalangan warga-negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan eksport bahan-bahan mentah negara kita dan dalam usaha kita memperbanyakkan pendaftaran kapal-kapal saudagar di dalam negara kita ini, kita perlu juga ingat serta teliti bahawa penekanan untuk memperbanyakkan pendaftaran kapal-kapal asing di dalam negara kita ini juga harus mengambil kira bahawa kapal-kapal saudagar yang hendak kita daftarkan di dalam negara kita ini perlu kita teliti, perlu kita perhati ataupun kita pertitikberatkan dari segi kualiti kapal-kapal itu sendiri. Jangan kita menjadi seperti setengah-setengah negara di dalam dunia ini apabila ada sahaja kapal saudagar yang hendak mendaftar di dalam negara tersebut diterima dengan sewenang-wenangnya. Akibat daripada penerimaan pendaftaran dengan sewenang-wenang tanpa meneliti, memerhati serta menitikberatkan beberapa faktor yang tertentu, kita tahu kapal-kapal yang karam didaftarkan di negara sekian, kapal rosak didaftarkan di negara itu. Kita tidak mahu jadi macam itu.

Kalau kita hendak mendaftarkan kapal-kapal saudagar, kita perhatikan kualiti kapal tersebut, adakah kapal tersebut masih lagi berada di dalam keadaan yang baik ataupun setakat manakah kemampuan pelayaran yang boleh dilakukan oleh kapal tersebut. Kita tidak mahu apabila kita mendapat berita kapal karam ianya didaftarkan di Malaysia. Anak-anak kapal yang berkelakuan kurang sopan adalah anak-anak kapal Malaysia. Jadi faktor-faktor inilah yang perlu kita perhatikan dan perlu diambil kira oleh Kerajaan. Tidak mahulah kita kalau saya contohkan, kalau hendak mudah nikah kita pergi ke suatu negeri walaupun kita sudah beristeri dua dekat sini, kita hendak tambah seorang isteri lagi; isteri yang pertama dan isteri yang kedua membantah ataupun kadi di negara kita ini tidak membenarkan kita untuk menambah seorang isteri menjadikan tiga, kita pergi ke suatu negeri lain bernikah dengan sewenang-wenang.

Kita boleh bernikah di negara tersebut tanpa memerhatikan keadaan ataupun kemampuan kita untuk beristeri tiga dan beristeri empat. Begitu juga keadaannya dalam bidang pendaftaran kapal-kapal saudagar ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping negara kita merupakan negara pertanian pada masa ini, hasil pendapatan daripada pelancongan juga kian bertambah. Bilangan pelancong-pelancong yang sampai ke negara kita baik untuk menjalankan urusan-urusan perniagaan mahupun untuk menghabiskan cuti berehat dan seumpamanya kian bertambah dari tahun ke setahun.

Saya berani berkata demikian kerana kawasan pilihanraya saya bilangan pelancong daripada tahun ke setahun kian bertambah di musimnya. Oleh itu ramailah peniaga-peniaga kapal untuk mengangkut pelancong daripada pantai Mersing ke pulau-pulau. Bilanganinya tidak kurang daripada 100 buah. Perkara ini walaupun ianya agak terkeluar sedikit tetapi saya mengambil kira ianya perlu juga disebutkan di dalam Dewan yang mulia ini kerana ianya juga ada kena mengena dengan kapal dan ada juga kena mengena dengan saudagar, peniaga. Apa yang menjadi masalah kepada pemilik-pemilik ataupun saudagar-saudagar kapal ataupun bot pelancong di Mersing ialah mereka tidak mempunyai lesen memandu, nakhoda sahaja namanya tetapi lesen tiada. Ditanya mengapa mereka tidak mempunyai lesen untuk memandu atau ujian memandu..... Jawabannya amat mudah. Tidak tahu di mana ada kelas untuk belajar memandu. Tidak macam kita hendak menjalani ujian memandu kereta di tiap-tiap pejabat RIMV diadakan tempat ujian memandu kereta. Di merata tempat banyak terdapat kelas-kelas memandu kereta. Tetapi lain pula halnya dengan bot, tiada. Kebanyakan nakhoda-nakhoda yang ada baik nakhoda bot pelancong, bot kargo, bot-bot ikan di Mersing tiada lesen. Bila

tiada lesen, mereka tidak boleh meneruskan perusahaan mereka kerana salah satu syarat untuk menghidupkan lesen bot pelancong ialah bot itu mesti ada nakhodanya dan nakhodanya mesti berlesen.

Saya amat berharap kepada Yang Berhormat Menteri supaya di Mersing sana diadakan kelas memandu bot. Apabila pemilik-pemilik bot ini sudah mengikuti kelas memandu tidak kiralah berapa lama ditetapkan oleh Kementerian, mereka juga perlu diuji dengan seberapa segera agar apabila mereka lulus ujian memandu itu dapatlah mereka meneruskan perusahaan untuk membawa pelancong-pelancong yang kian bertambah datang ke Mersing untuk bercuti bersuka ria di pulau-pulau di perairan Mersing yang saya kira sudah terkenal terutamanya di kalangan pelancong-pelancong dari Singapura. Minta tolonglah saya.

Tuan Yang di-Pertua, kapal ini kalau dia belayar di tengah laut tanpa pulau, tanpa batu karang yang timbul dia akan selamat. Tetapi di perairan laut China Selatan terdapat banyak pulau-pulau dan juga terdapat banyak batu-batu timbul dan batu-batu timbul ini tidak diletakkan rumah-rumah api ataupun tanda bahaya. Di muara-muara sungai, sungguhpun diletakkan lampu isyarat rumah api tetapi penjagaan atau penyeliaan rumah-rumah api ini jarang-jarang sangat dititikberatkan oleh jabatan-jabatan yang berkenaan sehingga beberapa lama api di rumah api tidak menyala tidak juga diambil tindakan. Akhirnya, akibatnya bot-bot tersalah pandu melanggar tebing-tebing sungai, pecah di tebing-tebing sungai. Ini begitu merugikan pemilik-pemilik bot yang berkenaan.

Saya menyuarakan perkara ini ialah di kawasan saya juga terdapat banyak batu-batu karang yang timbul yang terlalu merbahaya kepada bot-bot dan juga kapal-kapal. Saya tahu kapal-kapal kecil, kapal-kapal besar sering lalu di

kawasan atau di perairan tersebut sama ada dengan tujuan dengan menangkap ikan dan seumpamanya. Batu sakit mata misalnya digelar oleh orang Mersing batu melecet, orang Terengganu kata "melecet" ini batu itu merbahayalah. Batu cawan, macam-macam batu timbul, tetapi tiada tanda. Tetapi alhamdulillah kerana apa yang saya katakan bahawa kita ini ilmu pelayaran, menjadi pelaut sudah lama ada pada kita, kita tahu mana batu tersebut, biarpun waktu malam bila kita hampir batu tersebut pandai kita melencong, terselamat. Tetapi bagaimana keadaannya dengan pelaut-pelaut asing yang sekali sekala sampai ke perairan tersebut. Kata pepatah, sebelum kita kena biar kita ingat-ingat. Ingat sebelum kena jimat sebelum habis.

Jadi cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah supaya pada tiap-tiap batu karang yang timbul ini diadakanlah rumah-rumah api atau isyarat bahaya.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, dewasa ini apabila kita ataupun di negara kita ini masih lagi belum diwujudkan institusi-institusi pelajaran tinggi mengenai perkapalan, kita memerlukan tenaga mahir di dalam bidang perkapalan, kita menghantar mereka ke luar negeri, membelanjakan sejumlah wang yang besar kepada mereka. Apa salahnya kalau kita berkehendakkan lebih banyak kapal-kapal saudagar ada didaftarkan di dalam negara kita ini, kalau kita berkehendakkan lebih banyak, lebih ramai lagi pemilik-pemilik kapal saudagar di dalam negara ini, kita wujudkan institusi pelajaran mengenai perkapalan di dalam negara kita ini. Tidak payahlah kita hantar pelajar-pelajar tersebut ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berharap, agar beberapa cadangan saya tadi mendapat perhatian daripada Menteri yang berkenaan agar perkara-perkara tersebut dapat kita selesaikan

bagi mengurangkan rintihan, keluhan rakyat. Sekian, terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Batu Pahat.

4.41 ptg.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha (Batu Pahat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut bersama-sama menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan iaitu Suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

Saya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini supaya sekiranya telah dilaksanakan kelak akan dapat melebihi lagi kapal-kapal yang didaftar di negara ini kerana pada masa ini kapal-kapal yang didaftarkan di negara ini sangat-sangat berkurangan. Tetapi apa yang saya suka lanjutkan di sini ialah mengenai penglibatan kaum bumiputera di dalam perkapalan yang kita maklum hanya ada dua buah syarikat perkapalan yang boleh dikatakan kepunyaan bumiputera iaitu syarikat yang dipunyai oleh Kerajaan iaitu MISC dan juga oleh PERNAS iaitu PNSL. Kedua-dua buah syarikat ini telah mendapat galakan yang begitu baik daripada pihak Kerajaan dengan adanya satu Treasury Circular yang menghendakkan supaya semua kargo-kargo Kerajaan hendaklah dilaksanakan melalui syarikat-syarikat MISC dan PNSL.

Dengan cara ini, Tuan Yang di-Pertua, akan memalapkan lagi peluang bumiputera-bumiputera yang berminat untuk melibatkan diri di dalam perniagaan perkapalan. Saya berpendapat bumiputera hendaklah diberi galakan selain daripada kedua-dua buah syarikat MISC dan PNSL ini untuk bersama-sama melibatkan diri dalam perniagaan perkapalan ini dengan memberikan galakan-galakan kepada mereka.

Saya percaya kapal-kapal yang ada yang dipunyai oleh MISC dan PNSL tidak mencukupi untuk memberikan segala service yang diperlukan untuk membawa dagangan-dagangan import dan eksport daripada negara ini ke luar negeri, khususnya dagangan utama kita ialah dengan negeri Jepun di mana kebanyakan dagangan-dagangan yang dibawa oleh MISC dan PNSL ialah melalui kontena-kontena yang mana barang-barang ini datang dari negeri Jepun dengan kotena-kontena. Tetapi apabila kembali ke negeri Jepun oleh sebab negara kita bukan sebuah negara yang berkeupayaan dalam industri sekarang ini maka banyakkah kapal-kapal yang kembali itu kosong belaka kerana kapal-kapal yang datang membawa barang-barang dengan melalui kontena tidak dapat membawa balik barang-barang yang diusaha oleh negara kita melalui kontena kerana negara kita ini ialah negara yang mengeluarkan barang-barang selaku primary product seperti getah, kelapa sawit, minyak dan sebagainya yang tidak memerlukan penggunaan kontena. Dan ini menyebabkan saya yakin kerugian yang dihadapi oleh pihak perkapalan MISC dan PNSL.

Saya berharap galakan yang patut diberikan kepada penglibatan bumiputera di dalam perniagaan perkapalan ialah dengan memberikan juga seperti mana yang diberikan oleh pihak Treasury iaitu Treasury Circular itu hendaklah dimasukkan juga kepada syarikat-syarikat bumiputera yang mempunyai kalau boleh sekurang-kurangnya yang mempunyai 50% ke atas keupayaan ekuitinya ialah ekuiti bumiputera.

Galakan seperti base cargo iaitu kargo yang sekurang-kurangnya boleh memberikan keperluan untuk break even kepada syarikat-syarikat bumiputera ini hendaklah perlu diberikan kepada mereka kalau hendak menggalakkan bumiputera melibatkan diri di dalam perniagaan perkapalan. Base cargo ini

boleh diberikan oleh pihak-pihak Kerajaan seperti misalnya PROTON-HICOM kerana PROTON c.k.d. yang akan dibawa daripada Jepun ke Malaysia itu boleh dikhaskan misalnya base cargo 4,000 tan untuk khas kepada syarikat perkapalan bumiputera. Begitu juga, dengan barang-barang lain seperti FELDA dan juga pengeksport-pengeksport lain daripada negara kita khususnya hendaklah memberikan peluang galakan based cargo ini kepada syarikat bumiputera. Jadi dengan ini saya yakin dapatlah kita memberi galakan yang lebih kepada bumiputera untuk melibatkan diri di dalam perniagaan perkapalan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak sentuh ialah mengenai perkara yang dibangkitkan baru-baru ini di dalam suratkhbar mengenai kapal-kapal dagang luar yang melanggar pukut-pukat tunda atau pukut-pukat nelayan-nelayan negara kita. Saya difahamkan mereka tidak boleh berbuat apa-apa sekiranya pukut-pukat mereka atau jaring-jaring mereka dilanggar oleh kapal-kapal dagang ini. Oleh yang demikian kita terpaksa mengambil langkah-langkah yang perlu supaya dapat nelayan-nelayan kita yang mengalami keadaan ini diberikan compensation supaya mereka tidak kerugian dan seterusnya menentukan supaya perkara-perkara ini tidak akan berulang lagi di masa-masa yang akan datang.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Lumut.

4.47 ptg.

Tuan Ng Cheng Kuai (Lumut): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai perbahasan tentang Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 1984.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya kuasa-kuasa yang dianugerahkan kepada Menteri atau Registrar Generalnya sepertimana yang termaktub di dalam Akta ini adalah amat luas dan menyeluruh. Yang demikian adalah ketara tafsiran dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan undang-undang akan menentukan untung-nasib industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita meninjau industri perkapalan di Malaysia dalam tempoh dua tahun atau tiga tahun kebelakangan ini ia memperlihatkan beberapa syarikat perkapalan yang telah menjadi muflis. Pelbagai alasan telah dikemukakan tentang keadaan yang demikian. Tetapi saingan yang hebat dan kemelesetan ekonomi adalah fakta-fakta yang utama.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kapal-kapal yang akan didaftar di Malaysia yang berlayar di perairan antarabangsa, tafsiran peruntukan-peruntukan dalam Akta ini seharusnya berbentuk lebih flexible. Ini adalah penting bagi usahawan-usahawan kita bersaing dengan kapal-kapal kepunyaan negara-negara asing, misalnya Singapura, Hong Kong atau Jepun. Jika tidak kapal-kapal kita akan dibebankan dengan syarat-syarat yang menyekatkan taraf persaingannya lebih-lebih lagi di kalangan antarabangsa saingan adalah hebat.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya merenung kepada sejarah perkapalan negara kita yang begitu singkat. Ini menyebabkan kurangnya kakitangan yang mahir dan anak-anak kapal yang berkelayakan terutamanya bagi jawatan-jawatan dari pangkat kaptain ke atas. Jadi di sini timbullah masalah Dasar Ekonomi Baru dari segi tenaga pekerja dan pelaburan. Memang diakui bahawa bagi bidang-bidang ekonomi tertentu pematuhan Dasar Ekonomi Baru tidak boleh tercapai dengan sekelip mata. Jadi kalau

disebabkan oleh paksaan, keadaan pembahagian jawatan-jawatan bagi orang-orang Bumiputera tidak sempat dipatuhi dengan sepenuhnya selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, permohonan-permohonan pendaftaran dari sesebuah syarikat perkapalan mungkin tergendala. Begitu juga jika penyertaan kaum Bumiputera sebanyak 30% tidak tercapai kerana pelaburan wang yang berjumlah berjuta-juta ringgit kemungkinan besar permohonan-permohonan sesebuah syarikat perkapalan bertaraf antarabangsa akan terjejas.

Bagi tujuan mencapai taraf negara maritime sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya berpendapat permohonan-permohonan sedemikian tidak patut dilewatkan asalkan syarikat-syarikat yang berkenaan sanggup memberi jaminan untuk mematuhi syarat-syarat Dasar Ekonomi Baru. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan ialah Kementerian Pengangkutan perlu bersikap lebih flexible agar pertumbuhan industri perkapalan tidak terbantut asalkan usahawan-usahawan yang berkenaan memberi jaminan untuk mematuhi apa jua syarat-syarat yang digubal dari masa ke semasa. Dengan kata-kata demikian saya menyokong Akta pindaan ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Silam.

4.54 ptg.

Tuan Abdullah bin Haji Abdul Hamid (Silam): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 1984 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat keputusan Kerajaan untuk meminda dan memperluaskan peruntukan-peruntukan Ordinan

Perkapalan Saudagar 1984 ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak adalah kena pada tempatnya. Kementerian tersebut seharusnya diberikan penghargaan oleh kerana setakat ini dapat merangka sesuatu undang-undang yang begitu besar maknanya yang akan memberi manfaat kepada negara ini khususnya negeri Sabah. Seperti kita sedia maklum negeri Sabah begitu pesat dengan industri perkapalan di mana terdapat limbungan membina kapal-kapal yang di bawah berat 500 tan.

Tuan Yang di-Pertua, pemindaan Ordinan Perkapalan Saudagar, 1984 ini dan perluasannya ke Sabah sudah tentu akan memberikan manfaat terutama sekali dalam kita memastikan kawalan kapal-kapal saudagar dari luar negeri yang disewa ataupun, dengan izin, chartered oleh peniaga-peniaga tempatan.

Saya yakin dan percaya Ordinan Perkapalan Saudagar ini akan dapat memberi kesan terutama sekali dalam kesempurnaan dan kelicinan pendaftaran kapal-kapal khususnya di negeri Sabah seperti yang dinyatakan dalam Fasal 4 Rang Undang-undang ini. Seperti kita semua sedia maklum negeri Sabah begitu pesat membangun terutama sekali dalam industri perkapalan di samping mengadakan kemudahan limbungan yang bertaraf antarabangsa yang juga mempunyai limbungan membina kapal-kapal besar dan dengan ini saya mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat memastikan kapal-kapal saudagar yang ada di negara ini akan dapat menghantar kapal-kapal mereka ke limbungan-limbungan yang ada di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya di samping kita mengawal kapal-kapal dalam negeri, dengan adanya Ordinan ini penguasa-penguasa pelabuhan dan juga pegawai-pegawai Kastam akan dapat mengawas kapal-kapal penumpang, kapal-kapal

pengangkut kayu-kayan yang datang daripada berbagai-bagai negara, pegawai-pegawai kita juga terpaksa mengawas kapal-kapal dalam negeri. Selain dari ini penguasa-penguasa pelabuhan seperti saya sebutkan tadi sibuk dengan mengawas kapal-kapal dalam negeri. Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab ini bertambah apabila trafik kontena yang kian bertambah datang ke kawasan negeri Sabah khususnya di kawasan Wilayah Persekutuan Labuan kerana kontena-kontena yang begitu besar dan banyak datang ke kawasan ini. Saya berpendapat tanpa undang-undang ataupun Ordinan ini dipanjangkan ke negeri Sabah maka pengawalan kapal-kapal yang datang ke kawasan ini, ini sudah tentu akan kita tidak dapat jalankan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perluasan Ordinan Perkapalan Saudagar, 1984 ke negeri Sabah, penguasa-penguasa pelabuhan akan dapat mengawal dan mengawas dengan lebih teratur dan efektif trafik-trafik perkapalan di negeri itu. Dengan adanya Ordinan ini Pemeriksa-pemeriksa Kapal ataupun Pegawai-pegawai Kastam dilengkapi dengan kuasa-kuasa yang absolute untuk memeriksa apa jua kapal yang mereka syaki yang telah melanggar undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan di negeri tersebut. Kuasa-kuasa ini dinyatakan dalam Fasal 5, 8 dan 23 Ordinan Perkapalan yang sedang kita bahaskan.

Selain dari itu, Ordinan Perkapalan Saudagar 1984 akan dapat mengatasi penggunaan kapal-kapal yang dibina di Sabah. Kapal-kapal yang dibina di limbungan-limbungan kapal di Sabah haruslah diawasi pendaftarannya. Pemindahan pendaftaran kapal-kapal yang dibina di Sabah kepada pendaftaran asing hendaklah kita awasi sepenuhnya dari segi keselamatan dalam negeri dan negara khususnya.

Seksyen 65KA yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi amatlah sesuai. Dengan adanya sekisyen ini sudah tentu kita akan dapat mengawal dan mengawasi kegiatan-kegiatan anti nasional yang mengambil kesempatan menggunakan kapal-kapal tempatan ataupun kapal-kapal Malaysia untuk kepentingan ataupun menggunakan kapal-kapal mereka dalam perkapalan di negara ini.

Saya berpendapat sekatan yang ada seperti termaktub dalam Ordinan Perkapalan Saudagar ini, sekisyen 65KA sudah tentu akan memberi satu manfaat. Sekatan ini akan menyedarkan mereka yang mengambil peluang untuk bergiat dalam aktiviti-aktiviti anti nasional yang ada kemungkinan dijalankan oleh kapal-kapal yang berulang-alik daripada luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini juga sudah tentu akan timbul daripada empunya-empunya kapal ataupun kapal-kapal yang ada di negara kita ini. Kegiatan-kegiatan anti nasional ini mungkin dijalankan oleh empunya-empunya kapal, bukan sahaja kapal-kapal orang asing tetapi kapal-kapal dalam negeri yang berjalan ataupun belayar tanpa sekatan-sekatan yang memberi manfaat sekatan-sekatan yang berkeupayaan apabila mereka ini melintasi zon wilayah sesebuah negeri.

Begitu juga pengawasan dari segi keselamatan negara. Dengan adanya Ordinan Perkapalan Saudagar ini dapatlah kita serba sedikit mengawal ataupun mewujudkan suasana yang selamat bagi masyarakat yang tinggal di negara ini, oleh kerana seperti saya sebutkan awal-awal tadi bot-bot tempatan kadangkala sengaja belayar melintasi batasan wilayah yang dikenakan apabila bot-bot ini didaftarkan. Sudah tentu tujuan mereka ini adalah tujuan yang tidak sihat oleh kerana mereka ini sudah tahu dan sudah diberitahu tentang syarat-syarat apabila bot-bot dan kapal-kapal ini

didaftarkan. Maka dengan Ordinan ini kita dapatlah mengawasi aktiviti mereka ini, aktiviti anti nasional ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir tanpa kawalan ketat dari semua pihak, terutama sekali Pemeriksa-pemeriksa Kapal, Pegawai-pegawai Kastam, pihak Polis, kerjasama mereka ini amatlah penting. Tanpa kawalan yang ketat dan kerjasama daripada semua pihak ini maka negara kita akan terbuka kepada mereka yang berniat jahat. Saya percaya senjata-senjata yang digunakan untuk merompak di negara ini, senjata-senjata ini saya percaya dibawa masuk ke negara ini dari luar negeri. Begitu juga dengan dadah, musuh negara yang harus kita perangi bersama. Sudah tentu kebanyakan daripada dadah yang kita dapati, mahupun yang sudah ditangkap ataupun dikesan ataupun yang belum dapat dikesan dadah ini datangnya dan dibawa masuk dari luar negeri melalui kapal-kapal asing ataupun kapal-kapal dan bot-bot tempatan yang dipunyai oleh orang-orang negara ini.

Saya yakin dan percaya dengan adanya Ordinan Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 1984 ini maka kita akan dapat mengawasi yang mereka ini berniat jahat dan kita mahu orang-orang ini akan turut melaksanakan undang-undang Ordinan yang akan kita perkenalkan apabila Dewan ini meluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita dapat mewujudkan kesempurnaan pendaftaran-pendaftaran kapal-kapal, khususnya di Negeri Sabah yang saya berpendapat belum begitu teratur daripada segi pendaftaran, saya tidak syak lagi dengan adanya kuasa Undang-undang seperti yang termaktub di Ordinan ini, Pegawai-pegawai Penguasa Pelabuhan sudah tentu akan dapat menjalankan tugas mereka dengan begitu efektif dan tidak rasa ragu-ragu lagi. Dengan pengluasan Ordinan Perkapalan ini juga maka objektif kita untuk mempercepatkan proses integrasi

nasional sudah tentu akan dapat kita capai. Oleh kerana dengan adanya lawatan kapal-kapal daripada negeri-negeri yang terdapat di Malaysia ini maka anak-anak kapal ini akan dapat melihat dan melawat dan juga menjelajahi ke beberapa buah negeri, khususnya Negeri Sabah dan Sarawak. Dengan proses ini maka dapatlah kita meningkatkan dan membantu mempercepatkan proses integrasi nasional.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Ordinan Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 1984 ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Jerai.

5.10 ptg.

Tuan Ismail bin Arsbad (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita mengalu-alukan di atas Rang Undang-undang yang dikemukakan bagi meminda Ordinan Perkapalan Saudagar yang bertujuan untuk dapat memperluaskan peruntukan-peruntukannya yang tertentu kepada negeri Sabah dan Sarawak dan juga mengadakan peruntukan-peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita Malaysia ini telah lama tetapi baru pada hari ini sahaja pindaan Rang Undang-undang untuk memperluaskan Ordinan Perkapalan kepada Sabah dan Sarawak ini dapat diadakan. Sepatutnya pindaan ini lebih dahulu lagi dapat diadakan yang mana seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi untuk dapat memperkembangkan lagi peraturan-peraturan undang-undang perkapalan bagi negara kita di dalam usaha untuk mengawal dan juga untuk memperlesenkan perkapalan-perkapalan yang ada di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa dengan pindaan kepada Rang

Undang-undang Perkapalan ini bukan sahaja dapat memperkembangkan peraturan-peraturan dan perundangan perkapalan di negara kita tetapi juga akan menjadi suatu galakan kepada usaha mempertingkatkan lagi industri perkapalan dan pelaburan di negara kita.

Saya amat mengalu-alukan di atas beberapa pindaan-pindaan yang dikemukakan khususnya kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang dibawa yang mana peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang dikemukakan kepada pindaan ini benar-benar akan membawa jaminan dan juga akan dapat benar-benar membawa kepada kesempurnaan pelaksanaan undang-undang peraturan perkapalan di negara kita. Syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang diberikan terutama kuasa-kuasa yang diberikan kepada pendaftar adalah amat wajar untuk dapat memastikan peraturan-peraturan dapat dilaksanakan dan peraturan-peraturan dapat diikuti oleh pihak-pihak tuanpunya perkapalan dan pengendalian perkapalan dan ini juga akan dapat menjamin keselamatan perkapalan itu sendiri terutama sekali dari segi kelayakan-kelayakan perkapalan, kelayakan-kelayakan pelayaran dan kelayakan-kelayakan pengendalian perkapalan itu. Sekiranya ini dapat disempurnakan bererti dapat membawa kepada peningkatan yang lebih berjaya di dalam bidang perusahaan perkapalan yang bukan sahaja memberi jaminan kepada pelanggan-pelanggan untuk dapat menggunakan kapal-kapal yang didaftarkan di negara kita ini untuk menjalankan perusahaan perkapalan sama ada untuk mengeksport barangan kita ataupun untuk membawa barangan import ke dalam negara kita.

Selama ini kebanyakan kapal-kapal luar yang mengendalikan muatan barang-barangan dagangan dan sebagainya seperti mana yang disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi

dan ini berertilah bahawa peluang untuk mendatangkan hasil kepada negara kita sudah bocor ataupun tidak memberi peluang ini sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik hati kepada kuasa-kuasa yang diberikan di bawah seksyen 65 yang mana menyentuh tentang keanggotaan Lembaga Pelesenan Perkapalan ini. Pindaan baru yang dibuat ialah untuk memberikan kuasa kepada Menteri supaya boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi Pengerusi kepada Lembaga Pelesenan Perkapalan ini berbanding dengan Peraturan Undang-undang Perkapalan yang lalu hanya Ketua Setiausaha bagi Kementerian yang berkenaan sahaja yang boleh menjadi pengerusi.

Tuan Yang di-Pertua, di akhir-akhir ini banyak kedapatan pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat telah diberikan oleh pihak awam terutama sekali tentang peranan-peranan sama ada apa juga Lembaga ataupun apa juga Perbadanan-perbadanan yang mana kuasa Menteri diberikan untuk melantikkan seseorang bagi mengendalikannya. Ada pihak-pihak yang menyatakan bahawa ada kalanya apabila kuasa-kuasa Menteri diberikan dan kadang-kadangkalanya pihak Menteri sendiri melantik kalangan-kalangan daripada orang-orang politik sudah timbul berbagai-bagai masalah di mana keadaan-keadaan pembawaan politik terbawa-bawa ke dalam tugas dan tanggung-jawabnya. Dan ada juga kalangan yang menyatakan lebih sesuai kita berikan kuasa perlantikan kepada Menteri untuk melantik kalangan profesional lebih mendatangkan manfaat dan faedah kepada mengendalikan polisi-polisi yang ditentukan oleh pihak perundangan ataupun peraturan-peraturan dasar negara akan menentukan perjalanan badan-badan ataupun lembaga tadi berjalan dengan lebih sempurna tanpa menyebelahi ataupun membawa peranan dan sikap-sikap

politik di dalam tugasnya. Jadi di sini sudah ada dua pertentangan dan pendapat. Bagi saya dalam masalah ini saya yakin dan percaya tugas yang diberikan ataupun kuasa yang diberikan kepada Menteri untuk menentukannya tidaklah hanya terbatas kepada menentu ataupun membuat sesuatu penilaian ke atas satu-satu faktor semata-mata tetapi penilaiannya haruslah didasarkan kepada berbagai-bagai faktor yang lain.

Misalnya mengenai faktor apakah orang yang ditugaskan itu benar-benar memahami tentang konsep dan dasar yang dibuat oleh Kerajaan untuk dilaksanakan oleh sesuatu lembaga yang diberikan. Adakah orang yang dilantik ataupun diberi kuasa itu dapat dan melaksanakannya dengan sepenuhnya kehendak ataupun adakah orang yang diberikan tugas itu mempunyai kemampuan mengendalikannya dengan baik ataupun sempurna selain daripada mungkin juga kita memerlukan kemahiran ataupun kepakaran ataupun juga bidang profesionnya yang tertentu yang dikehendaki kepada sesuatu lembaga misalnya. Apa yang penting ialah supaya matlamat dan hasrat yang diberikan tugas itu dapat dilaksanakan dengan baik dan bukan ianya hanya terbantut ataupun membawa sesuatu masalah yang lebih berat daripada kehendak penyelesaian yang kita harapkan. Dan dengan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, bagi saya amat berharap kepada pihak Menteri yang diberikan kuasa ini benar-benar membuat penilaian seperti apa yang saya katakan tadi dengan tidak hanya semestinya membuat penilaian khasnya kepada faktor-faktor yang tertentu seperti yang saya jelaskan lebih awal.

Tuan Yang di-Pertua, lagi suatu kuasa yang diberikan kepada Pendaftar Perkapalan untuk menentukan perakuan-perakuan pendaftaran dan juga menentukan kelayakan-kelayakan mengendalikan perkapalan itu sendiri.

Saya amat menyokong di atas peruntukan ini terutama sekali kepada peruntukan di bawah seksyen 65B dan 65T yang mana memberikan peruntukan yang mencukupi untuk pegawai pendaftar menjalankan tugas-tugasnya bagi menentukan kesempurnaan pendaftaran perkapalan dan juga untuk menentukan kelicinan serta untuk menentukan pengawalan dan pengawasan menyempurnakan pendaftaran dan juga menentukan hak-hak pelayaran dan menentukan kelayakan-kelayakan pelayaran sama ada bagi perkapalan sendiri ataupun bagi pihak Nakhoda yang mengendalikan perkapalan ini.

Seperti yang saya jelaskan tadi juga bahawa dengan kesempurnaan tugas yang diberikan kepada pihak pendaftar untuk mengawasi, mengendali dan menentukan kesempurnaannya ianya akan membawa lebih banyak manfaat kepada jaminan perusahaan perkapalan itu sendiri di samping memberi keyakinan juga kepada pihak pengusaha-pengusaha yang lain di dalam bidang eksport/import bagi memberikan peluang kepada perkapalan ini mengendalikan bidang-bidang perusahaannya. Saya berharap dengan tugas yang diberikan ini bagi pihak yang bertanggungjawab akan dapat melaksanakannya dengan sebaik-baiknya seperti yang diharapkan dan tidaklah hanya melaksanakan semata-mata atas tugas tanpa menyedari hakikat yang sebenarnya mengapa tujuan dan matlamat seksyen ini diadakan bagi kesempurnaan keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya pada keseluruhannya saya menyokong penuh di atas Rang Undang-undang yang dikemukakan ini dan dengan harapan semoga dengan adanya pindaan-pindaan yang dibuat ke atas Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 yang memperuntukkan keluasan kepada negeri Sabah dan Sarawak dan beberapa seksyen-seksyen lain yang diuntukkan

kepada kesempurnaannya ini akan dapat membawa manfaat dan kebaikan bukan sahaja kepada Ordinan ini sendiri tetapi kepada ekonomi negara pada keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang.

5.20 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang telah meletakkan di atas meja untuk dibahaskan Rang Undang-undang Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 sebagaimana sahabat saya yang sebentar tadi bercakap menyatakan sepatutnya perkara ini lama telah dikemukakan di Bangunan yang mulia ini bagi kemajuan negara kita yang kita cintai ini. Setelah pun Sarawak dan Sabah menjadi gagasan Malaysia sejak tahun 1963 sepatutnya selepas sahaja dimasukkan di dalam gagasan Malaysia sebagai dua buah negeri menjadi negara Malaysia ini, selepas itu hendaklah dikaji seperti yang ada pada hari ini. Tetapi walau bagaimanapun, syukur Alhamdulillah pihak Kerajaan kita tidak lupa pada hari ini telah dibawa bagaimana pentingnya Ordinan ini untuk kemajuan perkapalan di negara kita yang mana kehendak-kehendak Kerajaan kita untuk menjadi sebuah negara perkapalan yang maju seperti Holland, Jepun dan lain-lain negara lagi.

Merujuk kepada ucapan sahabat saya tadi daripada Tenggaroh kepada zaman kesultanan Melaka, jadi sampailah masanya sekarang ini bukan sahaja kita hendak memberatkan dari segi pendaftaran tetapi beberapa syarat dan usaha harus dipenuhi iaitu selain daripada aspek pendaftaran seperti pendaftaran-pendaftaran kereta motor di atas jalan raya, ini yang kita tidak tahu di atas lautan itu. Apakah mereka berdaftar di negara kita atau negara

lain, atau tidak berdaftar langsung maka kita mustahak ada maktab perkapalan yang lengkap untuk melatih pegawai-pegawai dan anak-anak kapal supaya mutu perkhidmatan mereka setanding bahkan lebih baik dengan taraf antarabangsa. Itulah kehendak-kehendak kita.

Yang keduanya shipyardnya yang baik untuk membina kapal-kapal khasnya untuk perkapalan dalam negeri, domestic shipping. Yang dalam negeri kita pun bertaburan hendak diperluaskan pula lagi keluar negeri untuk menunjukkan ke negara lain seperti Jepun dan Holland tentu tidak, tidak mungkin kerana kapal-kapal di negara kita ini pun tidak ada shipyard-shipyardnya yang bagus dan memuaskan hati. Ini minta perhatianlah kepada Kementerian yang berkenaan, kalau hendak maju bukan sahaja Bill atau Akta Undang-undang ini dibawa tetapi ada sebaliknya itu iaitu shipyard-shipyard itu mestilah lebih baik dibina untuk mendapatkan perkapalan kita lebih maju lagi daripada negeri-negeri lain sekurang-kurangnya setanding dengan negara-negara di dunia ini.

Yang ketiganya, pelabuhan-pelabuhan yang baik, sangat-sangat dikehendaki dengan pengkalan-pengkalan yang dilengkapi dengan alat-alat dan sebagainya.

Yang keempatnya, pihak Kementerian ini hendaklah menentukan kawasan perairan-perairan kapal-kapal lalu lalang supaya jangan terlanggar dengan pukat-pukat nelayan yang begitu mahal, beratus-ratus berpuluh-puluh ribu, dilanggar begitu sahaja. Mereka telah meminjam Bank, jadi mereka tidak dapat membayar balik ongkos-ongkos Bank ini. Ini adalah penderitaan yang dirasakan oleh rakyat di negara kita ini terutama kepada pihak-pihak nelayan sebagaimana kita dapat tahu pukat tunda, pukat itu, pukat ini dilanggar oleh kapal-kapal yang besar-besar dan kecil. Ini adalah kerja-kerja

yang tidak sistematik kerana kita hendaklah memberitahu ini dia, bukan sahaja pendaftaran. ini dia jalan kapal dan ini dia tempat orang menangkap ikan. seperti di sebelah Selat Melaka, antara Sumatra dengan Malaysia ini begitu sempit. 12 batu sahaja lebih kurang 6 batu di tengah lautan. Jadi di tempat yang sempit inilah orang yang hendak menangkap ikan, di tempat sempit inilah kapal hendak lalu lalang. Di manakah kawalan dapat dibuat melainkan ditentukan kawasan, ada yang "tercorner" itu ada nelayan. diberitahu, jangan kita hendak sebok, Sabah belum masuk lagi, Sarawak itu telah lama. Kemudian yang menentukan tempat nelayan yang boleh menangkap ikan tidak bersama pula dengan kapal laluan.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh di atas Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 1984 yang ada di hadapan saya ini dan saya mengucapkan terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Mukah.

5.28 ptg.

Dr Leo Michael Toyad (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengikut perbahasan untuk meminda suatu Akta meminda Ordinan Perkapalan Saudagar tahun 1952 bagi memperluaskan peruntukan-peruntukannya yang tertentu ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Saya ingin meluangkan di sini bahawa ini adalah satu lagi langkah yang sepatutnya dibuat supaya kita dapat mengeratkan lagi dan menyeragamkan di mana yang sesuai Undang-undang yang telah lama belum dikajikan.

Perkara yang tidak harus digunakan lagi, misalnya perkataan-perkataan seperti kapal British di dalam Ordinan Perkapalan Sarawak harus juga dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya mengambil kesempatan untuk menimbulkan satu, dua perkara. Perkara yang pertama ialah mengenai penguatkuasaan di kawasan perairan-perairan Laut China Selatan.

Sekarang kita mendapat bahawa penguatkuasaan Undang-undang dan keselamatan adalah dijalankan oleh berbagai Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian seperti Kementerian Perikanan Laut, Jabatan Kastam dan juga Tentera Laut kita, dan termasuk juga Polis Laut (Marine Police).

Dalam fikiran saya penguatkuasaan yang dijalankan sekarang adalah patut dikaji semula supaya kebanyakan tenaga yang kita gunakan untuk mengawal di perairan Lautan China adalah lebih berkesan.

Saya bercadang kalau tentera laut sahaja dapat digunakan untuk mengawal keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang di laut dan dengan menjalankan pengawalan keselamatan serentak dengan menjalankan penguatkuasaan undang-undang supaya tenaga-tenaga yang lain dapat lebih digunakan lagi di darat, kerana apabila saya memandangkan bahawa kalau tenaga-tenaga yang digunakan dari jabatan yang lain, kita juga mengulang sekali lagi untuk melatih mereka untuk menjalankan penguatkuasaan dan pengawalan di laut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya juga ingin menyentuh di sini bahawa saya ingin menyokong juga cadangan untuk menyediakan satu akademi untuk pelayar-pelayar dan

anak-anak kapal atau nakhoda tempatan kita seperti yang telah dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini tadi, banyak dalam sejarah kita, anak-anak tempatan kita adalah berasal dari keturunan nelayan dan orang-orang laut, orang-orang yang bekerja sebagai ahli pelayaran. Jadi oleh kerana itu supaya dapat kita meninggikan lagi taraf pelayaran anak-anak kapal kita dan nakhoda-nakhoda kita, saya ingin juga menyuarakan sokongan saya untuk supaya Kerajaan dapat, atau badan-badan swasta dapat menubuhkan satu akademi untuk nakhoda-nakhoda dan anak-anak kapal kita.

Oleh kerana satu masalah yang kita dapati sekarang mengenai kapal-kapal yang mengangkut passenger di sungai atau di laut di Sarawak, mungkin ada juga anak-anak kapal yang belum didaftar atau tidak disahkan layak atau tidak sebagai pengemudi atau nakhoda kapal untuk mengangkut passenger. Saya memandangkan ini untuk keselamatan kapal dan juga keselamatan orang-orang yang diangkut dengan kapal itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh di sini satu masalah yang terdapat di kawasan-kawasan perairan nelayan di Sarawak dan di kawasan saya yang mana banyak kayu-kayu atau batang-batang kayu balak yang telah diangkut telah ditinggalkan di muaramuara adalah menjadi satu bahaya untuk kapal-kapal nelayan yang kecil yang keluar untuk menangkap ikan.

Saya harap Kementerian atau jabatan yang tertentu dapat menimbang dan meneliti masalah ini.

Itu sahaja dan saya ingin juga memberikan sokongan kepada pemindaan undang-undang ini yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan pada hari ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

5.34 ptg.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, saya turut mengambil kesempatan bersama-sama untuk membincangkan dan membahaskan Rang Undang-undang mengenai Perkapalan Saudagar, 1952 yang dipinda bagi memperluaskan peruntukan-peruntukannya.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pengangkutan yang dengan penuh kesedaran meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 untuk memperluaskan peruntukannya ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Adalah bersesuaian dan tepat tujuan pindaan dan perluasan ini dibuat memandangkan perkembangan dan kemajuan industri perkapalan di rantau ini dan di peringkat antarabangsa.

Sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat serta mencapai tahap kemajuan yang tinggi, memang wajar satu demi satu industri yang boleh berkembang dan mendatangkan keuntungan diperkemas dan diperluas serta dilicinkan pentadbirannya.

Dengan tindakan itu besar kemungkinan dapat matlamat-matlamat pindaan ini dicapai iaitu menggalakkan industri perkapalan dengan pendaftaran yang lebih fleksibel meningkatkan penyertaan warganegara Malaysia dalam industri perkapalan, melindungi perusahaan warganegara dalam industri perkapalan melalui pindaan yang telah dibuat dalam seksyen 65KA. Dengan kembang dan majunya industri itu mudah-mudahan matlamat mengurangkan defisit dapat dicapai.

Bahagian-bahagian yang bersabit dengan menggalakkan penyertaan warganegara di pesisiran dan di luar pantai disertai dengan syarat-syarat dan

keutamaan mendapatkan lesen, pemegangan saham yang lebih peratusnya kepada warganegara hendaknya benar-benar mendatangkan hasil yang positif.

Dengan hasrat menarik pelaburan dan kepakaran asing serta mempercepatkan pertukaran teknologi terdapat beberapa syarat dan dilonggarkan. Saya berharap kelonggaran itu tidak disalah tafsirkan oleh pihak yang mentadbir sehingga merugikan warganegara seperti pengalaman kita dalam lain-lain industri di masa lalu.

Takrif baru zon ekonomi eksklusif yang luas 200 batu dari pantai adalah mendatangkan rahmat, terutama kepada mereka yang mata pencariannya berpunca dari dasar laut sama ada mereka itu dalam industri perkapalan, golongan nelayan atau yang lain-lain yang terkandung dalam Seksyen 473A.

Seksyen 65L Ordinan berkenaan, subseksyen 3 baru yang mengecualikan kapal di bawah 15 tan, kapal dilesenkan di bawah seksyen 475 dan bahagian (c) berkaitan dengan negeri-negeri Sabah dan Sarawak yang dilesenkan di bawah Merchant Shipping Ordinance, 1960, Sabah; (d) berkaitan dengan negeri Sarawak, kapal yang dilesenkan di bawah Merchant Shipping Ordinance, 1960, Sarawak; dan (e) mana-mana kapal kepunyaan atau digunakan oleh Kerajaan Malaysia atau mana-mana negeri atau penguasa pelabuhan. Semuanya adalah dikecualikan dari subseksyen 1.

Dengan pengecualian itu ia akan memberikan kemudahan-kemudahan kepada mereka yang terlibat dan dengan itu sudah tentu trafik di perairan akan lebih sibuk dan saya pohon pihak berkuasa dapat bersedia dengan kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku kepada mereka yang terlibat di perairan di sekitar Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Pengangkutan menjawab dan mengulung perbahasan.

5.38 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berminat untuk berucap dan mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Kebanyakan Ahli Yang Berhormat telah mengucapkan tahniah kepada Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan oleh kerana terdapat peluang masa ini untuk mengemukakan Rang Undang-undang di Dewan yang mulia pada hari ini, walaupun mereka berpendapat bahawa lebih ada faedahnya jika Kerajaan berbuat demikian lebih awal lagi.

Sebenarnya, undang-undang Perkapalan Saudagar Tahun 1952 ialah satu ordinan yang lama wujud dan sentiasa dikaji supaya peruntukan-peruntukan yang sedia ada dipinda dari masa ke semasa supaya selaras dengan perkembangan industri perkapalan, perkembangan ekonomi Malaysia dan perkembangan politik Malaysia. Ada juga satu masalah Perlembagaan oleh kerana sebelum ini Sabah dan juga Sarawak adalah ordinan perkapalan masing-masing dan di dalam Perlembagaan Malaysia jenis-jenis "shipping" tertentu ialah satu subjek concurrent. Kerajaan Pusat dikehendaki oleh Perlembagaan supaya berunding terlebih dahulu dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak masing-masing sebelum Rang Undang-undang ini dapat disiap-sediakan dengan persetujuan Kerajaan Sabah dan Sarawak. Tetapi dengan adanya persefahaman di antara

Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dan Pusat maka dapatlah kita mencapai satu tujuan dan hasilnya Rang Undang-undang ini.

Ada juga beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan hasrat mereka, hasrat Dewan ini yang juga hasrat Kementerian Pengangkutan dan hasrat Kerajaan supaya industri perkapalan ini bukan semata-mata bergantung kepada kapal-kapal belayar sahaja melainkan kita semua harus memperbaiki lagi mutu perkhidmatan dalam kapal-kapal dan mutu latihan anak-anak kapal. Di sini saya sukacita memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa minat mereka tentang latihan anak-anak kapal adalah satu faktor yang benar-benar akan memberi faedah kepada Kerajaan dan negara ini dan saya akan mengambil ingatan tentang cadangan-cadangan seperti itu. Jikalau saya sebutkan tentang latihan sahaja setakat ini, Ahli-ahli Yang Berhormat barangkali mungkin tahu bahawa sudah wujudnya satu Akademi Laut di Melaka sudah lama dahulu Akademi sekarang ini tidak dapat diluaskan oleh kerana ada faktor-faktor yang tidak diizinkan diluaskan khasnya tentang peruntukannya. Kementerian Pengangkutan sedang mengkaji kedudukan Akademi Laut sekarang ini yang mana peruntukan sumbangan wang datang kebanyakannya dari MISC. Baru-baru ini saya sendiri telah melawat akademi ini supaya dapat tahu sama ada akademi ini boleh ditingkatkan lagi dan jikalau dapat ditingkatkan lagi apakah latihan yang sebenarnya boleh didapati. Sekarang ini latihan yang diberi dalam Akademi Laut di Negeri Melaka ialah dalam latihan kelasi dan anak-anak kapal tetapi ada jugalah hasrat akademi itu supaya pegawai-pegawai dapat dilatih di sini dan tidaklah mustahak supaya mereka dilatih di seberang laut sahaja.

Ada juga beberapa teguran dibuat tentang kelemahan-kelemahan yang mungkin timbul dalam pentadbiran

perlesenan supaya pihak-pihak yang tertentu mengambil kesempatan apabila syarat-syarat dilonggar dan mereka yang akan barangkali menggunakan syarat-syarat ini supaya mengadakan dalam bahasa Inggerisnya "front companies" yang tidak benar-benar menjadi syarikat Malaysia tetapi menjadi front companies untuk pelabur-pelabur asing.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Perlesenan Perkapalan sekarang ini sedia maklum bahawa ada juga kemungkinan bahawa syarikat-syarikat akan mengambil kesempatan ini untuk mendaftarkan diri sebagai syarikat Malaysia, tetapi sebenarnya pengurusannya dan pelaburannya datang dari luar. Ini kami sedar dan ini kami akan berwaspada supaya dapat mengawal dengan telitinya.

Di sini saya hendak menjawab beberapa soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sib. Beliau telah menyatakan bahawa barangkali pihak MISC iaitu sebuah syarikat perkapalan di mana Kerajaan telah menggalakkan menubuhkannya beberapa lama dahulu akan menjadi monopoli di dalam pelayaran dan pengangkutan kargo di antara Sabah dan Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Sebenarnya, MISC tidak menjadi monopoli dalam perniagaan ini oleh kerana terdapat juga banyak kapal-kapal tempatan atau domestic shipping yang berulang-alik dari Sabah dan Sarawak dan Semenanjung. Apa yang menjadi satu masalah dalam perhubungan Malaysia iaitu di antara Semenanjung dan Sabah dan Sarawak tentang dengan izinnya "regularity of schedules". Oleh kerana kebanyakan kapal-kapal tempatan lebih gemar ataupun lebih berminat untuk membuat "tramp shipping", dengan pergi dari satu tempat ke satu tempat di mana ada kargo kapal angkut kargo itu. Dan tidak ada "regular schedule" tetapi MISC

misalnya adalah "regular schedule" dan mereka yang berniaga tahulah tentang bilakah kapal dari MISC akan singgah di dalam pelabuhan tertentu. Dan ini satu faedah yang MISC boleh memberikan kepada mereka yang berniaga dan dengan adanya "quality" dan "quantity of service" ini boleh mengerat lagi perhubungan di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak. Tetapi apa yang ditegaskan di sini ialah supaya bukan sahaja kapal-kapal digalakkan mendaftarkan di Semenanjung tetapi kapal-kapal itu mestilah mengadakan satu mutu yang cukup tinggi.

Saya juga bimbang tentang kemungkinan bahawa kapal-kapal lama yang telah digunakan oleh negara-negara maju yang lain dan telah lama dibina bertahun-tahun, dua ribu tahun dan tidak lagi dapat didaftarkan di dalam negara-negara maju, akan berpindah ke Malaysia untuk didaftarkan di sini oleh kerana memang Kerajaan dan Kementerian Pengangkutan menggalakkan lebih kapal mendaftarkan di negara Malaysia. Tetapi saya boleh beri satu jaminan di sini bahawa sebelum sebuah kapal itu didaftarkan, kapal itu diperiksa dan dari segi keselamatan, dari segi mutunya sebelum didaftarkan. Tetapi tidak boleh juga dinafikan setakat ini bahawa ada juga kapal-kapal yang lama telah didaftarkan.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya boleh katakan bahawa kebanyakan Pengarah-pengarah Pelabuhan-pelabuhan di Malaysia telah menyuarakan hasrat mereka supaya kapal-kapal yang didaftarkan di dalam Malaysia ini tidaklah kapal yang lama sangat, oleh kerana jikalau sesebuah kapal yang lama datang ke pelabuhan ini dan tidak ada kelengkapan yang cukup dan sempurna ini akan mengambil masa lama untuk barang diturunkan dari kapal ataupun dimuatkan dalam kapal. Pelabuhan pelabuhan Malaysia ini juga hendak

adakan satu rekod supaya "turn-around of ships" boleh dicepatkan lagi. Jikalau kapal-kapal lama sahaja menggunakan pelabuhan-pelabuhan itu maka "turn-around time" akan lembut dan mereka pun sudah menyuarakan hasrat mereka kepada saya supaya dalam masa akan datang Lembaga Pelesenan ini tidaklah menggalakkan sangat kapal-kapal yang lama didaftarkan di sini.

Saya juga hendak menyentuh tentang hasrat Ahli Yang Berhormat dari Sibul supaya perhubungan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak dipereratkan lagi dengan adanya perhubungan lautan digalakkan. Di sini memang menjadi hasrat Kerajaan supaya perhubungan di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak diadakan bukan sahaja melalui udara bahkan melalui Lautan China Selatan. Di sini pihak-pihak perkapalan khususnya PNSL sudah diberikan satu mandat untuk mengadakan satu perkhidmatan feri di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak. Sewaktu saya dapat satu taklimat oleh pihak PNSL tidak berapa lama dahulu, mereka mengatakan bahawa kajian sedang dibuat sama ada perkhidmatan feri ini akan dapat "viable" ataupun tidak tetapi saya harap bahawa kajian itu akan menghasilkan sebuah perkhidmatan feri supaya bukan sahaja penumpang-penumpang dapat berulang alik dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak tetapi feri itu juga boleh mengangkut kenderaan dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Sibul mengharapkan bahawa proses mendapatkan lesen untuk kapal-kapal khususnya dari Sarawak dipercepatkan lagi. Di sini sukacita saya menyatakan bahawa Lembaga Pelesenan Perkapalan mengadakan mesyuaratnya tiap-tiap bulan dan syarikat-syarikat perkapalan dinasihatkan supaya sebelum lesen kapal-kapal mereka tamat mereka hendaklah membuat permohonan untuk membaharui lesennya sekurang-kurangnya dua bulan sebelum lesen itu

luput supaya proses membaharui lesen ataupun memberi lesen yang baharu boleh diadakan dengan lebih licin dan teratur. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Sibul tidak ada keraguan bahawa kita sengaja melambatkan permohonan-permohonan dari Sarawak oleh kerana Lembaga ini menimbangkan semua permohonan yang diterima dengan teliti dan saksama.

Ahli Yang Berhormat dari Sibul juga membangkitkan perkara supaya pemilik-pemilik kapal di Sabah dan Sarawak dikecualikan daripada lesen perkapalan dalam negeri. Dukacitalah saya tidak dapat memberi persetujuan atas cadangan ini oleh kerana tujuan Rang Undang-undang ini adalah supaya Kementerian Pengangkutan melalui agensi-agensi yang berkenaan boleh mengawal dan menyimpan rekod kapal-kapal yang ulang alik dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak ataupun buat perniagaannya dalam perairan Malaysia ini. Jikalau kita mengecualikan kapal-kapal dari Sabah dan Sarawak ini bermakna bahawa Rang Undang-undang ini tidak akan mencapai matlamatnya. Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini yang telah menyatakan bahawa Malaysia pada zaman dahulu sudah ada satu tradisi di mana khususnya orang Melayu mengadakan pengetahuan dan ilmu dalam perniagaan laut dan mereka juga bangga oleh kerana ada tradisi seperti ini. Ada juga Ahli Yang Berhormat mengatakan bukan sahaja kami hendak mendaftarkan kapal-kapal tetapi mustahak jugalah menyimpan rekod supaya dalam sejarah akan datang perkembangan perkapalan sebagai satu urusan perniagaan dapat dicatat dalam sejarah Malaysia. Saya harap bahawa Ahli Yang Berhormat dari Sibul bolehlah faham apa sebabnya cadangannya itu tidak dapat diterima.

Saya telah menyentuh tentang cadangan beliau supaya proses permohonan lesen dipercepatkan dan saya harap beliau boleh menasihatkan

syarikat-syarikat di Sabah dan Sarawak supaya buatlah permohonan lebih-lebih awal lagi supaya tidak dilewatkan proses pelesenannya.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan beberapa perkara khususnya tentang Economic Zone dan sama ada jikalau berlakunya kejadian dalam Zon Exclusive ini adakah Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan adakah mereka sanggup menguatkuasakan undang-undang ini. Sebenarnya seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum matlamat Convention "Law of the Sea" telah mengiktirafkan konsep EEZ (Exclusive Economic Zone) sejauh 200 batu dari garis pangkal ataupun dari base line dan sebagai Kerajaan Malaysia kita akan mengambil apakah tindakan yang sewajarnya supaya hak-hak dalam zone ini dilindungi dan inilah satu undang-undang tempatan di mana orang-orang asing mesti juga menghormati dan mematuhi. Ada juga Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga menyatakan bahawa nampaknya perkembangan kapal-kapal tempatan yang didaftarkan di sini tidak begitu ketara dan beliau mengharapkan lebih banyak lagi kapal-kapal tempatan boleh dapat didaftarkan berbanding dengan kapal-kapal asing.

Di sini saya ucapkan terima kasih kepada beliau oleh kerana nampaknya beliau telah membuat "homeworknya" dan telah membuat kiraan tentang nisbah kapal-kapal Malaysia dibandingkan dengan kapal-kapal asing yang beliau nyatakan telah meningkat lebih cepat daripada kapal-kapal warganegara. Saya akan mengkaji juga nisbah-nisbah itu supaya lebih menggalakkan kapal-kapal warganegara untuk mendaftar sebagai kapal-kapal tempatan.

Beliau juga memberi sedikit penjelasan tentang mustahaknya Kementerian Pengangkutan mengkaji bagaimana cara industri perkapalan saudagar ini boleh membantu Kerajaan

dan negara dari segi "Balance of Payments" di negeri ini. Memang benar dan saya pun telah sebutkan dalam ucapan saya tadi apabila mengemukakan Rang Undang-undang ini bahawa Malaysia sentiasa mengalami kemerosotan dalam "Balance of Payments," di dalam "Invisible Accounts" dan kebanyakan "Invisible Accounts" ini diakibatkan oleh kerana pembayaran freight dan insurans. Sebagai sebuah negara yang mengeksport bahan-bahan mentah, komoditi dan sebagainya, banyak barang yang dieksportkan dalam kapal-kapal asing di mana bukan sahaja mengeksport-pengeksport kita dikehendaki membayar freight tetapi juga insurans dan inilah yang mengakibatkan Balance of Payments and Services Account (Akaun Perkhidmatan) biasanya kurang. Ini adalah deficit dan ada satu dilemma juga; lebih barang dieksport lebih kita kena bayar freight dan insurans dan lebih deficit dalam Services Account.

Oleh sebab itu Kementerian Pengangkutan dan Kerajaan bukan sahaja menggalakkan supaya lebih banyak kapal warganegara didaftarkan bahkan lebih banyak juga kapal-kapal asing didaftarkan di sini supaya perdagangan antarabangsa bolehlah dapat lebih imbalan daripada sekarang dan kekurangan Invisible Accounts itu dapat diatasi sedikit demi sedikit.

Saya juga memberi ucapan terima kasih kepada beliau oleh kerana beliau mengatakan bahawa nampaknya definisi Exclusive Development Zone ini baru dapat dilihat dalam Rang Undang-undang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh juga membangkitkan masalah yang mungkin timbul jikalau kapal-kapal yang didaftarkan ialah kapal-kapal yang lama dan mutunya disyaki. Di sini saya sekali lagi memberi satu jaminan bahawa ada peraturan di bawah

Seksyen 57 di mana sebelum kapal-kapal didaftarkan, tiap-tiap kapal perlu diperiksa oleh Bahagian Pemeriksaan Kapal, Jabatan Laut, untuk memastikan bahawa dari segi keselamatan dan dari segi mutunya kapal itu yang didaftarkan bukan sahaja mematuhi kehendak-kehendak tempatan (domestic requirements) tetapi kehendak-kehendak antarabangsa oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa ada juga kapal-kapal yang didaftarkan di sini yang mengadakan perdagangan antarabangsa dan jikalau kapal-kapal itu singgah di satu pelabuhan di negara lain kapal-kapal itu juga mestilah mematuhi peraturan-peraturan keselamatan dan sebagainya yang dikehendaki oleh negara-negara asing.

Beliau juga menyentuh tentang masalah keselamatan pelayaran dan ancaman pelayaran dari bahaya batu karang di laut. Memang adalah banyak masalah tentang batu-batu karang dan sebagainya tetapi Jabatan Laut menyediakan alat bantuan pelayaran yang diberikan oleh sebuah Lembaga yang bertanggungjawab atas semua perkara tentang keselamatan laut dan jikalau bahaya laut dapat dilaporkan kepada Jabatan Laut, Jabatan Laut menyiarkan masalah ini kepada pengetahuan masyarakat perkapalan melalui notis pelaut ataupun notis perkapalan ataupun surat pekeliing dan sebagainya. Jikalau Ahli Yang Berhormat memikir bahawa ada batu-batu karang yang tertentu di dalam kawasan Mersing ataupun di kawasan luar yang patut mengadakan lampu isyarat ataupun tanda-tanda tetap, saya harap bahawa beliau boleh buat cadangan ini kepada Syahbandar di kawasan beliau supaya tindakan sewajarnya boleh diambil dan bahaya-bahaya ini boleh dapat dielakkan.

Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh juga telah membangkitkan masalah yang dihadapi oleh setengah-setengah nakhoda kapal di Mersing oleh kerana

Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa ada setengah-setengah daripadanya tidak ada kemudahan peperiksaan untuk dapat sijil kecekapan dan tidak dapat kemudahan latihan untuk mengambil peperiksaan tersebut. Saya juga khuatir dengan beliau bahawa jikalau nakhoda-nakhoda ini membawa bot-bot pelancongan dan mereka tidak ada sijil ataupun tidak ada ujian, barangkali kejadian yang tidak diinginkan akan berlaku. Ini bukan sahaja akan merosakkan nama bot-bot pelancongan itu tetapi akan membawa merbahaya kepada pelancong-pelancong yang saya dapat tahu datang ke Mersing dengan lebih ramai lagi.

Di sini sukacita saya memberi tahu Ahli Yang Berhormat bahawa peperiksaan untuk Sijil Kecekapan Laut boleh diambil di semua pejabat-pejabat Syahbandar di seluruh negara dan bagi Negeri Johor peperiksaan diadakan di Johor Bahru. Peperiksaan diadakan tiga kali setahun dan tarikh-tarikhnya dimaklumkan melalui notis perkapalan Jabatan Laut sekurang-kurangnya enam bulan lebih awal dari tarikh yang telah ditetapkan.

Di sini saya berharap bahawa Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh bolehlah menasihatkan penduduk-penduduk di situ dan mereka yang berminat untuk mengambil peperiksaan ini supaya menjadi nakhoda dan sebagainya supaya berhubunglah dengan Syahbandar di Johor Bahru supaya dapat butir-butir selanjutnya tentang peperiksaan dan bagaimana cara permohonan-permohonan harus dibuat supaya mereka yang hendak mengambil peperiksaan ini boleh melayakkan diri untuk mengambil ujian dan sebagainya.

Saya juga diberi tahu bahawa kelas-kelas latihan bagi Sijil Kecekapan Laut terdapat di Akademi Laut Malaysia yang saya sentuh tadi di Melaka, dan di Jabatan Laut di Pelabuhan Kelang dan di Wisma Pelaut Pulau Pinang. Semua

makluman tentang peperiksaan ini bolehlah didapati dari Pejabat Syahbandar yang berkenaan dan jikalau Ahli Yang Berhormat ada kesukaran tentang siapa yang patut memberi makluman kepada beliau, saya berharap Ahli Yang Berhormat tidak segan untuk berhubung terus dengan saya dan saya akan memberi arahan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya memberi lebih makluman butir-butir kepada beliau.

Memang menjadi hasrat Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Laut supaya mereka yang membawa bot-bot walaupun bot kecil adalah layak dan cekap dari semua sudut supaya keselamatan mereka, keselamatan penumpang dan keselamatan bot terjamin.

Ada juga Ahli dari Batu Pahat membangkitkan masalah kapal yang melanggar kapal yang lain dan pukut tunda nelayan di mana Ahli Yang Berhormat difahamkan bahawa Kerajaan tidak boleh mengambil apa-apa tindakan. Di sini sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan telah mengiktiraf convention antarabangsa mengenai pengelakan pelanggaran di laut, (International Regulations for the Prevention of Collision at Sea, 1972) dan sekiranya kapal asing melanggar peraturan ini di perairan Malaysia tindakan undang-undang boleh diambil di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar. Di sini saya harap bahawa Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat juga boleh memberi tahu nelayan-nelayan di situ bahawa jikalau ada kejadian seperti ini di mana bot-bot asing, kapal-kapal asing melanggar dengan bot-bot nelayan atau pukut-pukat nelayan itu, kejadian seperti ini harus dilaporkan dengan serta merta kepada Syahbandar, Jabatan Merin, Jabatan Laut supaya kajian boleh dibuat dan tindakan yang sewajarnya boleh diambil ke atas kapal-kapal asing yang membuat kesalahan sedemikian.

Di sini Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat juga telah menyentuh tentang containers dari Jepun yang datang tetapi dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu barangkali container itu balik dengan kosong sahajalah. Beliau menyuarakan hasratnya supaya Kementerian Pengangkutan lebih-lebih lagi menggalakkan penyertaan pihak bumiputera dalam industri perkapalan. Di sini sukacita saya memaklumkan bahawa hasrat ini sebenarnya hasrat Kerajaan, hasrat Kementerian Pengangkutan dan hasrat Lembaga Perlesenan Perkapalan juga. Lembaga ini sangat menggalakkan supaya kaum bumiputera lebih berminat berkecimpung di dalam bidang perkapalan. Terdapat sekarang ini jikalau saya boleh baca sedikit, ".....terdapat sekarang ini 3 orang perseorangan termasuk perkongsian bumiputera yang memiliki serta mengusahakan kapal mereka sendiri dan 5 buah syarikat perkapalan yang mana 100% pemegang sahamnya dan ahli Lembaga Pengarahnya terdiri daripada bumiputera. Di samping itu, mengikut rekod Kementerian ini juga terdapat sejumlah 172 syarikat perkapalan di negara ini yang mempunyai penyertaan bumiputera dari segi pemegang saham dan ahli Lembaga Pengarah.

Penyertaan bumiputera dalam syarikat-syarikat perkapalan ini berbeza-beza peratusnya di antara satu syarikat dengan syarikat yang lain. Adalah menjadi dasar Kementerian Pengangkutan untuk memperbanyakkan lagi bilangan bumiputera di dalam bidang perkapalan. Satu langkah yang telah diambil ialah dengan mengadakan syarat pentadbiran ke atas syarikat-syarikat perkapalan yang ingin mendaftarkan kapal-kapal mereka di negara ini. Syarat pentadbiran ini menghendaki syarikat-syarikat tersebut seboleh-bolehnya mempunyai sekurang-kurangnya 30% penyertaan bumiputera dari segi bilangan ahli Lembaga Pengarah dan pemegang saham.

Syarat ini dikuatkuasakan dengan rapi khususnya bagi syarikat-syarikat perkapalan yang hendak mengendalikan perkhidmatan perkapalan dalam negeri (domestic shipping).

Langkah ini merupakan dasar terpenting yang dibuat oleh Kementerian Pengangkutan ini untuk memperbanyakkan bilangan bumiputera dalam bidang perkapalan.

Di sini Ahli Yang Berhormat dari Lumut telah juga menyuarakan hasrat supaya walaupun Dasar Ekonomi Baru harus diikuti dalam bidang ini tetapi beliau juga harap bahawa Kementerian ini mengadakan satu sikap yang flexible. "Flexibility" memang ada, tetapi syarat yang saya sebutkan tadi mesti dikenakan juga supaya lebih lagi bumiputera dapat peluang untuk mengambil bahagian dalam industri yang sedang membangun, yang sedang kita menggalakkan.

Apa yang Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat minta juga ialah supaya satu arahan dikeluarkan supaya sebahagian kargo-kargo mesti diangkut oleh syarikat-syarikat bumiputera. Cadangan ini akan dikaji tetapi saya ingin jugalah hendak memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat bahawa industri perkapalan sekarang ini dalam Malaysia menghadapi satu masalah di mana persaingan menjadi sangat hebat dan jikalau Tuan Yang di-Pertua izinkan saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini tentang satu laporan dalam *Business Times* pagi ini sahaja di mana dikatakan ada persaingan hebat dalam domestic shipping dan ada pihak-pihak yang mendakwa bahawa Lembaga Pelesenan sudah memberi lesen yang terlebih banyak mengakibatkan "over tonnage". Inilah satu masalah yang dihadapi oleh bukan sahaja syarikat bumiputera tetapi syarikat yang lain juga. Mereka sudah bersetuju supaya tindakan menaikkan freight charges 15% selepas 5 tahun.

Baru-baru ini nampaknya keadaan ekonomi pulih dan syarikat-syarikat perkapalan ini dapat menaikkan freight itu tetapi saya harap bahawa syarikat-syarikat yang berkecimpung di dalam industri ini sedar jugalah tentang masalah-masalah yang mungkin mereka hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat meminta supaya lebih insentif diberi kepada syarikat-syarikat perkapalan, khasnya syarikat-syarikat perkapalan bumiputera.

Di sini sukacita saya menyatakan bahawa dalam belanjawan-belanjawan yang lepas, Yang Mulia Menteri Kewangan dulu telah memberitahu kepada Dewan yang mulia ini tentang beberapa lagi insentif yang telah diberi kepada syarikat-syarikat perkapalan. Misalnya, "lifting of surtax on ships" dalam tahun 1981; Accelerated depreciation on ships dalam tahun 1982; "Tax exemption for income from shipping business" dalam tahun 1984 dan Tax exemption for ships crews juga dalam tahun 1984.

Saya mengingatkan di sini bahawa Kerajaan memang sedar tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat perkapalan dan insentif-insentif ini yang telah diberi kepada syarikat-syarikat perkapalan ialah satu tanda menunjukkan bahawa memang kami hendak menggalakkan industri perkapalan di sini untuk berkembang dengan sihat dan baiknya; dan insentif ini diberi kepada semua syarikat bukan sahaja kepada syarikat bumiputera bahkan kepada semua syarikat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah saya hendak memberi sedikit sebanyak penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada juga Ahli-ahli

Yang Berhormat dari Silam dan Mukah serta Tanjong Karang yang telah memberi pandangan yang berfaedah. Tetapi oleh kerana nampaknya masa tidak mengizinkan saya memberi penjelasan dengan lebih lanjut, saya mengakhiri dengan mengucapkan ribuan terima kasih lagi kepada mereka yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dan saya berharap bahawa mereka akan terus memberi sokongan dan dorongan kepada Kementerian Pengangkutan khasnya supaya industri perkapalan saudagar ini dapat terus maju. (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 46 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual I dan II diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 16 iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila.

UCAPAN PENANGGUHAN

Kematian Puan Tan Siew Kee

6.33 ptg.

Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada keputusan kes penyiasatan kematian Puan Tan Siew Kee di Estet Tian Teik di Pulau Pinang yang diberi oleh Mahkamah Coroner di Pulau Pinang pada 18-6-1984.

Mahkamah Coroner mendapati kematian Puan Tan Siew Kee disebabkan oleh kelalaian penembakan yang dilakukan oleh Konstabel Polis PC Harun. Siasatan kematian itu telah dijalankan hanya selepas setahun sesudah si mati ditembak mati oleh PC Harun pada 29-10-1982 di Estet Tian Teik, Pulau Pinang. Kelewatan mengadakan siasatan ke atas kematian atau death inquest itu telah menyebabkan kegelisahan di kalangan penduduk-penduduk Pulau Pinang kerana nampaknya Kerajaan memandangkan ringan insiden tersebut dan ingin saya

menyatakan bahawa rasa kegelisahan itu bukanlah dengan tidak berasas.

Sekarang selepas keputusan diberi oleh Mahkamah Coroner, rakyat seluruh negara khususnya penduduk-penduduk negeri Pulau Pinang, ingin tahu bilakah Kerajaan akan bertindak ke atas keputusan yang diberikan itu. Rakyat ingin tahu bilakah tindakan akan diambil dan apakah jenis tindakan yang Kerajaan bercadang untuk mengambil.

Saya sesungguhnya berharap bahawa Kerajaan tidak akan mengambil masa yang panjang untuk membuat keputusannya dalam perkara ini. Sebenarnya Kerajaan sepatutnya mengumumkan sebaik sahaja keputusan mahkamah diberi pada 18-6-1984, tentang apakah tindakan yang ia bercadang untuk mengambil. Keputusan sudahpun diberi sebulan dahulu dan rakyat masih belum tahu apakah Kerajaan bercadang membuat berhubung dengan perkara ini. Nampaknya Kerajaan rasa bertanggungjawab dan accountability yang mengejutkan seorang Konstabel Polis yang ditembak mati oleh seorang perompak 6 bulan dahulu di Overseas Union Bank di Pulau Pinang telah diberi anugerah posthumous hari ini oleh Gabenor Pulau Pinang.

Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan Pulau Pinang telah bertindak dengan sewenangnyanya untuk menganugerahkan Konstabel Polis yang mati itu. Keberanian dan rasa tanggungjawab yang ditunjukkan itu adalah sumber inspirasi kepada lain-lain anggota-anggota Pasukan Polis. Setiap anggota Polis yang berani hendaklah diberi pengiktirafan akan keberaniannya dan di samping itu apa-apa kesalahan yang dibuat oleh seorang anggota Polis hendaklah juga dikutuk dengan semata-mata oleh pihak berkuasa. Hanya dengan membuat demikian keadilan akan dapat ditonjolkan. Oleh yang demikian, saya ingin menyeru Menteri Dalam Negeri menjunjung dan

menghormati keputusan Mahkamah Coroner.

6.35 ptg.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera dalam Ucapan Penangguhannya telah membangkitkan tentang "inquest" oleh Pegawai Penyelidik Coroner, dengan izin, mengenai kematian Puan Tan Siew Kee di Estet Tian Teik, Pulau Pinang. Saya juga turut berasa sedih di atas berlakunya kejadian tersebut yang telah mengakibatkan kehilangan nyawa seorang insan. Di atas kesedaran inilah satu inquest telah diadakan untuk menyiasat atas kejadian yang berlaku itu. Yang Berhormat itu sendiri sedia maklum bahawa keputusan inquest itu telah diumumkan pada 16hb Jun tahun ini juga yang mana Pegawai Penyelidik telah memberikan beberapa pandangan dan teguran di atas kejadian itu. Catatan-catatan keterangan Coroner dalam inquest berkenaan dengan kematian Puan Tan Siew Kee akan diteliti dengan sehalusnyanya oleh Pendakwaraya Pulau Pinang. Perakuan-perakuan dan dokumen-dokumen berhubung dengan inquest itu akan disampaikan kepada Peguam Negara untuk arahan bagi tindakan selanjutnya. Saya percaya bahawa sesiapa yang bertanggungjawab dari segi jenayah akan dipertuduh.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat seterusnya adalah terlalu awal bagi Yang Berhormat itu membangkitkan perkara ini kerana wakil-wakil bagi pihak Puan Tan Siew Kee telah pun mengemukakan satu kes sivil yang didaftarkan sebagai Bil 684/83 di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang terhadap Kerajaan Malaysia dan Ketua Polis Negeri Pulau Pinang. Maka oleh kerana itu satu kes yang telah dikemukakan dan didaftarkan dalam mahkamah berhubung dengan kematian Puan Tan Siew Kee, perkara itu tidak haruslah dibangkitkan

oleh kerana ini adalah ditafsirkan sebagai *sub judice*. Buat masa ini tidak ada apa-apa pernyataan yang boleh saya buat mengenai kes tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong.

ISU "COLLEGE GENERAL" DI PULAU PINANG

6.38 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Yang di-Pertua, dalam fikiran saya Kerajaan Pusat patut campur tangan dalam isu "College General" di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kejadian satu isu besar dan dalam isu ini ada banyak masalah-masalah yang tidak boleh diselesaikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang Yang Berhormat Dr Lim Chong Eu.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini pada 25hb Mei saya ada membuat satu tuduhan serius atas Ketua Menteri itu. Saya dalam satu kenyataan awam ada mencabar Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr Lim Chong Eu, membuat satu kes ke atas saya dalam mahkamah oleh kerana saya ada membuat satu tuduhan serius. Tuduhannya ialah Ketua Menteri pada 25hb Mei ada bercakap bohong dalam satu Press Conference di Pulau Pinang. Beliau ada mengatakan pada masa itu Majlis Mesyuarat Kerajaan belum ada membuat keputusan atas rezoning College General pada masa itu dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Pulau Pinang akan buat keputusan atas rezoning itu dalam masa hadapan, tetapi dari apa yang saya tahu keputusan sudah dibuat masa itu. Jadi Dr Lim Chong Eu telah bohong bukan sahaja kepada penduduk-penduduk di negeri Pulau Pinang, tetapi di seluruh negara. Dr Lim Chong Eu menjadi satu

pembohong besar dalam negara ini. Oleh sebab itu saya mahu tahu mengapa Dr Lim Chong Eu bohong, tentu ada punca atas mana Dr Lim Chong Eu berbohong. Jikalau Kerajaan Pusat tidak campur tangan, ini menjadi tanda yang tidak baik oleh kerana pembohong besar boleh menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan ada membuat keputusan atas perkara ini bukan 9 Ahli-ahli yang hadir. Apa yang saya tahu kurang 5 orang Ahli yang hadir dan dalam Mesyuarat ini seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Pulau Pinang ada membuat satu walk-out. Oleh kerana apa Ahli ini ada buat "walk-out" bila satu keputusan serious ada dibuat oleh Majlis itu.

Tuan Speaker, jikalau isu ini hendak diselesaikan, saya ingat Kerajaan Pusat tentu campur tangan terus, jangan lambat lagi oleh kerana penduduk-penduduk Pulau Pinang tidak suka apa yang ada timbul dalam perkara ini dan saya merayu kepada Kerajaan Pusat terus ambil perhatian dan ambil tindakan keras dalam perkara ini.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Tuan Mustaffa bin Mohammad): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk menjawab Ucapan Penangguhan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Jelutong. Saya suka memaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak bercadang untuk campur tangan dalam urusan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong itu malah Kerajaan Pusat merasakan bahawa pihak pentadbiran Kerajaan Negeri akan dapat menyelesaikan perkara ini dengan sempurna sambil mengambil kira faedah kepada negara dan kepentingan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tadi ada satu usul bahawa mengikut peruntukan Peraturan

Mesyuarat 16, iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga pada 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.42 petang.